

**Bil. 62**

**Rabu  
25 November 1998**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 1999	(Ruangan 14)
<u>Jawatankuasa:</u>	
<u>Jadual-</u>	
Maksud B.28, B.29, B.30, B.31, B.32 dan B.33	(Ruangan 14)
Maksud B.34	(Ruangan 46)
<b>USUL:</b>	
Anggaran Pembangunan 1999	(Ruangan 14)
<u>Jawatankuasa:</u>	
Maksud P.28, P.31 dan P.33	(Ruangan 14)
Maksud P.34	(Ruangan 46)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Telekom. Telekomunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

- Yang Berhormat      Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “      Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “      Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “      Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “      Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “      Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “      Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “      Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “      Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “      Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “      Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “      Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “      Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “      Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “      Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “      Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

- Yang Berhormat      Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “                      Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “                      Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “                      Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “                      Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “                      Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “                      Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “                      Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “                      Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “                      Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “                      Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

- Yang Berhormat      Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “      Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “      Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “      Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “      Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “      Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “      Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “      Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “      Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “      Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “      Dato’ Haji Badruddin bin Amiruddin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “      Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “      Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “      Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “      Tuan Chang Kon You (Ipoh Timur)
- “      Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “      Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “      Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “      Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “      Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “      Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “      Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “      Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)

- Yang Berhormat Dato' Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

- Yang Berhormat      Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “      Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “      Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “      Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “      Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “      Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “      Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “      Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “      Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “      Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K.  
(Sabak Bernam)
- “      Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “      Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “      Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “      Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “      Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “      Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “      Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “      Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “      Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “      Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P.,  
A.M.P., J.P. (Larut)
- “      Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “      Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P.  
(Hulu Terengganu)
- “      Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan  
Chepa)
- “      Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)

- Yang Berhormat      Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “                      Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “                      Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “                      Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “                      Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “                      Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “                      Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M.,  
K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “                      Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “                      Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “                      Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “                      Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “                      Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “                      Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “                      Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “                      Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah  
Alam)
- “                      Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “                      Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “                      Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “                      Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “                      Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “                      Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “                      Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “                      Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “                      Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

---

Yang Berhormat	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
“	Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
“	Tuan Tiong Thai King (Lanang)
“	Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
“	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
“	Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
“	Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
“	Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
“	Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
“	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
“	Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
“	Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
“	Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
“	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
“	Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
“	Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
“	Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor  Nora'ini binti Hetam Ramlah binti Mohd Yusuff Miskiah binti Hassan
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hassan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 25 November 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

## DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**  
**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

*[Soalan No. 1 – Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] tidak hadir]*

**GARIS KEMISKINAN (POVERTY LINE) –  
 JUMLAH DAN PUNCA**

2. Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan berapa ramai rakyat Malaysia yang berada di bawah garis kemiskinan (poverty line) dan faktor utama yang menjadi punca kemiskinan. Beri pecahan bagi tahun 1996, 1997 dan 1998 mengikut negeri.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini kerajaan menggunakan tiga pendapatan garis kemiskinan (poverty line) yang berasingan untuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bagi mengambil kira perbezaan kos hidup di ketiga-tiga kawasan tersebut.

Bagi tahun 1995 seramai 417,200 isi rumah atau keluarga tergolong di bawah garis kemiskinan iaitu 9.6% atau 1,233,200 individu miskin. Di antara faktor-faktor utama yang menjadi punca kemiskinan ialah kedudukan perkampungan atau penempatan yang terpencil di pedalaman, peluang pekerjaan yang terhad, kegiatan ekonomi yang masih tradisional dan kurang mampu untuk menjaga pendapatan yang konsisten, kurang accessibility kepada kemudahan asas serta sosial dan tidak kurang juga sikap dan tahap pembangunan minda kumpulan berkenaan yang masih rendah.

Sehingga kini maklumat yang digunakan adalah berasaskan kepada tahun 1995. Insiden atau kadar kemiskinan pada tahun berkenaan mengikut negeri adalah seperti berikut:-

<u>Negeri</u>	<u>Jumlah</u>	<u>[%]</u>
Johor	15,900	3.2
Kedah	40,000	12.1
Kelantan	61,500	23.2
Melaka	7,000	5.2
Negeri Sembilan	8,500	4.8
Pahang	15,600	6.8
Perak	41,100	9.1

Perlis	5,200	12.7
Pulau Pinang	10,700	4.1
Selangor	15,500	2.5
Terengganu	41,500	23.4
Sabah	67,700	26.2
Sarawak	38,500	10.0

Kerajaan mengunjurkan bahawa ekoran dari kegawatan ekonomi, kadar kemiskinan dijangka akan meningkat dari 6.7% pada tahun 1997 kepada 8% pada tahun 1998.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, punca-punca ke arah kemiskinan telah pun dikesan oleh pihak kementerian dan di samping itu juga kementerian telah pun menjangka bahawa ekoran dari kegawatan ekonomi, kadar kemiskinan (poverty line), dengan izin, ini akan meningkat. Setelah punca-punca dikenal pasti, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memulihkan golongan ini memandangkan jumlahnya begitu besar.

Dan setakat manakah keyakinan kerajaan bahawa langkah-langkah yang diambil ini mungkin dapat menurunkan kadar kemiskinan kepada kadar yang cukup minimum?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan yang tertentu, walaupun negara mengalami kegawatan ekonomi dalam tahun ini Kerajaan Pusat menambah RM1 juta untuk rancangan pembasmian kemiskinan. Dalam budget tahun akan datang, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM700 juta khasnya untuk pembasmian kemiskinan ini. Dengan adanya peruntukan yang besar maka kementerian saya akan melanjutkan tindakan-tindakan untuk mengurangkan kemiskinan di tanah air kita ini.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan ramai di antara rakyat Malaysia lebih kurang 6% adalah di bawah poverty line di Malaysia. Adakah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil kira perbezaan di antara yang berada di luar bandar dan di pekan. Kita semua maklum, walaupun ramai yang duduk di pekan, banyak di antara mereka itu sangat miskin. Dalam keadaan ini, apakah yang telah dipastikan oleh kerajaan dan apakah tindakan tegas yang diambil.

Adakah di antaranya kerajaan akan memberi kepada pihak yang berkenaan ini setiap bulan katakan satu ganjaran sebanyak RM300 ataupun RM400 supaya mereka dapat menyelesaikan masalah mereka sendiri selain dari bantuan kerajaan yang sedia ada.

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun kementerian saya bertanggungjawab untuk penduduk di kawasan luar bandar, baru-baru ini perkara kemiskinan di bandar telah juga diberi tanggungjawab kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan kerajaan telah mengambil tindakan. Sebagai sebuah aktiviti perintis kita telah membuat di Lembah Klang dan kita telah membelanjakan sebanyak lebih kurang RM5 juta dan kita mengenal pasti rancangan khas untuk ibu tunggal dan rancangan ini akan diperluaskan ke Pulau Pinang, Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Johor Bahru pada tahun yang akan datang. Apabila kita meluaskan rancangan-rancangan ini, maka kita boleh mengatasi atau menangani masalah kemiskinan ini.

Jawapan bagi soalan yang kedua tadi mengatakan bahawa pendapatan rendah di bandar-bandar ini, walaupun pada masa kini kita mempunyai satu garis panduan untuk luar bandar juga iaitu pendapatan maksimum sebanyak RM425 sebulan tetapi baru-baru ini

DBKL telah mengadakan satu garis panduan iaitu RM1,500 sebulan, begitu juga bagi Amanah Ikhtiar Malaysia mereka ada siling sebanyak RM1,000. Maka apabila kita meluaskan rancangan ini ke bandar-bandar lain, kita akan mengambil kira keadaan bandar-bandar itu untuk mengira pendapatan mereka.

### **USAHAWAN IKS - KHIDMAT BIMBINGAN DAN BANTUAN**

**3. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan selain dari dana-dana yang disediakan, apakah skim bimbingan yang disediakan oleh kementerian untuk membantu usahawan Industri Kecil dan Sederhana bumiputera.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan mengadakan program bimbingan kepada usahawan kecil dan sederhana bertujuan membantu dan menasihati mereka yang menghadapi masalah perniagaan, memulakan perniagaan dan juga bagi mereka yang ingin mendapatkan maklumat perniagaan.

Untuk itu, kementerian mewujudkan Pusat Bimbingan Usahawan dan Pusat Khidmat Usahawan Kecil bertempat di tingkat bawah Medan MARA. Di pejabat-pejabat ini ditempatkan pegawai-pegawai yang bertindak sebagai kaunselor. Usahawan dan bakal usahawan boleh berjumpa dengan mereka untuk mendapat nasihat.

Pusat Bimbingan Usahawan juga telah diwujudkan di lima daerah iaitu di Pontian, Kota Bharu, Bandar Pusat Jengka, Teluk Intan dan Jeli. Beberapa Pusat Bimbingan Usahawan yang lain sedang dalam proses pewujudan seperti di Melaka, Alor Setar, Kota Kinabalu, Kuantan dan Pulau Pinang.

Selain dari itu, agensi kementerian seperti MARA, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, UDA Holdings Sendirian Berhad dan Perbadanan Kraftangan Malaysia telah sememangnya menyediakan khidmat kaunseling dan bimbingan kepada usahawan dan bakal usahawan sekiranya diperlukan.

Lain-lain perkhidmatan yang disediakan oleh agensi di bawah kementerian, adalah seperti premis perniagaan oleh UDA Holdings Sendirian Berhad dan MARA, kilang bimbingan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan MARA, Kajian dan Pembangunan (R&D) oleh Perbadanan Kraftangan Malaysia.

Di bawah MARA, bimbingan dan khidmat nasihat perniagaan dilaksanakan adalah lebih menyeluruh dan menjadi tugas hakiki kepada semua pegawai MARA di negeri dan daerah untuk melaksanakan tanggungjawab ini secara berterusan.

Di bawah Skim Khidmat Pakar Perunding, MARA menyediakan perkhidmatan bimbingan yang lebih profesional dikendalikan oleh juruperunding-juruperunding luar yang berkelayakan dalam bidang-bidang tertentu. MARA juga mewujudkan Pusat Inkubator di setiap buah negeri sebagai satu usaha untuk membimbing usahawan-usahawan baru dalam mengendalikan perniagaan mereka.

Di samping bimbingan dan Pusat Bimbingan Usahawan, kementerian juga menyediakan program-program perniagaan seperti produk di bawah francais, vendor, mentor mentee, usahawan tulen dan penemuan usahawan dengan pakar teknologi.

Kementerian bersama agensinya juga mengadakan latihan dan kursus yang boleh diikuti oleh usahawan dan bakal usahawan. Bagi meningkatkan pengetahuan dan prestasi usahawan, kementerian mengadakan latihan spesifik seperti Usahawan Berjaya Utama (UBU) selama 18 bulan dan Program Pembangunan Eksport (PPE) selama 12 bulan

dengan kerjasama Irish Management Institute. Tindakan susulan ke atas bekas peserta menunjukkan peningkatan dari segi pengeluaran dan keuntungan.

Peserta Program PPE juga telah berjaya mengeksport barang keluaran mereka ke beberapa buah negara luar. Pada Januari tahun hadapan, kementerian akan bekerjasama dengan MDC untuk mewujudkan inkubator usahawan cyber yang akan dilaksanakan di Pusat Inkubator MDC, insya-Allah pada Januari 1999 di Cyberjaya.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Tahniah saya ucapkan kepada pihak kementerian yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan bilangan usahawan bumiputera dengan pewujudan beberapa pusat bimbingan.

Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa ramaikah usahawan bumiputera setakat ini yang dapat peluang dibimbing di bawah pusat ini dan yang berjaya dan apakah bidang-bidang perniagaan mereka? Sekian, terima kasih.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mersing. Saya tidak ada bilangan yang terperinci, tetapi untuk Pusat Khidmat Usahawan di kementerian sehingga kini kita telah dapat memberi khidmat nasihat kepada 591 usahawan dan untuk maklumat komputernya kepada 739 usahawan dan 2,722 usahawan telah mendapat risalah daripada pusat tersebut.

**Datuk Abu Seman bin Haji Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ucapkan tahniah kerana kementerian banyak mewujudkan pelbagai pusat bimbingan untuk usahawan kecil dan sederhana. Apa yang saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu dengan banyaknya pusat bimbingan ini, tidakkah kementerian melalui pusat bimbingan ini mengenal pasti usahawan kecil dan sederhana yang mempunyai potensi untuk mengambil mereka sebagai anak angkat untuk memberi bimbingan, memberi dana dan sebagainya sehingga mereka ini berjaya hingga dapat berdikari?

**Dato' Idris bin Jusoh:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah. Sememangnya melalui pusat-pusat bimbingan ini dan juga melalui program-program yang telah dilancarkan di bawah MARA, mereka dikehendaki untuk mengenal pasti usahawan-usahawan yang boleh dibimbing dan seterusnya dibimbing secara integrasi, secara berpakej di mana usahawan yang memang berpotensi ini bukan hanya diberi keperluan latihan tetapi juga diberi keperluan untuk mendapat kemudahan kewangan dan juga khidmat kaunseling seperti yang dikatakan tadi dan juga premis-premisi apa-apa agensi di bawah kementerian.

Sebab itulah sejak dari dahulu lagi MARA telah diarahkan untuk mengenal pasti 50 usahawan di setiap daerah untuk dibimbing dan dibimbing secara berpakej sebagaimana yang telah disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah tadi.

#### ELECTRONIC COMMERCE – PENGAWALAN

4. **Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan dalam usaha menggalakkan penggunaan Electronic Commerce (*E-Commerce*) di dalam negara kita, adakah akta-akta dan perundangan yang sedia ada mampu mengawal dan menjaga aktiviti sedemikian supaya ianya tidak disalahgunakan dengan mudah.

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini peraturan-peraturan dan akta yang sedia ada boleh

menyumbang kepada pengawalan dan penjagaan aktiviti perdagangan secara elektronik atau, dengan izin, *electronic commerce*.

Di antara akta-akta tersebut ialah:

- (i) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang mengandungi peruntukan dan penalti tentang penyalahgunaan alat-alat komunikasi;
- (ii) Akta Tandatangan Digital 1997 yang memperuntukkan sesuatu transaksi ditandatangani dengan cara digital bagi menjamin keselamatan transaksi itu;
- (iii) Akta Jenayah Komputer 1997 yang menjadikan, dengan izin, *unauthorised access* sebagai satu jenayah; dan
- (iv) Akta Hakcipta (Pindaan) 1997 yang memperuntukkan perlindungan hakcipta bagi kandungan yang dibekalkan melalui rangkaian elektronik.

Memandangkan *electronic commerce* adalah satu bidang dalam peringkat dan proses pembangunan, kerajaan sentiasa mengesan perkembangan untuk mengenal pasti keperluan dan kesesuaian undang-undang dan peraturan-peraturan semasa. Dalam hal ini, kerajaan sedang menggubal perundangan baru mengenai perlindungan data peribadi.

Perundangan ini akan memberi keselesaan kepada seseorang individu bahawa peribadinya akan diberi perlindungan yang sesuai termasuk semasa membuat transaksi elektronik.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Selain dari usaha kementerian, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pemuda MCA Kebangsaan iaitu melalui pimpinan Yang Berhormat Dato' sendiri untuk memperkenalkan perdagangan *E-Commerce* kepada peniaga-peniaga melalui road show di seluruh negara.

Jadi, saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, jumlah perdagangan yang telah dilakukan ataupun yang telah diniagakan melalui *E-Commerce* dalam tahun ini dan apakah cara-cara dan langkah-langkah yang lain yang akan diambil oleh kementerian untuk mempertingkatkan lagi perdagangan melalui *E-Commerce* di negara kita?

#### **KRISIS EKONOMI - PENGANGGURAN SERIUS**

5. **Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sektor manakah yang mengalami tamparan pengangguran yang paling serius dalam krisis ekonomi kini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia tiada maklumat mengenai pengangguran mengikut sektor tetapi suka saya maklumkan bahawa kadar pengangguran negara pada tahun 1998 akan meningkat kepada 4.9% berbanding dengan 2.6% dalam tahun 1997. Ini bermakna adalah dianggarkan seramai 441,300 orang daripada jumlah 9,006,500 tenaga buruh diramalkan menganggur pada tahun 1998. Walau bagaimanapun, jumlah sebenar pekerja yang telah diberhentikan kerja ekoran masalah ekonomi masa kini adalah jauh lebih kecil daripada angka ramalan bagi pengangguran.

Daripada Januari sehingga 14 November 1998 seramai 74,681 orang pekerja telah dilaporkan diberhentikan kerja melibatkan 66,504 orang (89%) pekerja tempatan dan

bakinya sebanyak 8,180 orang (11%) adalah pekerja asing. Sektor pembuatan mencatatkan jumlah tertinggi pekerja diberhentikan iaitu seramai 39,406 orang pekerja (52.8%) diikuti oleh sektor perdagangan borong dan runcit; restoran dan hotel seramai 9,364 orang (12.5%); 8,799 orang (11.8%) bagi sektor pembinaan dan 4,623 orang (6.2%) bagi sektor pertanian, perhutanan, perternakan dan perikanan.

Walau bagaimanapun, saya yakin bahawa pemberhentian pekerja di negara ini memberi kesan yang sedikit sahaja kepada angka ramalan pengangguran di negara ini kerana mengikut pemantauan Kementerian Sumber Manusia hampir kesemua pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja itu sudah pun mendapat pekerjaan ganti.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Sumber Manusia ini, adakah kementerian sedar bahawa di sesetengah sektor atau bidang seperti bidang pembangunan atau perladangan, orang-orang tempatan susah hendak masuk sebab terlampau banyak pekerja asing, dia jadi macam satu geng, jadi kita hendak masuk tidak boleh. Macam di sesetengah estet itu tidak boleh langsung orang tempatan hendak masuk, dia jadi macam gangster, satu geng. Kalau masuk pun tidak boleh, dia kena 'bully' dia lari macam itu sahaja. Adakah kementerian sedar dan adakah perkara ini boleh diambil tindakan?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang tidak sedar mengenai keadaan seperti itu tetapi kalau ada kes-kes spesifik bolehlah dilaporkan kepada Jabatan Buruh dan kita akan mengambil tindakan. Ingin saya menyatakan bahawa majikan di Malaysia, sebelum mereka dibenarkan untuk mengambil pekerja asing, mereka terpaksa membuktikan terlebih dahulu mereka telah mengambil ikhtiar sedaya mungkin untuk mencari pekerja tempatan. Bila terbukti gagal, maka barulah kita luluskan dan kalau kita dapati bahawa ada pekerja tempatan mahu bekerja di sesuatu tempat tetapi mereka tidak boleh oleh sebab ada pekerja asing, maka di situ juga kementerian boleh campur tangan.

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan ramai penganggur yang ada semasa krisis ekonomi kini, saya ingin tahu apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi memberi khidmat nasihat kerajaan serta peluang pekerjaan bagi mereka yang berkenaan dan sektor manakah yang mempunyai potensi yang kerajaan perlu mempergiatkan bagi membuka banyak lagi peluang pekerjaan?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita mengetahui, kita mempunyai lebih daripada 2 juta pekerja asing yang bekerja di negara kita ini. Bermakna kekosongan untuk pekerja tempatan cukup banyak dan rakyat kita bolehlah meminta bantuan daripada Jabatan Tenaga Rakyat yang mempunyai agensi pekerjaan untuk mendapat bantuan dari segi mendapat pekerjaan ataupun meminta khidmat nasihat daripada mereka.

Di samping itu, saya ingin menyatakan bahawa sungguhpun kita ramalkan lebih 441,300 orang akan menganggur pada tahun 1998, kebanyakannya adalah terdiri daripada orang-orang yang sepatutnya bekerja tetapi sengaja tidak mahu bekerja seperti suri rumah tangga dan sebagainya. tetapi angka sebenarnya orang yang telah diberhentikan adalah hanya 74,000 sahaja.

#### KEGAWATAN EKONOMI – PELAJAR LUAR NEGARA YANG TERJEJAS

6. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat manakah terjejasnya pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di luar

negara sama ada di bawah tajaan kerajaan atau persendirian semasa kegawatan ekonomi sekarang ini. Apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada mereka yang terlibat.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi kewangan, pelajar-pelajar tajaan di luar negara tidak terjejas walaupun negara sedang mengalami kegawatan ekonomi. Ini adalah kerana pelajar-pelajar tajaan dibiayai dalam mata wang negara berkenaan. Sebagai contoh, pelajar-pelajar tajaan JPA yang menuntut di Amerika Syarikat dan United Kingdom dibiaya elaan sara hidup tanpa mengambil kira kadar pertukaran Ringgit Malaysia dan US Dollar atau Pound Sterling. Elaun-elaun buku dan peralatan juga tidak mengalami pengurangan kerana dibiayai dalam mata wang negara berkenaan.

Bagi pelajar-pelajar persendirian, mereka boleh meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi awam atau swasta dalam negara sekiranya tidak mampu meneruskan pengajian di luar negara.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berapa peratuskah berlakunya pengurangan penuntut-penuntut kita yang belajar di luar negara akibat daripada krisis ekonomi berbanding dengan bilangan sebelum berlakunya krisis ini dan apakah kesan jangka panjangnya terhadap kualiti pendidikan kepada negara?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi keseluruhannya, kerajaan sudah membuat keputusan bahawa untuk pelajar-pelajar baru, kerajaan tidak ada kemampuan untuk menghantar pelajar-pelajar di bawah tajaan kerajaan ke luar negara – hanya sebilangan kecil iaitu dalam anggaran 200 atau 300 orang pelajar khususnya untuk post graduate degree, dengan izin. Di bidang di mana negara kita menghadapi kekurangan dari segi tenaga pengajar dan kekurangan dari segi pekerjaan dalam bidang tersebut dan dari segi pelajar-pelajar persendirian memanglah itu terpulang kepada keluarga-keluarga berkenaan tetapi dari segi keseluruhannya kita nampak dahulu setiap tahun ada lebih kurang 10,000 atau 15,000 orang pelajar yang keluar melanjutkan pengajian pendidikan mereka di luar negara sedangkan sekarang anggaran kita sudah kurang setiap tahun tajaan kerajaan dengan pelajar-pelajar persendirian dalam anggaran 2,000 atau 3,000 orang sahaja. Dan dari segi bagaimana kita boleh teruskan perhubungan kita dari segi pendidikan dengan luar negara memang sekarang kita ajak dan kita galakkan mereka masuk ke negara kita, tubuhkan kolej-kolej swasta dengan kerjasama pihak swasta di negara kita dan juga untuk mewujudkan kampus cawangan supaya pelajar-pelajar di negara kita boleh teruskan pendidikan mereka tanpa pergi ke luar negara dan kita juga galakkan pelajar-pelajar dari negara jiran memasuki Malaysia untuk mengikuti program tersebut.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah terdapat di dalam maklumat kerajaan adanya pelajar-pelajar yang ditaja oleh kerajaan negeri ataupun persendirian yang terpaksa pulang boleh menghadapi masalah pertukaran mata wang asing dan adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan penghantaran ataupun membatalkan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negara dan sejauh manakah penubuhan universiti berkembar ataupun cawangan universiti negara asing di negara ini dapat mengurangkan masalah?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan tadi kerajaan sudah mengambil keputusan bahawa kita tidak ada kemampuan seperti dahulu untuk menghantar beribu-ribu orang pelajar ke luar negara. Kita sudah kurangkan kepada hanya 200 atau 300 orang pelajar setiap tahun, itu dalam kursus yang kita perlukan. Program-program berkembar kampus cawangan dan juga program-program yang lain seperti credit transfer dan sebagainya memang akan memperluaskan peluang pelajar-

pelajar kita untuk mendapat pendidikan program luar negara dalam negara kita dan ini kita yakin bahawa bukan sahaja boleh memenuhi keperluan pelajar-pelajar tempatan tetapi juga akan dengan jayanya mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara yang merupakan pusat pendidikan cemerlang untuk rantau ini.

#### KAD KREDIT – JUMLAH HUTANG TERTUNGGAK

7. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang tertunggak melalui penggunaan kad kredit dan jumlah kad kredit yang telah dibatalkan serta sejauh manakah langkah-langkah yang diambil bagi mengawal penggunaan kad kredit yang berleluasa di luar negara setelah kerajaan mengenakan peraturan mengehadkan jumlah wang yang dibawa ke luar negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) setakat 31 Ogos 1998 jumlah hutang tertunggak bagi pinjaman kad kredit adalah sebanyak RM663 juta atau 1% daripada jumlah pinjaman tidak berbayar institusi perbankan iaitu RM67 bilion pada akhir bulan Ogos. Bilangan kad kredit yang dibatalkan setakat September 1998 iaitu sebanyak 328,233. Dari jumlah tersebut sebanyak 122,248 kad kredit dibatalkan secara sukarela oleh pemegang kad kredit, manakala bakinya sebanyak 205,985 dibatalkan oleh institusi perbankan. Jumlah kad kredit dalam edaran pada 30 September 1998 ialah sebanyak 2,026,809.
- (b) Perbelanjaan dengan menggunakan kad kredit menurun pada tahun 1998, sebahagiannya disebabkan oleh keadaan ekonomi negara yang memberi kesan kepada pemegang kad kredit. Bagi tempoh 3 bulan dari 7 Julai hingga September 1998, perbelanjaan menerusi kad kredit adalah sebanyak RM2.648 bilion; menurun sebanyak 22.9% berbanding dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM3.430 bilion bagi tempoh 3 bulan dari Oktober hingga Disember 1997. Perbelanjaan menggunakan kad kredit di luar negara juga turun sebanyak 35.5% dari RM430 juta untuk tempoh 3 bulan dari Oktober hingga Disember 1997 kepada RM303 juta bagi tempoh 3 bulan dari Julai hingga September 1998.
- (c) Bank Negara Malaysia mengawasi penggunaan kad kredit di luar negara.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Satu masa dahulu kita banyak mendengar orang ramai membuat aduan mengenai pemalsuan kad ATM dan juga kad kredit. Jadi apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini dan bagaimanakah kedudukannya pada masa ini? Adakah pemalsuan ini masih lagi banyak diterima aduannya?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, satu garis panduan telah pun dihantar kepada pihak bank oleh Bank Negara. Di antara lain ialah pertamanya, memastikan dan menasihati pengguna supaya berjaga-jaga agar orang yang beratur di belakangnya tidak meniru nombor pin yang ditekan.

Yang keduanya, menasihatkan pengguna-pengguna agar resit baki yang tertera di slip akaun yang dikeluarkan oleh mesin ATM itu disimpan dan jangan dibuang merata-rata. Ini kerana dilihat ramai orang yang membuang resit itu merata-rata di mana di resit itu tertera nombor akaun. Jadi apabila seseorang berdiri di belakang, menghafal nombor pin dan dicantumkan dengan nombor akaun, maka inilah masalah kad tiruan itu boleh dibuat dan dikeluarkan secara berleluasa dengan sewenang-wenangnya.

Yang ketiganya, kita juga berkehendakkan pihak bank membuat enclosure atau tertutup seperti telefon booth agar orang yang mengeluarkan duit itu tidak ada orang lain yang nampak untuk menjenguk di bahu mereka.

Dan yang keempatnya, ialah meminta bank supaya mengadakan kamera untuk setiap pengeluaran agar dapat kita melihat trend pengeluaran itu, jika banyak sangat boleh dilihat masa dan dilihat kamera yang ada merakam di situ. Dengan penangkapan pembuat kad kredit ini kita dapati bahawa masalah orang ramai yang mengadu kepada Bank Negara mengenai pemalsuan kad kredit tidak timbul lagi.

**Datuk Lim Si Cheng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana keselesaan serta kemudahan kredit yang diberikan jadi ramai di antara mereka yang memegang kad kredit akan menggunakan facilities ini untuk membiayai pelajaran anak-anak mereka, rawatan perubatan dan sebagai wang pendahuluan untuk membeli rumah ataupun untuk menghadapi keadaan kecemasan. Akibat daripada kegawatan ekonomi mereka ini terperangkap dan menghadapi masalah untuk membuat bayaran balik. Untuk mengelakkan mereka ini menghadapi tindakan mahkamah dan pada akhirnya diisytiharkan sebagai muflis, adakah kementerian Yang Berhormat akan mencadangkan supaya hutang ini ditukar kepada pinjaman dengan dikenakan faedah yang munasabah dan juga merangkakan jadual pembayaran balik? Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini jika seseorang itu berhutang ataupun dikatakan 'hutang gantung' iaitu hutang yang tidak dibayar kepada bank dengan menggunakan kad kredit. Apa yang dibuat oleh bank ialah untuk menarik kad kredit itu, selepas itu meminta si piutang untuk membayar secara ansuran (secara beransur-ansur) dan sekarang ini satu garis panduan telah pun diberi oleh Bank Negara kepada bank-bank supaya dibenarkan untuk menurunkan kadar bayaran minimum bulanan kad kredit tersebut daripada 15% kepada 5%, daripada baki belum berbayar bagi semua akaun pemegang kad kredit. Jadi dengan cara itu dapat kita mengurangkannya dan apabila seseorang itu kad kreditnya telah pun diambil balik dan dia membayar secara ansuran dan habis tempoh pembayaran itu, dia akan diberi kad kredit baru dan dia akan diminta membayar 5% sahaja daripada baki bulanan, bukan 15% seperti yang dahulu.

Selain daripada itu ada juga yang menyatakan mengenai seseorang yang mempunyai kad kredit dan boleh berbelanja di luar negara. Apa yang kita lakukan ialah Bank Negara sekarang ini sedang mengawasi perkembangan seperti ini. Sungguhpun begitu kita rasakan setiap bank ada memberi had kredit kepada setiap pemegang kad kredit. Jadi oleh kerana itu, itu juga merupakan satu pengawalan.

Untuk perhatian Yang Berhormat, kalau kita tengok transaksi luar negara kad kredit sebelum kegawatan, misalnya pada bulan Jun 1997 perbelanjaan adalah sebanyak RM420 juta ataupun 13.7%. Tetapi dalam kegawatan sekarang ini kita ambil angka yang terakhir September 1998 perbelanjaan adalah sebanyak RM303.4 atau 11.5%. Jadi daripada 13.7% sebelum kegawatan kepada 11.5% sekarang kita rasakan transaksi luar negara kad kredit yang digunakan adalah menurun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sebelum soalan, Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan tambahan selepas ini kalau tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

**PROGRAM MSC MALAYSIA –  
KESEDIAAN MEMBERI KHIDMAT**

**8. Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) sama ada program MSC Malaysia berjalan lancar dalam keadaan ekonomi sekarang. Jikalau terjejas apakah langkah-langkah kerajaan untuk memperbaikinya; dan
- (b) adakah anggota bijak pandai dan ahli korporat luar negara dalam Majlis MSC Malaysia masih bersedia memberi khidmat dalam keadaan ekonomi sekarang.

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi bahagian:

- (a) Soalan ini telah dibangkitkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Jawapan juga telah diberi seperti yang diminta. Saya sekali lagi ingin menegaskan bahawa projek Koridor Raya Multimedia (MSC) tetap diteruskan mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- (b) Semenjak dilancarkan pada tahun 1996 sambutan dan jumlah anggota Panel Penasihat Antarabangsa ataupun IAP, dengan izin, terus bertambah. Pada pertengahan tahun 1997 jumlah ahli IAP adalah 29 orang dan sekarang telah bertambah kepada 42 orang. Jumlah ini menampakkan satu peningkatan yang baik. Ini juga mencerminkan bahawa golongan cerdik pandai masih sanggup untuk menyumbang idea kepada pembangunan projek MSC.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya masih mempunyai satu keraguan soalan yang berbangkit oleh kerana banyak sangat desas-desus yang mengatakan ahli panel MSC ini 42 orang, dalam surat khabar mengatakan 44 orang termasuk Alvin Toffler, Chairman Microsoft dan ramai lagi mereka yang mengatakan tidak lagi menduduki senarai ahli panel dalam MSC ini. Jadi soalan saya, kenapakah desas-desus ini berbangkit dan adakah benar yang mengatakan mereka ini bercanggah pendapat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun ini adalah satu 'international sabotage', untuk mensabotajkan MSC Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang pernah saya katakan di Dewan yang mulia ini setakat ini tidak ada mana-mana pihak ataupun sesiapa yang telah dilantik sebagai ahli IAP ini memberitahu kepada Kerajaan Malaysia bahawa mereka ingin menarik diri daripada panel IAP ini. Sepatutnya seorang ahli panel yang dilaporkan bahawa beliau ingin menarik diri iaitu Dr. Kenichi Ohmae dari negara Jepun telah memberitahu kepada pihak Kerajaan Malaysia bahawa beliau memang tidak ada hasrat untuk menarik diri daripada IAP dan telah memberitahu kepada pihak kerajaan secara rasmi dan tentang Alvin Toffler ini setakat sekarang pihak kerajaan memang tidak menerima apa-apa pun daripada beliau yang mengatakan beliau hendak menarik diri daripada panel IAP, maka oleh kerana perkembangan yang saya sebutkan tadi khabar-khabar angin ataupun desas-desus yang mengatakan ada ahli panel yang hendak menarik diri daripada panel IAP ini memang tidak berasas.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun Encik Alvin Toffler telah menulis surat menafikan bahawa beliau telah menarik diri daripada panel IAP ini, beliau telah menyuarakan keraguannya tentang situasi di Malaysia. Jadi apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan supaya menerangkan situasi sekarang di

Malaysia kepada lain-lain ahli panel IAP ini supaya mereka tidak memberi pandangan seperti Alvin Toffler ini? Sekian.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, Encik Alvin Toffler memang tidak memberitahu kepada pihak Kerajaan Malaysia bahawa beliau tidak akan menarik diri, atau dia hendak menarik diri, yang memberitahu kepada pihak kami bahawa dia tidak akan menarik diri ialah Dr. Kenichi Ohmae bukan Alvin Toffler. Alvin Toffler dia memang senyap, tapi Dr. Kenichi Ohmae telah memberitahu bahawa dia tidak ada hasrat untuk menarik diri.

Kalau sekiranya ada sesiapa daripada panel IAP ini hendak mengetahui keadaan sebenarnya di Malaysia ataupun keadaan ekonomi ataupun politik kita rela memberitahu atau memberikan penjelasan yang secukup-cukupnya dan dalam kes ini kita akan cuba memberi satu penjelasan atau satu gambaran yang betul-betul dapat menggambarkan keadaan yang sebenarnya apa yang telah berlaku di Malaysia.

#### **DASAR BUMI HIJAU - PENYERTAAN RAKYAT DI SABAH DAN SARAWAK**

9. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah dasar bumi hijau yang diamalkan kerajaan dalam menghadapi situasi kegawatan ekonomi berjaya menarik penyertaan rakyat di Sabah dan Sarawak bagi membendung kenaikan harga barang makanan dan mengurangkan penggantungan ke atas import barang makanan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, rakyat di negeri Sabah dan Sarawak terutama sekali para petani menyambut baik dasar kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan. Ini dapat dilihat dari segi penyertaan rakyat dan sangat menggalakkan terhadap program-program kerajaan seperti kempen menanam sayur-sayuran di negeri Sarawak yang dijalankan pada awal bulan Februari tahun ini. Di bawah kempen ini satu pakej yang mengandungi lima kilogram baja kompos dan enam jenis benih sayur-sayuran jenis daun dan buah diberi percuma kepada setiap keluarga. Sejumlah 65,000 pakej telah diberikan kepada isi rumah di bandar-bandar di semua bahagian di negeri Sarawak. Pada masa ini, adalah didapati ramai isi rumah dengan inisiatif sendiri masih meneruskan penanaman sayur-sayuran dan makanan yang lain untuk kegunaan sendiri.

Langkah-langkah kerajaan telah menunjukkan peningkatan yang positif dalam pengeluaran hasil-hasil pertanian dan pengeluaran makanan. Sebagai contoh di negeri Sabah pengeluaran sayur-sayuran yang telah meningkat sebanyak 12% pada tahun 1997 berbanding dengan tahun 1996 semasa negara ini belum lagi dilanda kegawatan ekonomi. Pengeluaran hasil tanaman dalam tahun 1997, mungkin lebih tinggi lagi jika tidak disebabkan oleh kemarau yang mula melanda negeri Sabah pada pertengahan tahun tersebut.

Di negeri Sarawak, jumlah pengeluaran beras telah meningkat sebanyak 3.2% iaitu 80,390 metrik tan dalam tahun 1996 kepada 82,931 metrik tan pada tahun 1997. Peningkatan dalam keluasan tanaman sayuran jenis daun telah juga dicatat di negeri Sarawak iaitu daripada 1,874 hektar dalam tahun 1996 kepada 1,901 hektar dan ini telah sedikit sebanyak menggambarkan jumlah pengeluaran akan meningkat.

Selain daripada mengurangkan bilangan import makanan negara, langkah-langkah kerajaan tersebut adalah bertujuan membanteras inflasi, khususnya dari segi mengurangkan harga makanan negara. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pihak Kementerian Pertanian terutama sekali Kempen Bumi Hijau di Sarawak. Saya melihat Menteri Pertanian Sarawak telah membuatkan kempen seluruh negeri Sarawak dan amat berjaya, tetapi masalahnya Dato' apabila orang menanam terutama sekali menanam secara hidroponik. Harga biji benih dan harga baja lebih mahal daripada pulangan daripada apa yang kita tanam selepas itu. Jadi maknanya dia, tidak mendatangkan keuntungan kepada mereka yang terlibat. Jadi semua exercise ini mendatangkan satu rekreasi ataupun permainan sahaja kepada orang yang hendak terlibat terutama kepada orang yang berpendapatan rendah, tetapi kepada orang yang mencukupi, dia enjoylah, tengok green saja rumahnya tetapi harganya mahal. Jadi apakah tindakan kementerian supaya harga bijian dan harga baja ini diturunkan sedikit supaya tidak dieksploitasikan oleh mereka yang memberi baja dan benih. Terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi sama ada harga biji benih dan baja lebih daripada pengeluaran. Memang betul dari segi hidroponik perkakasnya mahal sedikit tetapi pada keseluruhannya, pengeluaran yang diberi oleh hidroponik adalah begitu memuaskan, dari segi kos baja dan benih, saya kurang pastilah berkenaan dengan ini dan harapan saya tidak mungkin berlaku. Terima kasih.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dasar Bumi Hijau tidak mungkin dapat dijayakan dengan sepenuhnya jika kementerian menerusi unit khidmat nasihat gagal memainkan peranan penting. Soalan saya, bagaimana kedudukan Unit Khidmat Nasihat, Jabatan Pertanian Sabah dan Sarawak dalam membantu para petani dan pekebun-pekebun. Sekian.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, khidmat nasihat adalah diberi percuma untuk peladang-peladang dan juga petani-petani. Ini boleh didapati daripada Kementerian Pertanian di Sabah dan Sarawak melalui pegawai pertanian, pegawai-pegawai veterinar dan juga pegawai-pegawai berkenaan. Memanglah kita ada kursus-kursus dan sebagainya untuk khidmat nasihat dan juga lawatan pegawai pertanian, pegawai veterinar juga ke kampung-kampung semua diberi percuma dan perkara ini dapat diambil perhatian oleh semua dan penerangan ini dapat dihebahkan.

#### **KOS DAN TENAGA PENGAJAR SEKOLAH BESTARI MENJELANG 1999**

10. **Tuan Chang Kon You [Ipoh Timur]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:
- (a) bilangan dan nama sekolah yang akan dipilih atau dibina sebagai sekolah bestari menjelang 1999. Berapa anggaran kos untuk program ini; dan
  - (b) sama ada tenaga guru mencukupi untuk mengajar di sekolah bestari.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat dari Seremban pada 7 Disember 1998.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) bilangan sekolah yang menjadi sample Projek Sekolah Bestari pada tahun 1999 adalah sebanyak 90 buah. Anggaran perbelanjaan bagi keseluruhan projek bagi tahun 1998 hingga 2000 ialah RM401.1 juta. Peruntukan yang telah diberi untuk tahun 1998 ialah RM63.123 juta.

- (b) Program Latihan Guru untuk sekolah bestari telah dirancang dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan. Ia dijangka dapat memenuhi keperluan tenaga guru untuk mengajar di sekolah-sekolah tersebut.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak kementerian membuat kajian mengenai pasti kesan potensi dan juga peluang masa hadapan di antara murid yang belajar di sekolah bestari dan juga murid yang tidak duduk atau belajar di sekolah bestari, kerana kita tahu memang akan ada perbezaan yang ketara dan ketidaksamaan ini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, berapa lam untuk mengatasi dan untuk dikurangkan perbezaan ketidaksamaan itu.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, proses pengajaran/pembelajaran mengikut cara bestari itu memang lebih berkesan, kerana ia boleh mempertingkatkan minat di kalangan pelajar dan juga membuat satu proses pengajaran/pembelajaran yang lebih berkesan, lebih efisien, lebih cepat dan sebagainya. Kementerian Pendidikan memang berharaplah dalam satu masa yang singkat boleh naikan taraf semua sekolah di negara kita sama ada sekolah menengah, sekolah rendah, sekolah Cina, sekolah Tamil, sekolah kebangsaan. Kita hendak menjadi semua sekolah itu sebagai sekolah bestari. Itulah harapan Kementerian Pendidikan. Oleh kerana kekurangan peruntukan, kita terpaksa ambil masa.

Dalam proses mempercepatkan untuk menaikkan taraf sekolah-sekolah menjadi sekolah bestari, strategi Kementerian Pendidikan ialah untuk menggalakkan penglibatan ibu bapa dan masyarakat tempatan dan juga mencari korporat-korporat sponsor, dengan izin, supaya kita boleh bersama-sama memikul tanggungjawab ini dan mempercepatkan proses menjadikan sekolah-sekolah kita sebagai sekolah bestari.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sejauh manakah kebestarian sekolah bestari ini, sama ada ia hanya sebagai slogan ataupun adanya kriteria-kriteria tertentu dalam bentuk tenaga pengajar, alat pandang dengar ataupun peralatan-peralatan yang canggih yang telah disusun oleh Kementerian Pendidikan?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, proses kebestarian sekolah bestari memanglah merupakan satu proses yang bukan satu masa yang singkat, tetapi mengambil sedikit masa. Kita harap dengan mengadakan proses ini kita boleh memulakan satu proses transformasi di mana ibu bapa, guru-guru, pelajar-pelajar semua akan mengambil bahagian.

Untuk menukar proses pengajaran/pembelajaran dari segi dahulu di mana guru sampaikan maklumat dan ilmu kepada pelajar, tetapi sekarang di mana proses memperolehi ilmu dan mengemaskinikan ilmu itu merupakan satu proses yang semua harus mengambil bahagian, iaitu pelajar, guru-guru dan ibu bapa, iaitu kita jadikan sekolah di mana pelajar-pelajar merupakan satu bahagian sahaja untuk menjadikan mereka sebagai, dengan izin, acquirer of knowledge, daripada receptor of knowledge, pada masa sekarang. Kita haraplah dalam satu masa yang singkat, memang sebelum tahun 2020 kita boleh jadikan semua sekolah di negara kita sebagai sekolah bestari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal-Jawab sudah cukup.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1 dan 11 hingga 18 akan dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 1999****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1999 dan Anggaran Pembangunan 1999 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." [*Hari Ketujuh*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.28, B.29, B.30, B.31, B.32 dan B.33 [Jadual] -  
Maksud P.28, P.31 dan P.33 [Anggaran Pembangunan, 1999] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Bekalan B.28 hingga B.33 dan Kepala Pembangunan P.28, P.31 dan P.33 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Kubang Kerian.

**11.04 pagi.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, B.28, Butiran 020000 – Perkhidmatan Analisis Ekonomi dan Sumber, Butiran 030200 – Pengurusan Korporat dan Sokongan.

Kerajaan akan menggunakan Malaysia Airport Berhad (MAB) untuk membiayai Projek Formula One di mana kerajaan akan mendapat hak daripada Federation of Construction Association (FOCA) untuk menganjurkan pertandingan Lumba Kereta Formula One di Malaysia pada tahun 1999. MAB katanya telah melantik syarikat perunding daripada Jerman untuk membentuk dan mengawasi pembinaan litar. Persoalan timbul di sini, berapakah kos pembinaan litar Formula One dan segala kemudahan? Katanya daripada RM150 juta telah naik kepada RM286 juta. Berapakah bayaran francais laporan FOCA untuk mendapatkan hak menganjur, dan bayaran dalam mata wang apa yang pihak MAB akan bayar nanti kepada Federation of Construction Association untuk menganjurkan Formula One.

Adakah langkah yang baik pihak kerajaan kita membawa Formula One datang ke Malaysia untuk bertanding di sini? Berapakah anggaran untung atau anggaran rugi setiap satu perlumbaan, kerana Kementerian Kewangan nanti akan diminta untuk menampung kalau rugi pada masa yang akan datang. Dalam suasana ekonomi negara kita ini adakah menganjurkan Formula One ini lebih membawa untung kepada Kementerian Kewangan?

Dari segi perlawanan ini pula, pelumba-pelumba Malaysia adakah ambil bahagian ataupun kita ambil pelumba-pelumba dari luar yang bayarannya cukup tinggi. Apakah butir perjanjian dengan Federation of Construction Association, terutama dari segi hak siaran dan lain-lain pendapatan yang akan dirundingkan oleh pihak MAB, pihak Kementerian Kewangan nanti dengan syarikat tersebut. Saya juga ingin bertanya apakah kesan Projek Formula One ke atas kedudukan kewangan MAB? Sebab Malaysia Airport Berhad pun sekarang kewangannya bukanlah baik sangat, teruk, terutama sekali

pendapatan di sudut pendaratan kapal terbang sekarang kurang dan juga cukai keluar-masuk pelancong-pelancong ataupun orang menggunakan airport sekarang kurang. Jadi, apakah pihak Kementerian Kewangan terus bersetuju supaya Formula One dibuat di Malaysia.

Kesan Formula One di sudut kebudayaan, di sudut araknya, rokoknya dan lain-lain lagi, apakah kesan kepada kebudayaan di samping Kementerian Kewangan akan mengeluarkan belanja yang banyak. Bayaran yuran perunding yang dibayar kepada syarikat perunding German dalam bentuk mata wang apa? Adakah ia dalam lingkungan lebih kurang US\$7 juta dibayar kepada syarikat perunding itu sahaja? Hadiah kepada pelumba Formula One nanti, kita hendak tahu siapa akan mengeluarkan hadiah tersebut. Kalau pihak MAB, adakah pihak Kementerian Kewangan akan diminta nanti mengeluarkan wang kerajaan untuk menampung MAB bila MAB tidak cukup wang dalam menganjurkan Formula One nanti? Michael Shoemaker sahaja kita tahulah bagaimana gajinya. Pendapatannya US\$50 juta setahun. Jadi, adakah kita juga kena bayar begitu tinggi kepada pelumba-pelumba di peringkat antarabangsa nanti.

Formula One ataupun lumba kereta ini, ianya bukan menguntungkan sangat. Sebab negara seperti Portugal sudah tidak menganjurkannya. Jepun tinggal satu litar sahaja tempat lumba kereta Formula One itu. Jadi, kita hendak tahu kenapa kita teringin sangat hendak menganjurkan Formula One pada tahun depan, sedangkan dalam keadaan kewangan negara kita agak ketat, agak tenat sekarang ini. Kenapa kita begitu hendak cari nama, sedangkan kita tidak mahu misalnya selepas menganjurkan sukan nanti, MAB akan jadi NPL, 'syarikat non-performing loan'. Kemudian kita kena minta lagi wang negara untuk hendak cover.

Perkara-perkara ini dalam suasana begini, Tuan Pengerusi, tidak usahlah kita cari nama sangat. Yang pentingnya kita hendak maintain dan memulihkan ekonomi. Tetapi dianggarkan, pakar-pakar yang terlibat dalam sukan ini yang kita baca dalam majalah-majalah, sekali anjur rugi lebih kurang US\$25 juta. Ini dianggarkan rugi, dalam suasana ekonomi. Negara kita - nama negara kita sudah terkenal. Puak-puak reformasi telah memperkenalkan nama Malaysia. Dunia tahu di mana Malaysia sekarang ini. Jadi, hendak memperkenalkan lagi, hendak buat perlumbaan satu lagi tidak perlu.

Saya ingat di sini, iaitu banyak sangatlah Malaysia dalam programnya hendak cari nama. Sedangkan lepas satu projek besar, berlaku non-performing loan (NPL). Jadi, ini yang kita lihat sekarang kerajaan pikul begitu banyak program seperti ini. Kalau kaji balik apakah perlu Formula One dibuat walaupun telah diumumkan oleh Menteri Kewangan I. Tetapi dalam suasana kegawatan ekonomi yang pulihnya tidak tahu lagi ke arah mana, yang ruginya kita lihat telah dibuat oleh orang lain dalam US\$25 juta, satu bebanan kepada MAB nanti, saya haraplah dikaji semula perlumbaan ini supaya rakyat tidak menanggung beban yang banyak pada masa akan datang. Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tambun.

**11.11 pagi.**

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 09000 – Bank Industri Malaysia Sdn. Bhd. Kita sedia maklum bahawa Bank Industri telah ditubuhkan pada 7 Ogos 1979. Ini bermakna bank tersebut telah beroperasi selama 19 tahun dengan modal berbayar peringkat awal sebanyak RM200 juta dan sekarang ditambah kepada RM320 juta. Antara objektif bank ini ialah untuk membiayai pembangunan industri terutama sektor-sektor tertentu seperti perkapalan, pembuatan, plastik, pemprosesan makanan serta pembangunan usahawan bumiputera, di samping memberi khidmat nasihat teknikal serta mengadakan kemudahan modal teroka.

Saya menyentuh tentang bank industri ini dengan harapan kerajaan dapat menilai semula serta mengkaji keberkesanan bank ini dalam menjalankan peranan serta kemajuan yang telah dicapai dan sama ada ia telah dapat merealisasikan matlamat penubuhannya.

Tuan Pengerusi, sesebuah bank itu berkembang berdasarkan kepada environment bank tersebut beroperasi. Kita dapati semenjak tahun 1980-an negara kita telah berubah daripada sebuah negara pertanian kepada negara perindustrian ataupun pembuatan. Dalam tempoh 10 tahun lalu kita dapati bahawa eksport daripada sektor pembuatan merupakan 80% daripada keseluruhan eksport negara kita. Bermakna bahawa sektor pembuatan telah berkembang dengan begitu pesat, dan Bank Industri yang bergiat dalam bidang tersebut sudah semestinya berkembang sepesat perkembangan dalam sektor pembuatan. Namun, saya kaji berasaskan kepada laporan kewangan pada 31 Disember 1997, saya dapati bahawa pertumbuhan, kemajuan serta perkembangan bank ini agak konservatif, yakni begitu perlahan.

Kalau saya ambil contoh dari segi dana modal (shareholders fund) sekarang sebanyak RM422 juta. Kalau ini tidak diambil kira kepada suntikan modal berbayar sebanyak RM320 juta, lebih daripada modal tersebut lebih kurang RM100 juta. Kalau kita lihat bermakna dana modal (shareholders fund) ini mencapai pertumbuhan sebanyak 31% dalam 19 tahun. Kalau kita kaji dari segi purata, bermakna pertumbuhannya adalah 1.6% setahun selama 16 tahun. Ini sungguh konservatif dan sungguh perlahan berbanding dengan harapan penubuhannya. Kerana saya sendiri memang mengetahui semasa Bank Industri ditubuhkan, kerajaan mempunyai hasrat yang besar supaya ia memainkan peranan penting dalam membawa pertumbuhan kepada sektor pembuatan.

Di samping itu, kita lihat bank tersebut memiliki harta sebanyak RM2.2 bilion, dan bagi sebuah bank, ini amat kecil sekali. Jika dibandingkan antara nisbah modal dan tanggungan (gearing ratio) di peringkat bank sebanyak empat kali, satu saiz yang begitu kecil bagi sebuah bank biasanya 20 kali lebih besar. Di samping itu, kita dapati bahawa pinjaman, iaitu yang merupakan "core-business" kepada bank tersebut hanya merupakan 44% daripada jumlah harta. Manakala sebahagian besar jumlah harta, iaitu sebanyak 39% adalah dalam bentuk pelaburan dalam syarikat sekutu.

Di samping itu, dari segi keuntungan bank pada 31 Disember 1997, bank tersebut memperolehi keuntungan sebanyak RM47 bilion. Daripada RM47 bilion ini, 87% adalah daripada hasil penjualan bangunan bank kepada Syarikat Takaful. Bermakna bahawa pendapatan dari operasi bank tersebut begitu kecil dalam lingkungan – saya silap tadi, Tuan Pengerusi, bukan RM47 bilion, tetapi RM47 juta, dan 87% ataupun RM41 juta adalah daripada penjualan bangunan kepada Syarikat Takaful. Bermakna bank hanya memperolehi pendapatan RM7 juta yang diperolehi daripada operasi. Ini menggambarkan bahawa bank tersebut tidak begitu dinamik seperti mana yang saya nyatakan tadi bank tersebut nampak begitu konservatif.

Di samping itu, saya ingin menyentuh dari segi rationalization, rasional perniagaan bank tersebut. Saya dapati Bank Industri telah melabur di dalam commercial bank di Namibia di bawah nama City Saving and Investment Bank Ltd. Namibia dengan modal berbayar sebanyak N\$34,678,900. Bank tersebut memang memperolehi keuntungan bersih sebelum cukai sebanyak N\$2.6 juta. Tetapi apakah rasional sebuah bank industri yang diharapkan untuk mengembangkan sektor perindustrian negara kita tetapi menceburi bidang commercial banking dan membeli bank luar daripada sempadan negara kita, iaitu di Namibia. Jadi, saya ingin dapat penjelasan daripada Timbalan Menteri, apakah rasionalnya kita diversify sampai begitu jauh dan luar daripada sempadan negara kita.

Saya dapati juga seperti mana saya nyatakan tadi salah satu objektif bank tersebut adalah untuk mengembangkan kemudahan modal teroka di dalam negara kita. Apabila kita membuat perbandingan dengan negara-negara maju, modal teroka merupakan modal yang begitu penting dalam merealisasikan pertumbuhan ekonomi negara-negara maju. Saya dapati bahawa Bank Industri telah memperkembangkan modal teroka dengan menubuhkan BI Valden Ventures Sdn. Bhd. I, II dan III dengan modal sebanyak RM100 juta. Tetapi saya berpendapat bahawa pertumbuhannya begitu terhad. Walaupun jumlah RM100 juta, tetapi jumlah sebenarnya yang dapat dinikmati oleh penerima pelaburan begitu kecil sekali.

Di samping itu, saya juga ingin menyentuh beberapa aspek daripada perniagaan bank terutama dari segi pelaburan bank tersebut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Pengerusi, satu lagi. Wafer Technology Malaysia Sdn. Bhd., merupakan satu bidang baru yang kita ceburi yang diberi perhatian oleh kerajaan dan negara Malaysia merupakan sebuah pengeksport terbesar dalam bidang semi-conductors, kita boleh mengambil peluang daripada industri tersebut. Saya dapati syarikat tersebut mengalami kerugian sebanyak RM1.25 juta pada 31 Disember 1997, antara sebabnya adalah bahawa syarikat masih belum beroperasi kerana tapak projek di Kulim masih belum lagi diselesaikan. Di samping itu juga, saya ingin mendapat penjelasan mengenai dengan projek fabrikasi wafer secara joint venture dengan VLSI Technical Technology Incorporation USA, bagaimanakah kedudukannya sekarang? Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Labuan.

**11.23 pagi.**

**Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa ini dan saya merujuk kepada Maksud B.31, Butiran 020000, Program 020100 – Kastam yang telah diperuntukkan sebanyak RM98,828,900 pada tahun 1998. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan bagi menaikkan duti ke atas rokok, barang tembakau dan juga minuman keras di mana duti import dan duti eksaisnya telah dinaikkan di antara RM18 hingga ke RM42 setiap kilogram bagi rokok dan bahan-bahan rokok. Manakala kadar eksaisnya juga dinaikkan sebanyak RM11.40 setiap kilogram dan begitu juga dengan kenaikan ke atas minuman keras ataupun arak di antara 10% hingga 20% kenaikan ini. Ini memang selaras dengan langkah kerajaan ke arah untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan juga mengurangkan gejala sosial akibat daripada pengambilan rokok dan meminum minuman keras.

Bagi saya yang datang daripada sebuah pulau yang mempunyai status sebagai 'Pulau Bebas Cukai', dengan kenaikan cukai ini ianya lebih menarik lagi kepada pelancong untuk melawat pulau ini ataupun pusat-pusat duti lain dan untuk berbelanja dan membeli barangan tanpa cukai di Labuan. Namun saya menaruh sedikit keraguan dengan peningkatan duti import dan eksais ini, ini akan meningkatkan lagi satu aktiviti yang saya anggap berleluasa berlaku daripada Labuan ke tanah besar Sabah dan juga Sarawak termasuklah Brunei mungkin, iaitu aktiviti penyeludupan.

Kita mengakui bahawa kawasan perairan atau pesisiran pantai negeri Sabah, Sarawak adalah amat luas dan memang diakui bahawa pihak Jabatan Kastam dan Eksais tidak mempunyai kemampuan, tidak mempunyai anggota yang mencukupi untuk

mengawal sepanjang pesisiran pantai ini dan apatah lagi kawasan Pulau Labuan dengan tanah besar Sabah ini adalah satu kawasan yang berdekatan dengan menggunakan bot laju dalam masa lima atau sepuluh minit sudah sampai ke destinasiya.

Saya ingin berkongsi pengalaman di sini supaya pihak Jabatan Kastam dan Eksais ini dapat mengambil perhatian dan mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengurangkan aktiviti penyeludupan. Saya agak hairan kenapa kalau saya selaku wakil rakyat mengetahui soal-soal ini berlaku berleluasa, saya hairan kenapa pegawai-pegawai yang ditugaskan di Labuan selaku pegawai kastam tidak mempunyai kemampuan, keupayaan untuk membanteras gejala penyeludupan ini. Saya boleh katakan di sini sekurang-kurangnya tiga, empat penyeludupan berlaku setiap malam dan kadang-kadang ada yang dilakukan pada waktu siang hari.

Saya mempunyai kegemaran untuk memandu kapal terbang jenis ringan, sebagai seorang yang mempunyai lesen memandu kapal terbang ringan ini, saya selalu terbang pada siang hari dan beberapa kali saya terserempak dengan bot-bot laju yang saya sangka memanglah bot-bot penyeludupan dan ini berlaku di siang hari dan di sebelah malam kita boleh dengar bunyi bot laju ini daripada kawasan pantai. Yang menghairankan penangkapan hanya dibuat mungkin tiga atau enam bulan sekali, atau ini cuma disengajakan untuk mengaburkan mata kita sahaja. Mungkin ada pegawai-pegawai yang menjadi shareholders atau pemegang saham kepada aktiviti penyeludupan ini. Ini mungkin saya nyatakan, kenapa pihak kastam tidak dapat membuat tangkapan, mungkin juga pihak polis juga terlibat sama. Pihak polis merin juga mungkin terlibat sama, saya tidak tahu.

Kalau saya boleh terbang malam menggunakan sejenis alat, mungkin saya sendiri boleh memberitahu pihak kastam di mana perlu tangkapan dibuat. Di Labuan memang tidak boleh dibuat tangkapan kerana kita tahu territory Wilayah Persekutuan Labuan merupakan duty free, hanya apabila keluar daripada territory Labuan ini, aktiviti penyeludupan boleh ditangkap dan ini saya persoalkan lagi dengan kewujudan Jabatan Kastam dan Eksais di Wilayah Persekutuan Labuan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dari segi definisi dalam Akta Kastam, Labuan adalah merupakan foreign port, bererti kalau foreign port adakah kedudukan Jabatan Kastam ini mempunyai legal standing, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, boleh atau tidak diwujudkan dari segi akta kastam, Labuan merupakan foreign port, tetapi kenapa ada Jabatan Kastam di Labuan? Ini sedikit sebanyak membantutkan kedudukan Labuan sebagai duty free, bila sahaja pelancong masuk ataupun keluar mereka terpaksa diperiksa oleh Jabatan Kastam ini. Tidak bolehkah misalnya, Jabatan Kastam ini ditempatkan di kawasan luar daripada Labuan. Bila orang hendak masuk ke Labuan, dia suka hati hendak beli apalah, kalau hendak tax pun, tax di luar. Kalau hendak ke Kuala Lumpur, tax di Kuala Lumpur, kalau hendak balik ke Sabah, biar tax di Sabah.

Tetapi yang saya mahu tekankan di sini ialah sepatutnya kekuatan Jabatan Kastam ini tidak diletakkan di Labuan kerana di Labuan, Jabatan Kastam tidak boleh buat tangkapan kerana masih dalam kawasan perairan Labuan itu - duty free. Jadi, apa jua pergerakan dalam kawasan tiga, empat batu daripada pesisiran pantai Labuan ini masih lagi merupakan kawasan Labuan. Sepatutnya Jabatan Kastam ini memperkuatkan jenteranya, memperkuatkan pegawai-pegawainya di luar daripada Labuan. Misalnya, di Pulau Tiga perlu ada, di sinilah terdapatnya beberapa minggu lalu satu tangkapan setelah beberapa bulan yang membawa barangan khususnya rokok dan juga minuman keras ini.

Jadi saya ingin menyarankan kepada Jabatan Kastam dan Eksais ini supaya mengambil perhatian, jangan menjadikan Labuan itu sebagai pusat penyeludupan. Saya

rasa sudah pasti boleh dikaji dan diteliti melalui statistik barangan yang masuk di Labuan, misalnya, berapa kilogram rokok yang dibawa masuk ke Labuan, berapa milion liter minuman keras ini, arak yang dibawa masuk ke Labuan, berapa yang dieksport semula? Dari segi statistiknya, berapa yang di 'consume' yang diambil oleh masyarakat Labuan?

Kalau pihak kementerian kaji ini sudah tentulah masyarakat Labuan adalah merupakan individu yang tertinggi di dunia dari segi menghisap rokok, dan mungkin masyarakat di Labuan adalah masyarakat yang paling banyak minum arak dalam dunia kerana bila kita import sekian banyak dan yang keluarnya reexport sekian banyak, tentulah sedikit. Jadi yang banyak itu ke mana perginya? Sudah tentulah ini merupakan leakage di mana penyeludupan itu berleluasa. Jadi saya mengharap pihak kementerian mengambil serius aspek ini dan kalau boleh perhatikanlah juga pegawai-pegawai yang ada di sana itu, dan saya sendiri dapat memerhatikan ada sesetengah yang saya tahu, kalau minta saya bantu pun saya boleh bantu siapa penyeludup di Labuan, dan bila Hari Raya dan Hari Raya Cina misalnya, kita tahu bila ada rumah terbuka, pihak pegawai kastam daripada Sabah pun ada dalam majlis hari terbuka ini, apa dia ini, sudah tentulah ada sesuatu, bila penyeludup berkawan baik dengan pihak polis, penyeludup boleh duduk semeja minum kopi dengan pegawai-pegawai kastam, sudah tentu ada sesuatu di sebaliknya. Jadi saya memohon pihak kementerian mengambil serius soal penyeludupan ini.

Perkara yang kedua saya ingin sentuh, beralih daripada soal penyeludupan ini ialah Butiran 050000 Lembaga Pembangunan Labuan yang telah diperuntukkan sebanyak RM2.4 juta. Saya mengakui dan memang berterima kasih bukan sahaja kepada kerajaan tetapi kepada Pengerusinya yang juga merupakan Menteri Tugas-tugas Khas yang menjalankan tanggungjawab yang baik untuk tujuan membangunkan Labuan melalui Lembaga Pembangunan Labuan ini dan yang telah pun diletakkan tanggungjawab bagi melaksanakan pembangunan Labuan.

Saya ingin bertanya di sini dalam proses penyusunan semula struktur pentadbiran Labuan ini di mana saya difahamkan tiga agensi kerajaan, iaitu Lembaga Pembangunan Labuan, Majlis Perbandaran Labuan, dan juga Jabatan Perdana Menteri Bahagian Kemajuan Wilayah akan disatukan menjadi satu agensi pentadbir. Jadi saya ingin tahu bilakah agensi ini berkuat kuasa atau bermula, apakah ianya bermula tahun depan, kerana saya difahamkan pada tahun ini saya tidak diminta lagi oleh pihak tertentu untuk mengemukakan senarai untuk menjadi Ahli Majlis Perbandaran. Saya difahamkan tidak ada lagi Ahli Majlis Perbandaran pada tahun hadapan. Saya ingin mendapat kepastian daripada pihak kementerian apakah ini benar, dan sekiranya ya, bilakah satu agensi baru ini akan dimulakan, apakah satu undang-undang baru akan diluluskan atau dikemukakan ke dalam Dewan ini untuk membolehkan agensi tersebut berfungsi sama seperti Lembaga Pembangunan Labuan pada satu ketika dahulu.

Jadi perkara seterusnya dalam hubungan ini saya juga ingin bertanya setakat ini apakah yang telah dilakukan oleh Lembaga Pembangunan Labuan khususnya bagi memajukan bidang pendidikan. Kerana saya difahamkan Lembaga juga mempunyai fungsi ke arah ini, jadi saya ingin tahu berapa banyakkah perancangan sekolah yang telah dirancang untuk dibangunkan melalui Lembaga Pembangunan Labuan ini dan saya juga ingin tahu apakah ada plan pembangunan pendidikan untuk Labuan yang telah disediakan oleh Lembaga Pembangunan Labuan. Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong.

11.33 pagi.

**Tuan Paul Nointien [Penampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 010600 - Pengurusan Penyelidikan dan Pembangunan Sistem Kewangan. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menstabilkan pasaran kewangan, termasuklah penubuhan Danaharta, Danamodal dan pembentukan CDRC sesungguhnya telah menyuntik nafas baru ke atas keyakinan sistem perbankan negara kita. Institusi kewangan kini seharusnya dapat menumpukan usaha untuk mempertingkatkan pertumbuhan kredit dan juga pertumbuhan deposit tanpa diganggu dengan masalah pinjaman tidak berbayar atau masalah modal yang tidak mencukupi. Namun banyak institusi kewangan masih enggan memberi pinjaman seperti yang diharapkan. Ada pula mengadakan polisi kredit yang begitu ketat sehingga sukar bagi para pemohon pinjaman untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Semua institusi kewangan seharusnya mengambil berat kompelin-kompelin yang diutarakan mengenai perkara ini dengan mengadakan polisi kredit yang lebih liberal of course without compromising on professionalism and practise of prudent lending dengan izin, Tuan Pengerusi. Memang banyak saranan ataupun tekanan dari para pemimpin kepada institusi kewangan untuk memberikan pinjaman termasuklah dari Perdana Menteri sendiri. Sementara saranan atau tekanan tersebut wajar diambil kira. Institusi kewangan haruslah mengeluarkan pinjaman kepada credit worthiness para peminjam tanpa tunduk kepada kuasa politik pihak-pihak tertentu seperti yang pernah berlaku terutama syarikat-syarikat yang ada kaitan dengan para pemimpin parti politik tertentu. Pengurusan institusi kewangan haruslah bebas sepenuhnya daripada segala bentuk campurtangan politik dari mana-mana pihak terutamanya dalam isu pengeluaran pinjaman.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu mengenai pinjaman daripada tabung-tabung yang ditadbirkan oleh Bank Negara Malaysia seperti Tabung Untuk Makanan, Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil, Tabung Industri Kecil dan Sederhana, Tabung Untuk Usahawan dan beberapa lagi tabung yang lain. Institusi kewangan dipertanggungjawabkan untuk memproses dan mengeluarkan pinjaman setelah kelulusan diperolehi daripada Bank Negara. Sering berlaku khususnya di negeri Sabah di mana institusi kewangan kurang berminat untuk mengeluarkan pinjaman di bawah skim-skim tersebut dengan alasan ianya kurang menguntungkan di samping banyak kerja-kerja pentadbiran yang harus mereka lakukan. Kementerian Kewangan melalui Bank Negara Malaysia harus mewajibkan komitmen daripada semua institusi kewangan bukan sahaja dari segi pengeluaran pinjaman tetapi juga untuk menyebarkan maklumat mengenai skim-skim pinjaman yang ditadbirkan oleh Bank Negara itu. Maklumat-maklumat berkenaan boleh juga disalurkan melalui badan-badan ataupun persatuan peniaga. Memang ramai khususnya negeri Sabah kurang pengetahuan mengenai skim-skim pinjaman tersebut dan ada juga tidak mengetahui langsung wujudnya pinjaman seumpama itu yang boleh diperolehi untuk membantu usahawan kecil dengan kadar faedah yang rendah.

Tuan Pengerusi, walaupun Belanjawan 1999 mengalami defisit namun seperti mana yang diperjelaskan oleh Menteri Kewangan II, sumber kewangan dalam negara mudah diperolehi untuk membiayai defisit tersebut terutamanya dari EPF. Kerajaan Negeri Sabah telah membentangkan Belanjawan Negeri dalam Dewan Undangan Negeri baru-baru ini. Nyata sekali Kerajaan Negeri Sabah mengalami masalah kewangan yang begitu mendesak sekali dan kekurangan aliran tunai dianggarkan akan melebihi RM500 juta menjelang akhir tahun ini. Nampaknya tidak ada sumber untuk menampung kekurangan begitu besar melainkan mendapat bantuan daripada Kerajaan Pusat seperti yang diutarakan oleh Menteri Kewangan Negeri Sabah. Tuan Pengerusi, tidak perlulah saya huraikan punca masalah kewangan negeri Sabah, memadai saya mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Sabah telah gagal mentadbir kewangan negeri seperti yang

diharapkan. Pengakuan bekas Menteri Kewangan Sabah bahawa beliau telah gagal dalam melaksanakan tugasnya sebagai Menteri Kewangan juga selaku pentadbir kewangan negeri harus diberi kepujian dari segi keikhlasannya mengenai kegagalan itu.

Namun, apa yang lebih penting pada masa ini ialah cara penyelesaian masalah yang dihadapi kerana rakyat yang susah, gaji-gaji untuk kakitangan kerajaan di beberapa tempat di sekitar negeri Sabah juga tidak terbayar. Ramai para kontraktor dan para pembekal menderita kerana telah lama tidak mendapat bayaran.

Tuan Pengerusi, adalah diharapkan Kementerian Kewangan akan dapat memberi grant ataupun pinjaman dengan segera kepada kerajaan negeri agar masalah cash flow yang amat kritikal itu dapat ditangani dengan cepat. Sungguhpun Menteri Kewangan II telah memberi jaminan ketika beliau melawat di Butatan, Sabah baru-baru ini, bahawa Kerajaan Persekutuan akan memberi bantuan kepada negeri Sabah, namun tidak pula dinyatakan bila bantuan itu akan diberi dan nampaknya bantuan itu hanya short-term solution, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Memandangkan hasil negeri yang dahulunya bergantung besar kepada hasil hutan yang kini hanya sekitar 35% daripada apa yang selalunya diterima oleh negeri Sabah, kerajaan kini tidak mempunyai sumber yang lain untuk membiayai kos pembangunan yang diperlukan. Justeru itu pembangunan negeri Sabah dan rakyat di negeri Sabah banyak bergantung kepada apa yang terkandung dalam Belanjawan Persekutuan.

Tuan Pengerusi, negeri Sabah memang jauh ketinggalan dalam semua aspek pembangunan jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain dan jurang ini semakin jauh jika masalah kewangan negeri Sabah terus berlarutan. Ini adalah kenyataan Tuan Pengerusi, oleh yang demikian untuk menangani masalah dalam jangka panjang adalah wajar dan adil bagi negeri dan rakyat Sabah meminta Kerajaan Persekutuan untuk menaikkan kadar royalti minyak dari 5% ke sekurang-kurangnya 30% sehinggalah tahap pembangunan negeri dan rakyat Sabah seimbang dengan negeri-negeri yang lain di Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya pernah mengutarakan permintaan ini di dalam Dewan yang mulia ini tetapi tidak mendapat perhatian yang positif, dan saya dimaklumkan bahawa pihak kerajaan tidak bercadang meminda Akta Kemajuan Petroleum 1974 yang menetapkan kuantum royalti minyak. Namun saya rasa ketetapan itu perlu dikaji semula memandangkan masalah sumber kewangan yang dihadapi oleh negeri Sabah. Saya berharap Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional terutamanya dari Sabah bukan sahaja menyokong permintaan ini tetapi juga turut menyuarakan permintaan yang sama. Tambahan pula saya difahamkan di negeri Sarawak juga telah meminta agar kuantum royalti minyak dikaji semula.

Tuan Pengerusi, sebagai mengakhiri saya amat mengharapkan supaya Kerajaan Persekutuan memandang berat masalah kewangan yang dihadapi oleh negeri Sabah dan segala langkah harus diambil khususnya melalui Kementerian Kewangan untuk membantu termasuklah menimbang semula permintaan agar pemberian kuantum royalti minyak dinaikkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi : Senai.**

**11.42 pagi.**

**Datuk Lim Si Cheng [Senai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ingin saya merujuk kepada Butiran 020100 – di bawah Maksud Bekalan 31. Tuan Pengerusi, kegawatan ekonomi yang dialami oleh negara kita telah memberi kesan yang sangat buruk dalam sektor pembinaan di seluruh negara termasuklah negeri Johor. Dalam pada itu

sektor yang berkaitan rapat dengan sektor pembinaan seperti perusahaan batu pepejal juga terjunam dalam krisis ekonomi ini.

Kini terdapat 48 buah kuari di negeri Johor. Untuk memastikan kuari-kuari tersebut tidak ditutup dan pekerja-pekerja kuari tidak akan kehilangan kerja disebabkan kekurangan permintaan batu pepejal di pasaran tempatan akibat kegawatan ekonomi, pengusaha-pengusaha kuari amat mengharapkan bantuan kerajaan dalam usaha mempertingkatkan daya saingan mereka supaya mereka dapat mempertahankan penguasaan sebanyak 10% pasaran batu pepejal di Singapura.

Tuan Pengerusi, Singapura mengimport batu pepejal dari negara jiran iaitu Malaysia dan Indonesia untuk kegunaan sektor pembinaannya. Adalah didapati 10% daripada batu pepejal yang diimport oleh Singapura itu adalah dari negara kita dan 90% lagi dibekalkan oleh negara Indonesia. Ini adalah disebabkan batu pepejal dari Indonesia lebih murah jika dibandingkan dengan batu pepejal negara kita.

Pada tahun lepas Kerajaan Malaysia telah menaikkan levi pengangkutan ke atas lori-lori yang menghantar batu pepejal ke Singapura dari RM100 hingga RM200 iaitu kenaikan levi sebanyak 100%. Kenaikan levi telah menambahkan kos pengangkutan dan ini telah menjejaskan daya saingan pengusaha batu pepejal negeri Johor. Tambahan pula bayaran tol di laluan yang kedua yang tinggi juga membebankan mereka. Ini telah menyebabkan pendapatan pengusaha batu pepejal tidak cukup untuk membiayai perbelanjaan peniagaan mereka.

Disebabkan kegawatan ekonomi yang menjejaskan pasaran penjualan batu pepejal telah jatuh ke tahap yang menyedihkan. Kejatuhan jualan yang teruk ini telah menyebabkan sekurang-kurangnya 350 orang pekerja kontraktor kehilangan pekerjaan mereka dan ianya telah memberi kesan negatif pada sektor pengangkutan. Masalah ini akan menjadi lebih serius sekiranya keadaan ekonomi tidak pulih semula.

Tuan Pengerusi, dalam keadaan kegawatan ekonomi yang sedang berlaku ini, kerajaan perlu mencari jalan untuk membaik pulih aktiviti-aktiviti ekonomi berbagai bidang dan memberi kemudahan atau kelonggaran kepada mereka untuk mendapatkan keuntungan wang asing.

Buat masa ini kos pengangkutan bagi setiap lori yang menghantar batu pepejal ke Singapura termasuk bayaran levi - RM200, cukai eksport yang dibayar kepada pejabat tanah - RM48, bayaran permit royalti - RM12 dan bayaran tol laluan yang kedua sebanyak - RM110; ini bermakna kos minimum untuk setiap lori yang menghantarkan batu pepejal ke Singapura adalah RM370 di mana perbelanjaan ini jika dimasukkan bayaran pengangkutan telah jauh melebihi harga jualan dan membawa kerugian kepada pengusaha-pengusaha batu pepejal. Sekiranya keadaan ini berterusan sudah tentu mereka tidak dapat meneruskan pengusahaan batu pepejal ini dan terpaksa menutup kuari mereka.

Tuan Pengerusi, memandangkan pengangkutan batu pepejal melalui kereta api ataupun tongkang ke Singapura tidak dikenakan levi, tambahan pula di negeri Johor memang kita tidak menghadapi masalah kekurangan batu pepejal dan perkara ini boleh disahkan benar oleh pihak JKR. Maka saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya memansuhkan levi yang dikenakan ke atas lori yang menghantar batu pepejal ke Singapura.

Tuan Pengerusi, balik kepada masalah yang dihadapi oleh pihak peniaga iaitu tentang masalah NPL. Tuan Pengerusi, akibat kegawatan ekonomi ramai peniaga telah terperangkap dan menghadapi masalah untuk membuat bayaran balik. Keputusan yang diuat oleh Bank Negara melanjutkan tempoh masa NPL dari tiga bulan kepada enam bulan,

inilah satu tindakan yang wajar dan tepat. Akan tetapi baru-baru ini saya telah menerima aduan daripada pihak SMI yang menyatakan mereka sedang/akan menghadapi tindakan undang-undang oleh bank-bank yang berkenaan sungguhpun NPL yang dihadapi oleh mereka belum sampai enam bulan iaitu NPL dalam enam bulan akan tetapi mereka akan menghadapi tindakan undang-undang.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah nasihat akan diberikan oleh kementerian Yang Berhormat kepada bank-bank yang berkenaan. Inilah satu perkara, saya harap dapat dibantu supaya pihak SMI ini tidak akan menghadapi masalah yang serius. Tuan Pengerusi, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi: Batang Lupar.**

**11.52 pagi.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mempunyai dua, tiga perkara dalam Bekalan B.28 -Perbendaharaan, Program 010100 - Pengurusan Am. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian iaitu undang-undang hire purchase patutlah dipinda. Oleh kerana ini berbangkit daripada kereta yang diambil iaitu repossess car oleh pihak peminjam daripada pembeli kereta yang sedemikian. Apabila kereta ini disimpan oleh finance company creditor, biasanya kereta ini tidak dijaga dan disimpan dengan sempurna. Harga kereta kalau RM100 ribu masa repossess kadang-kadang apabila dijual selepas disimpan sebulan ataupun dua menjadi harga RM50 ribu kerana semua aksesori sudah di'rip-off', segala accessory dan sebagainya, semua diambil oleh pihak siapa kita tidak tahu.

Jadi tanggungjawab ini patut diserahkan kepada pihak syarikat kewangan yang sedemikian dan bertanggungjawab daripada segi undang-undang menjaga kereta ini, itu yang pertama. Yang kedua .....

**Dato' Wong See Wah: Tuan Pengerusi, .....**

**Tuan Pengerusi: Ya.**

**Dato' Wong See Wah:** Memandangkan Hire Purchase Act ini adalah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, jadi saya cadangkan bila tiba masa perlulah cadangkan dalam jawatankuasa berkenaan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Saya berpindah kepada Program/Aktiviti 010400 - Pengurusan Pinjaman Perumahan. Saya ingin menekankan, saya tidak perlu bercakap panjang lebar kerana saya selalu bercakap berhubung banyak syarikat yang menjadi bankrap oleh kerana penurunan wang daripada pihak pinjaman perumahan adalah amat lambat sekali. Saya tidak tahu mengapa dan banyak kerenah birokrasi yang dibuat dan kelemahan pegawai-pegawai yang bertugas di dalam Jabatan Pengurusan Pinjaman Perumahan ini.

Jadi, kadang-kadang pegawai kurang cekap, mesti ada perhubungan peribadi dan sebagainya, jadi ini mendatangkan satu kecurigaan di antara orang-orang yang terlibat. Saya boleh sebut nama-nama syarikat yang menjadi bankrap oleh kerana walaupun wang berjuta-berjuta yang ada disimpan di mana pembelian rumah dibuat, dokumentasi sudah dibuat dan sebagainya telah dibuat tetapi penurunan wang yang dipinta daripada pinjaman perumahan itu memakan masa sampai enam, tujuh bulan dan pemprosesan dokumen-dokumen tertentu, menghantar balik dokumen-dokumen tertentu kadang-kadang memakan masa sampai setahun.

Tuan Pengerusi, ini mendatangkan satu masalah yang besar bukan sahaja kepada pegawai kerajaan/pembeli rumah, tetapi juga kepada syarikat yang menjual rumah kepada pegawai yang tertentu kerana dalam syarat-syarat jual beli umpamanya mengehendkan dalam masa empat bulan kena bayar, kalau tidak bayar, bayar faedah umpamanya, jadi, maknanya pegawai kerajaan yang tertekan. Ada pula syarat lain yang menyatakan kalau tidak bayar dalam masa empat bulan, rumah itu boleh ditarik balik, kalau pemaju itu menarik balik dan pegawai kerajaan hilang deposit ataupun pendahuluan. Jadi saya berharaplah pihak kementerian menekankan kepada pihak pinjaman perumahan supaya bekerja keras sedikit, tidak payahlah "perhubungan peribadi" ini.

Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada perkara yang dibangkit dalam budget pada tahun iaitu refinancing agreement. Saya melihat dasar ini adalah berbangkit oleh kerana kita facilitated kepada merger institusi bank-bank di Malaysia. Tetapi, ini hanya diberi kepada term loan sahaja. Persoalan saya, kenapa ini di'narrow'kan kepada term loan sahaja, kenapa pula umpamanya OD, pinjaman Letter of Credit, guarentee dan sebagainya tidak diberi, kenapakah dikhaskan hanya kepada term loan.

Perkara yang kedua, di bawah Butiran 020000 - Cukai. Pada masa sekarang dasar kerajaan ialah mengatakan cukai ini akan diubahusai untuk current year tetapi current year cukai ini telah diimplementasikan di Sarawak dan di Sabah dan hanya penyelarasan di antara Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia. Apa yang berlaku apabila perkara ini berlaku, pada masa hadapan saya difahamkan iaitu tahun 1999, Sarawak dan Sabah akan dikecualikan membayar cukai dan oleh kerana pengecualian berlaku di Sarawak dan Sabah pada tahun 1999, saya hendak bertanya kepada kementerian berapa banyakkah kerugian kerajaan secara nilai ataupun adakah kerugian ini secara on paper sahaja, kerana Sarawak dan Sabah tidak akan membayar cukai pada tahun 1999 oleh kerana penyelarasan kerajaan untuk mengatakan semua pemungutan cukai adalah secara current.

Tuan Pengerusi, soalan current ini banyak perkara yang berbangkit, misalnya self assessment, kita buat penilaian sendiri yang dahulunya dibuat oleh penilaian kerajaan. Kadang-kadang orang biasa mendapati bahawa mengisi borang itu ada masalah sedikit tetapi kalau syarikat ini syarikat besar, yang mampu berurusan dengan tax consultant sendiri, dia boleh buat dengan sempurna tetapi apa pula berlaku kepada syarikat sole proprietor, syarikat kecil-kecilan, peribadi, ini juga membuatkan tax return kepada IRD.

Jadi dua perkara berbangkit satu, borang yang susah hendak diisi. Yang kedua, perkhidmatan consultant cukai ini belum mencukupi di seluruh Malaysia. Jadi apakah tindakan kementerian supaya tax consultant ini diperbanyakkan lagi dan apakah caranya untuk memperbanyakkannya dan adakah kementerian sendiri akan membuat pihak IRD ini membuat suatu perkhidmatan khusus supaya peniaga-peniaga kecil di seluruh ceruk rantau negara ini akan diberi perkhidmatan secara free oleh tax consultant kerajaan untuk menolong mereka mengisikan borang-borang, kalau tidak, mereka ini akan terlibat tidak hantar borang dan kena hukum pula.

Oleh kerana dalam konsep self assessment, hukumnya mesti tinggi, Tuan Pengerusi, kerana kerajaan tidak membuat assessment lagi jadi peribadi buat. Jadi kadang-kadang dia buat salah ataupun sengaja buat salah, jadi kena tolong, kalau tidak kena tolong dia kena hukum. Kalau hukum ini besar sangat, sudahlah masalah hendak buat tax return, dia kena hukum besar pula. Jadi macam mana mekanisme kerajaan agar orang ini, sole proprietor, orang berniaga kecil-kecilan yang perlu juga membuat tax return ini mendapat khidmat nasihat dan perkhidmatan tax consultant dan tax consultant yang murah.

Ini akan mencetuskan satu lagi industri tax consultant di seluruh negara kita tetapi kalau ini berlaku Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian tax

consultant ini mestilah didaftarkan sebagai peguam, arkitek dan profession lain dan remuneration mereka ataupun upah mereka untuk membuatkan return ini mestilah dibuat satu perundangan yang khas supaya peniaga-peniaga kecil dan syarikat-syarikat kecil tidak dieksploitasi oleh para profesional yang menunjukkan mereka sendiri sebagai tax consultant ini dan bertanggungjawab kepada apa sahaja yang mereka buat kepada masyarakat peniaga ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada perkara yang lain, oleh kerana tadi saya telah sebutkan daripada government assessment method berpindah kepada self assessment method dalam konteks pembayaran cukai ini. Jadi, maknanya kerajaan tidak ada kawalan secara langsung kepada pengisian borang, bermakna borang itu diterima secara face value oleh pihak IRD. Soalannya apakah kawalan oleh pihak IRD ataupun kerajaan untuk memastikan yang borang itu tepat, betul dan sempurna.

Yang kedua, kalau tidak ada kawalan secara kemasukannya apakah kawalan risk management pihak kerajaan supaya pihak kerajaan tidak kerugian dalam pembayaran cukai oleh kerana penyelewengan yang ada mungkin dibuat oleh pihak pembayar cukai.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya saya ingin bertanya soalan syarikat. Sekarang syarikat pun terpaksa membayar hutang cukai current juga. Maknanya kalau current, bagaimanakah formula untuk membayar cukai current syarikat. Kalau individu terima gaji RM2,000 umpamanya dan membayar cukai berlandaskan berapa orang anak dan exemption yang boleh diberi kepada saya tetapi kepada syarikat berlandaskan keuntungan yang sedia ada. Jadi bagaimanakah keuntungan ini boleh diformulakan di'tabulate'kan supaya sistem pembayaran cukai itu boleh dibuat current dan bagaimanakah caranya.

Tuan Pengerusi, berbangkit daripada ini, kalau dibayar secara tabulation, ada kemungkinan bayaran ini nanti kurang dan lebih. Kalau kurang, senang untuk diminta selepas itu tetapi yang lebih, ini yang masalah. Kalau berlaku kelebihan pembayaran, apakah jaminan IRD pembayaran balik (refund) itu mesti dibuat dengan secara cepat yang mungkin kerana kita lihat sekarang dalam IRD, kalau ia minta bayar dalam masa satu bulan dia tidak bayar, diberi hukum tetapi kalau kita tidak kena bayar dalam satu bulan, kita tiada hak untuk menghukum IRD kerana tidak bayar. Dalam system self assessment yang dibuat dalam current assessment tax ini berlaku pada tahun akan datang, ada kemungkinan pembayaran berlebihan ini berlaku mungkin berjuta-juta. Jadi kalau ini tidak ada satu method ataupun mekanisma yang boleh membayar balik kepada pembayar cukai itu dengan seberapa cepat yang boleh banyaklah pembayar cukai nanti akan merasa diri mereka teraniaya oleh kerana pembayaran itu dengan cepat di mana IRD boleh mendapat pembayaran daripada pembayar cukai.

Tuan Pengerusi, dengan kata-kata demikian sekianlah sahaja persoalan saya - belum, satu lagi, minta maaf. Ada satu perkara iaitu exemption kepada international trading company, persoalan international trading company ini diberi maaf 70% kepada cukai untuk international trading tetapi persoalannya hanya company yang membuat trading RM25 juta sahaja yang mendapat exemption. Maknanya sedikit sahaja company yang masuk ke dalam ini, macam mana SMI ini. Jadi mengapa pula tidak di bawah RM10 juta, mengapa pula tidak RM20 juta, mengapa RM25 juta, sedikit sangat syarikat SMI akan boleh mendapat kemaafan daripada pembayar tax di bawah ITC ini. Jadi saya hendak tanya kementerian soalan teknikal yang saya persoalkan tadi dan mendapat jawapan yang jelas supaya kita tidak keliru persoalan pembayaran tax dan sistem pembayaran tax yang akan kita ajukan kepada tahun 1999.

Tuan Pengerusi, dengan demikian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Teluk Intan.

12.05 tgh.

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya hendak bahaskan B.31 - Butiran 050500 berkaitan dengan B.33 - Butiran 030100 iaitu Penyewaan Ruang Pejabat.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya difahamkan di Taiping bangunan yang disewakan oleh kementerian ini telah dipindahkan di satu tempat yang baru. Saya difahamkan bahawa sewa yang dibayar sebelum ini adalah lebih kurang RM20,000 sebulan tetapi pejabat yang baru diperolehi yang disewa, saya difahamkan mereka membayar RM120,000 sebulan. Apakah sebab bayaran sebanyak ini diperlukan memandangkan Taiping adalah satu bandar di mana pejabat yang luas yang diperlukan di situ tidaklah memadai memandangkan kalau mengikut market rate bagi tempat tersebut adalah lebih kurang RM30,000 sahaja. Adakah penyelewengan berlaku dalam perkara ini dan apakah perlu pejabat ini di'locate'kan, dengan izin, ke satu tempat yang baru.

Dalam keadaan ini juga bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapakah tempat di mana kementerian sedang menyewa di seluruh negara dan berapakah bayaran sewa yang diperlukan. Apakah ia masih diperlukan lagi, memandangkan kita telah merdeka 41 tahun dan bukannya masanya telah tiba kita memperolehi dan mengadakan tempat-tempat untuk menjalankan business di tempat kerajaan seperti di beberapa ibu negeri di Malaysia telah ditempatkan office-office berkenaan tetapi saya difahamkan juga banyak sewa ini dibayar di atas sebab-sebab yang tertentu di mana pihak-pihak yang menyewa tempat itu ada kena-mengena dengan orang berkaitan yang ada membayar, bukan market value tetapi ada pula yang tiga kali ganda, empat kali ganda dari market value. Apakah sebab ini dan adakah penyiasatan akan dibuat dan adakah sewa-sewa yang dibayar ini munasabah memandangkan sewa yang dibayar oleh orang lain di tempat berkenaan adalah banyak kurangnya dari yang dibayar oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya ingin menyentuh Butiran B. 29 - 010400 iaitu mengenai sewa kereta. Baru-baru ini kerajaan banyak menyewa kereta kepada pegawai-pegawainya bukan sahaja di Kementerian Kewangan tetapi di kebanyakan kementerian yang lain. Apakah rasional dan asasnya kerana memandangkan kegawatan ekonomi bukannya kita perlu untuk tidak menyewa tetapi menggunakan kereta yang sedia ada. Sebagai contoh, saya ingin memberitahu di Ipoh di mana hakim-hakim Mahkamah Tinggi yang menggunakan kereta-kereta Mercedes, kereta-kereta itu telah ditarik balik dan diberi kereta Perdana, saya difahamkan hakim-hakim ini tidak berapa senang hati menggunakan kereta sewa yang baru ini tetapi yang saya perlu tahu ialah kereta-kereta Mercedes yang lalu itu tidak tua, tidak berapa lama hanya lebih kurang dua, tiga tahun telah dipakai. Apakah rasional yang perlu diberi kereta baru dan sewa yang diberi adalah di antara RM3,000 hingga RM5,000 untuk sebuah kereta, dengan izin, anybody in this country will know if you pay RM5,000 per month, within 24 months boleh beli kereta yang baru. Apakah rasional, apakah kita perlu menyewa dan membayar kepada penggunaan kereta tersebut kepada pegawai-pegawai kerajaan. Apakah sebab kereta-kereta ini ditarik balik?

Saya difahamkan ada satu syarikat yang tertentu yang telah dilantik oleh kerajaan supaya semua kereta itu disewa melalui syarikat tersebut. Saya difahamkan nama syarikat itu 'Sopan' Sdn. Bhd. Apakah kelebihan syarikat tersebut? Apakah sebab kerajaan memberi keutamaan yang tertentu kepada syarikat tersebut? Siapakah pengarah-pengarahnya? Adakah mereka yang dikatakan fasih atau ada beberapa transaksi mengenai syarikat tersebut. Saya difahamkan syarikat itu tidak ada pengalaman langsung.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat dari Teluk Intan mengenai dengan syarikat tersebut yang disebutkan sebagai 'Sopa'. Apakah 'Sopa' ataupun 'Spanco'? Sebab seingat-ingat saya, syarikat 'Spanco', bukannya 'Sopa'. Minta penjelasan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih kepada teguran itu. Baik, betul, syarikat itu saya tidak tahu, kita pembangkang, kita cari - fishing, fishing. Jadi terima kasihlah atas apa yang diberitahu. Tapi saya hendak tahu syarikat siapakah, pengarah-pengarah itu, adakah menteri-menteri atau ahli Barisan Nasional yang menjadi pengarah. Saya tahu kawan saya itu tidak ada kena- mengena dengan syarikat tersebutlah, itu dia beritahu nama tersebut.

Jadi, bukan setakat hakim-hakim sahaja, Kementerian Pertahanan, saya difahamkan banyak kereta atau semua kereta tersebut disewakan dari syarikat tersebut. Apakah kelebihan mereka? Bukankah lebih baik sistem yang sedia ada? Adakah kita telah menganalisa atau kita telah meneliti ada satu sistem di mana dikatakan penyewaan melalui syarikat itu lebih menguntungkan rakyat Malaysia dan kerajaan, bukan pengarah-pengarah atau pemegang syer-syer tersebut yang kita semua tahu adalah pihak-pihak yang berkenaan yang ada 'maha kuasa' itu. Jadi, kita hendak satu penjelasan apakah sebab ini telah terjadi dan adakah tindakan telah diambil dalam perkara ini. Kalau tidak, kenapa tidak?

Tuan Pengerusi, selain dari itu saya juga ingin menyatakan mengenai Butiran 010100 – Pengurusan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini apakah situasi yang benar mengenai syarikat-syarikat insurans. Bolehkah saya ambil satu perkara di mana satu syarikat yang sudah muflis, lebih kurang tujuh tahun dulu, Syarikat Merchantile Insurance. Apakah sebab pembayaran pampasannya dilambatkan, yang telah dijanjikan 70% dari apa yang mereka diwajibkan dibayar akan dibayar, tetapi hingga sudah lebih kurang tujuh tahun ada pihak-pihak yang telah membuat permohonan telah disetujui, dengan izin, oleh syarikat Merchantile hingga hari ini pembayaran tidak dibuat.

Saya juga difahamkan peguam-peguam yang dilantik oleh syarikat Merchantile Insurance sebelum ia digulungkan, telah diberi satu perjanjian bahawa yuran mereka akan dibayar. Saya telah menanya soalan ini tahun sebelum ini dan dikatakan syarikat Merchantile Insurance yang telah digulungkan akan membayar tetapi tidak dibayar. Ramai di antara peguam-peguam ini tertipu, telah diperdayakan, membuat kerja untuk syarikat insurans tersebut tetapi tidak dibayar. Apakah sebab, apakah rasional ini dan bilakah penggulungan syarikat ini akan digulungkan dengan betul-betul? Dengan izin, bilakah ia akan dimatikan. Takkan dia wujud tujuh tahun, gulung sampai tidak habis gulung, ini muflis tak habis muflis. Apa makna gulung ini? Kalau syarikat swasta yang lain kalau kita gulung, enam bulan habis, kunci. Ini tujuh tahun.

Selain dari itu, bolehkah saya tahu apakah situasi ratio kewangan kepada syarikat-syarikat general insurance di negara ini seperti Kurnia Insurance dan Pacific and Orient Insurance, apakah keadaan mereka? Seperti yang kita semua ketahui, bila ada tuntutan yang tertentu kepada syarikat-syarikat Kurnia Insurance dan Pacific and Orient Insurance mengambil masa bertahun-tahun hingga pergi ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan hingga kes telah selesai berbulan-bulan, tetapi tidak dibayar. Walaupun laporan telah dibuat kepada Bank Negara, Bank Negara seperti biasa macam standard reply, "sila beri sebab kenapa bayaran belum dibuat". Selepas itu syarikat insurans kata, "bayaran akan dibuat" atau "telah dibuat". Takkan ambil masa lebih 3, 4 tahun selepas

satu kejadian kemalangan. Apakah pengurusan atau tindakan yang tegas telah diambil? Adakah kerajaan memberi amaran setakat menarik balik insurans, menarik balik lesen insurans supaya memberi satu pengajaran kepada mereka. Adakah kerajaan berani berbuat sedemikian? Kalau tidak, kenapa tidak? Kena jawab ini, kena jawab dengan cepat-cepat ini. Tuan Pengerusi, masalah ini bukan setakat melibatkan beberapa orang sahaja. Saya difahamkan ramai di antara rakyat Malaysia, lebih-lebih lagi rakyat Malaysia yang sangat kekurangan keupayaan, yang miskin di kampung-kampung, di estet-estet yang terlibat dengan Merchantile Insurance dan insurans-insurans yang lain. Jadi saya harap satu polisi dapat diberitahu.

Selain dari itu adakah syarikat itu akan diintegrasikan satu dengan lain. Dikurangkan dari 63 syarikat ke-24 syarikat atau sedemikian. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan dan apakah capital ratio kepada setiap syarikat insurans ini, adakah berpatutan kepada polisi yang dikeluarkan? Apakah sebab rasional kerajaan, 2 tahun atau 3 tahun dulu di mana pecahan telah dibuat di antara Life Insurance dan General Insurance. Adakah kerajaan tahu bahawa di negara-negara lain di mana pecahan telah dibuat di antara Life Insurance dan General Insurance, setiap kali General Insurance ini tidak berapa, dengan izin, profit. Tetapi Life Insurance sangat memberi keuntungan. Apakah rasionalnya? Bukankah lebih baik kalau kedua-duanya digabung supaya satu di antara lain dapat memastikan kepada pengguna-pengguna, kepada pemilik-pemilik insurans, mereka dapat meliputi insurans dan mendapat pampasan jika mereka berhak.

Saya akan gulung, saya tahu Tuan Pengerusi tengok sama saya. Terima kasih. Jadi dalam keadaan ini apakah situasi bank-bank di negara kita ini. Apakah situasi di mana gabungan, saya difahamkan ramai pekerja di bank-bank yang takut mereka akan kehilangan kerja selepas gabungan ini. Apakah kerajaan sedang buat apabila gabungan ini berlaku, mereka tidak akan kehilangan kerja. Apakah gerenti yang kerajaan boleh beri? Saya difahamkan di antara bank-bank yang sedia ada akan dikurangkan kepada lapan bank - giant bank. Giant itu akan jadi minor lepas itu, ia tidak ada kuasa. Apakah kerajaan sedia akan memberi gerenti yang tertentu supaya semua pekerja yang bekerja di bank-bank ini bukan sahaja akan mendapat kerja tetapi bila digabungkan akan diberi kerja supaya mereka tidak kehilangan pendapatan wang dan juga jika mereka diberhentikan kerja adakah polisi-polisi yang tertentu untuk pekerja-pekerja tersebut. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

12.18 tgh.

**Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama mengambil bahagian di bawah Kementerian Kewangan. Saya hanya hendak menyentuh satu butiran sahaja iaitu Butiran 030100 – Pengurusan Wang Amanah iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Saya ingin merayu kepada pihak kerajaan supaya menimbangkan pengeluaran wang KWSP ini bukan sahaja boleh digunakan untuk pembelian rumah ataupun perubatan tetapi sudah sampai masanya untuk kita menimbang supaya penyimpan-penyimpan KWSP ini dibenarkan mengeluarkan wang simpanan mereka untuk mereka melanjutkan pelajaran.

Tuan Pengerusi, cabaran yang kita hadapi dalam dunia pendidikan pada hari ini ialah soal pembiayaan. Oleh kerana IPTA juga diambang pengkorporatan, kebanyakannya telah pun mula menaikkan kadar yuran dan bayaran lain. Tambahan pula pada tahun ini kerajaan telah mengurangkan peruntukan kepada IPTA kerana kegawatan ekonomi. Bagi IPTA yang peruntukan mereka dipotong, tentulah perlu mencari jalan bagaimana

menambahkan pendapatan mereka. Cara yang paling mudah ialah dengan menaikkan kadar yuran dan bayaran lain dan menambahkan bilangan pelajar.

Selain daripada yuran yang tinggi, pelajar juga dikehendaki membayar yuran asrama dan makan. Tabung Pendidikan Negara juga tidak mencukupi untuk membiayai bilangan pelajar-pelajar yang begitu ramai memerlukan pinjaman. Untuk menambahkan pelajar di IPTA, ramai juga pelajar yang diberi peluang mengikuti kursus IPTA yang difrancaiskan kepada IPTS. Hal ini juga menambahkan kerumitan kepada pelajar kerana mereka terpaksa membiayai sejumlah besar untuk mengikuti kursus tersebut. Bagi mengatasi masalah ini kerajaan terpaksa memberi bantuan kepada pelajar ini pada tahun ini untuk menenangkan keadaan. Namun demikian, apakah agak halnya dengan pembiayaan yang diperlukan bagi tahun-tahun ke hadapan.

Oleh itu adalah dicadangkan supaya pelajar-pelajar ini dapat diberi bantuan melalui simpanan pekerja, simpanan oleh keluarganya melalui KWSP. Di samping itu juga bukan sahaja penyimpan-penyimpan KWSP ini dapat membantu pendidikan anak mereka tetapi untuk diri mereka sendiri kerana hari ini keadaan pendidikan kita begitu luas dengan IPTSnya, dengan jarak jauhnya dan sebagainya dan membolehkan setiap rakyat di negara ini memperolehi pendidikan di peringkat tinggi dengan secara belanja sendiri. Jadi kalau KWSP ini hanya disimpan untuk di hari tua, memang kita tidak nafikan tujuannya untuk di hari tua tetapi kalau sudah tua pun, umur pun sudah meningkat, pada masa itu baru kita dapat keluar duit kita, nafsu pun tiada, upaya pun sudah kurang, saya ingat ini defeat the purpose. Jadi biar waktu muda ini, waktu mereka boleh melanjutkan pelajaran, boleh menambahkan ilmu.

Maka kita harus merubah dan meminda undang-undang KWSP ini supaya memberi peluang kepada rakyat, kepada penyimpannya boleh melanjutkan pelajarannya bukan sahaja dalam segi pendidikan untuk melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi tetapi juga di sekolah-sekolah biasa untuk pinjaman komputer sebagai contoh, untuk pinjaman beli buku, apa-apa sahaja dalam bidang pendidikan kerana hari ini pendidikan amat penting dan masalah pembiayaan yang dibiayai oleh kerajaan semakin hari semakin mengurang sedangkan kenaikan kos di IPTA ataupun IPTS atau lain-lain bayaran, biasiswa sebagai contoh tidak semua anak-anak kita dapat biasiswa pada hari ini. Ada anak-anak kita masuk asrama penuh pun ada yang tidak dapat biasiswa. Jadi saya mencadangkan supaya KWSP mengkaji dengan dalam supaya peluang pendidikan ini harus diberi bantuan melalui pengeluaran wang KWSP.

Yang kedua, saya juga ingin menyentuh mengenai proses pengeluaran wang. Yang pertama, hari ini saya dimaklumkan bahawa pengeluaran wang untuk mereka yang meninggal dunia khasnya orang-orang Islam begitu lambat. Saya kadang-kadang kasihan, mereka ini sudahlah kematian suami ataupun keluarga, berulang-alik ke KWSP macam-macam kerenah yang dibuat. Jadi sudah mereka ini ditimpa kemalangan, hendak keluar duit pun susah. Jadi ada pula kita dapati mereka ini terutama orang-orang luar bandar tidak diberi maklumat yang betul, datang sini pergi isi borang ini, besok datang jumpa pegawai lain, salah pula arahan itu, jadi kalau dari Tanjong Karang berulang-alik ke Kuala Lumpur letih sebab mereka kena datang ke ibu pejabat. Kita dapati hari ini wang dikeluarkan tetapi apabila seseorang itu meninggal wang ini diberi kepada penama sedangkan kita telah dimaklumkan bahawa mengikut Islam apabila seseorang itu meninggal pusaka hartanya adalah harus diberi kepada waris-warisnya mengikut hukum faraid tetapi KWSP kita dimaklumkan mengikut hukum faraid tetapi apakah ini benar-benar dijalankan.

Apakah benar bahawa wang yang diberi kepada pewaris ini atau penama di bawah KWSP apabila keluarganya meninggal, wang ini diberi kepada penama, kemudian penama ini terpaksa pergi ke pejabat agama untuk menyelesaikan mengikut hukum faraid. Pernah berlaku bahawa seorang anak meninggal, penama bubuh nama emak dia ataupun keluarga dia, jadi bila cek ini ditulis atas nama penama, kena penama yang amanah tidak apalah, Tuan Pengerusi, kena yang tidak amanah dia akan anggap duit ini duit dia sepenuhnya sedangkan sepatutnya dia pergi ke pejabat agama mengagih-agihkan wang ini mengikut hukum faraid. Jadi ini akan menyusahkan orang ramai, terpaksa melalui dua peringkat hendak mendapat duit keluar daripada KWSP, itu satu cerita. Kalau duit sudah dapat, kalau yang tidak amanah dia sapu semua, yang mana amanah dia pergi ke pejabat agama. Satu cerita lagi hendak pergi ke pejabat agama, mengikut proses dan peraturan-peraturannya. Jadi ini semuanya proses, procedure yang red tape yang boleh menyusahkan rakyat.

Saya ingin mencadangkan apa salahnya KWSP mengambil seorang pegawai yang pakar dalam hukum syariah yang tidak payah pergi ke pejabat agama, keluar sahaja sudah sahkan penama ini, terus bagi kepada bahagian syariah ke, patut diwujudkan di dalam KWSP maka pegawai itu terus membuat hukum membahagi-bahagikan harta itu mengikut hukum faraid dan cek ini terus dikeluarkan kepada sesiapa yang layak. Jadi perkara ini lebih mudah untuk rakyat dan kita harap bila sebut hukum Islam ini kita laksanakan dengan sebenarnya. Jangan kita menganggap bila sebut sahaja hukum Islam, ini urusan jabatan agama, ini urusan Mahkamah Syariah, ada kadang-kadang kita boleh buat sendiri. Kita boleh employ pegawai-pegawai syariah kita. Sudah ramai graduan kita yang berkelulusan syariah dan saya tidak nampak kenapa KWSP tidak boleh mewujudkan satu unit Islam, satu unit faraid sebagai contoh ataupun syariah yang menguruskan simpanan-simpanan ini mengikut hukum-hukum Islam.

Sekarang ini kita menuju kepada arah Islam. Macam-macam sudah kita buat, Bank Islam, Insurans Takaful Islam tetapi KWSP adakah menyeru, menerima atau mengambil bahagian untuk sama-sama pastikan bahawa segala urusan yang berkaitan dengan orang Islam ini diuruskan mengikut hukum-hukum Islam dan begitu juga dengan pengeluaran wang yang saya nyatakan tadi, itu pengeluaran wang orang sudah meninggal. Kadang-kadang pengeluaran wang untuk beli rumah pun satu cerita, macam-macam kerenah. Harus diingat bahawa dalam kegawatan ekonomi hari ini seperti Yang Berhormat Batang Lupa menyatakan tadi pegawai-pegawai kerajaan harus berfikir membantu kerajaan lebih-lebih lagi KWSP ini very sensitive hari ini pihak-pihak pembangkang menggunakan isu KWSP. Ini seolah-olah wang KWSP ini diambil untuk membantu pihak-pihak tertentu. Jadi kalau pegawai-pegawai kerajaan tidak membantu kerajaan mengatasi masalah ini, mengurangkan tuduhan-tuduhan daripada pihak-pihak pembangkang maka kita akan menghadapi masalah kepada rakyat. Sebab KWSP ini wang rakyat, berhubung terus dengan rakyat. Jadi kita harap urusan-urusan yang berhubung terus dengan rakyat lebih-lebih lagi wang ini melibatkan wang rakyat maka kita merayulah pegawai-pegawai KWSP ini harus bekerja lebih cekap dan mesti ada piagam pelanggannya.

Saya hendak tanya piagam pelanggan KWSP ini sudah berapa lama. Kalau hendak pinjam duit ini berapa lama, tiga bulan, lima bulan, enam bulan kena dituliskan di situ dan kalau ada piagam pelanggan ini pun tetapi tidak diikuti pun tidak guna. Maka sepatutnya kita terus menganggap kalau kata tiga bulan, kalau tidak ada apa-apa jawapan daripada pihak KWSP kita anggap benda ini beres tetapi masalah yang kita hadapi orang kampung datang dua bulan, tiga bulan, bila selepas tiga bulan datang ada lagi benda yang tidak kena, jadi kita harap kena proaktif. Kalau misalan kata dapat satu permohonan tulis balik surat kepada mereka, rakyat, orang kampung yang tidak tahu ini supaya mereka tahu bahawa permohonan mereka itu tidak lengkap, jadi tidaklah mereka ini perlu berulang-alik.

Sekarang ini sudah saya nyatakan kegawatan ekonomi maka timbul soalan mereka kata wang KWSP susah hendak keluar, kerajaan sudah gunakan duit KWSP sedangkan tuduhan-tuduhan ini tidak betul. Sedang kita sudah dengar beberapa penjelasan tetapi kita boleh bercakap perkara itu tidak betul tetapi kalau rakyat di bawah menghadapi masalah ini, masalah mereka, masalah peribadi mereka dan ditambah pula dengan isu-isu politik dan kegawatan ekonomi hari ini rakyat mudah percaya.

Jadi kita mengharapkan bahawa pegawai-pegawai KWSP lebih peka kepada kehendak-kehendak rakyat kerana ini mereka pemegang amanah, mereka hendak keluarkan duit mereka sendiri walaupun ada peraturan-peraturan yang tertentu supaya tidak disalahgunakan wang ini daripada segi undang-undangnya harus diikuti tetapi dalam masa yang sama red tape kalau peraturan-peraturan itu boleh kita selesaikan, kita harus selesaikan. Kita harus bertindak dengan lebih cepat kerana rakyat rasa tertekan kerana duit mereka waktu hendak simpan begitu mudah, cukup bulan potong gaji, hendak simpan mudah, hendak keluar mengapa susah sangat dan apabila perkara ini berlaku maka rakyat tentu tidak puas hati dengan pentadbiran oleh pihak kerajaan dan juga Kementerian Kewangan.

Saya ingin juga menyentuh mengenai urusan-urusan dengan rakyat di Bahagian Kontrak sebagai contoh. Banyak rungutan kita dapat kontrak sudah siap, kerja sudah siap, duit tidak dapat yang mana kontrak-kontrak ini semasa buat jalan, buat bangunan ini semua berhutang. Lambat bayar, interest bank pun kena tetapi pergi ke Bahagian Kontrak, Bahagian Kewangan masih lagi tidak dapat ceknya. Ceknya hendak dapat, datang besok, besoknya datang. Jadi saya hendaklah minta Kementerian Kewangan buat betul-betul piagam pelanggan yang betul dan mesti dipraktikkan dan kalau boleh, kalau kata sudah ada piagam pelanggan ini mesti kita katakan kalau kata tiga bulan proses ini siap, maka sudah tidak ada sebab keadaan proses yang ditetapkan tiga bulan, sudah cukup tiga bulan kita harap sudah tidak ada dakwa dakwi lagi. Bermakna kalau salah maka pegawai-pegawai berkenaan harus bertanggungjawab dan juga harus diberi satu borang walaupun kadang-kadang ada kotak-kotak cadangan di pejabat-pejabat kerajaan, di samping itu borang-borang complain ini patut disediakan juga satu kaunter khas sediakan borang apa tidak puas hati supaya terus dihantar kepada pihak-pihak berkenaan supaya perkara ini dapat kita selesaikan.

Saya hendak menyatakan dalam kegawatan ekonomi hari ini kita harus peka bahawa segala urusan lebih-lebih lagi urusan mengenai kewangan – pembayaran kepada rakyat harus dipentingkan dan diberi keutamaan supaya rakyat tidak tertekan dan tidak mudah terpengaruh bahawa tuduhan-tuduhan yang mengatakan kerajaan tidak ada duit, kerajaan menyalahgunakan wang rakyat dan sebagainya tidak timbul. Jadi, saya berharap bahawa di bawah kepimpinan Menteri Kewangan yang baru – ada I dan II, maka segala sistem dan piagam pelanggan di Kementerian Kewangan ini dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Sekian, saya menyokong, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Bagan, selepas itu kementerian menjawab.

**12.31 tgh.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Pengerusi, B.28- Butiran 060000 dan juga 010000.

Tuan Pengerusi, pada 18 September tahun ini kerajaan mengumumkan bahawa Bank Bumiputra Berhad iaitu sebuah bank yang kedua terbesar dan juga pegangan ekuiti Ministry of Finance Incorporation – 98% dipegang kerajaan mengalami kerugian sebanyak

RM1.4 bilion untuk akaun tamat pada 31 Mac tahun ini. Kerajaan perlu menyuntik satu jumlah iaitu RM1.1 bilion kepada Bank Bumiputra Berhad melalui Khazanah Nasional Berhad. Sebelum menyuntik sejumlah RM1.1 bilion ini, semasa itu bekas Governor Bank Negara iaitu Tan Sri Ahmad Don ada berkata bahawa 4 buah institusi kewangan memerlukan satu capital injection di mana antaranya Bank Bumiputra Berhad perlu di'inject' RM750 milion tetapi yang sebenarnya kerajaan perlu meng'inject' RM1.1 bilion iaitu RM350 milion lebih daripada apa yang dijangkakan.

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat memberitahu mengapa ada satu perbezaan sebanyak RM350 milion. Jikalau pada mulanya dikatakan RM750 milion tetapi perlu di'inject' RM1.1 bilion kepada bank ini dan sama ada satu penyiasatan terperinci dijalankan untuk mencari mengapa boleh mengalami kerugian yang besar ini dan bukan dikatakan, "oh, bank ini perlu inject," maka dia di'inject' dan tidak payah tanya apa sebabnya. Mengapa boleh jadi begini?

Tuan Pengerusi, sebenarnya Bank Bumiputra Berhad ini sudah 3 kali dibantu oleh kerajaan. Kali pertama iaitu pada tahun 1986 di mana kerana ada skandal BMF di Hong Kong, maka Petronas kena inject RM2.5 bilion pada masa itu dan 3 tahun lepas iaitu pada tahun 1989 Petronas perlu inject lagi sebanyak RM982 milion kepada bank ini dan tahun ini RM1.1 bilion. Semua sekali ialah tiga kali dalam 12 tahun sebanyak RM4.6 bilion telah disuntik ke dalam bank ini.

Satu masalah yang berbangkit ialah mengapa Bank Bumiputra Berhad, RHB Bank dan lain-lain bank tempatan banyak mengalami kerugian tetapi bank ekuiti orang asing seperti OCBC, Chung Khiaw Bank, Hong Kong Bank, Chartered Bank, ini semua sihat, tidak ada apa-apa bantuan perlu diberikan kepada mereka dan setakat ini setelah tiga kali suntikan modal kepada bank ini sesiapa pun tidak didapati bertanggungjawab di atas kerugian besar-besaran ini. Tidak ada seorang pun disoal siasat, ditanya mengapa boleh mengalami kerugian. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu jawapan yang memuaskan kepada rakyat jelata kerana ini adalah duit rakyat jelata semua.

Tuan Pengerusi, akhirnya berkenaan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Sudah kali yang ketiga saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kami memerlukan Lembaga Hasil Dalam Negeri mengeluarkan satu statement of account pada setiap hujung tahun kepada ahli-ahlinya. Jika kami berniaga atau kami adalah pelanggan dari bank, tiap-tiap bulan kami diberi satu statement of account – berapa kami berniaga atau berapa duit masih ada tinggal. Kalau saya seorang ahli KWSP tiap-tiap tahun saya dapat satu statement of account juga tetapi sebagai seorang pembayar cukai kepada LHDN, langsung tidak diberitahu sama ada kami masih ada wang baki dalam Lembaga itu kerana kebanyakan pekerja-pekerja mereka dipotong gaji setiap bulan dan mereka juga ada memberi income-tax return tiap-tiap tahun tetapi mereka tidak tahu sama ada masih ada baki dalam Lembaga atau masih terhutang kepada Lembaga. Ini perlu satu jawapan yang jelas. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak ada sesiapa yang hendak berucap lagi. Dengan demikian, kementerian kenalah menjawab.

12.37 tgh.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada ramai Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian – Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Tambun, Labuan, Penampang, Batang Lupar, Teluk Intan, Tanjung Karang dan Bagan. Saya mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa.

Mengenai Ahli Yang Berhormat dari Labuan yang telah bertanya apakah projek-projek yang telah dicadangkan untuk menjadikan Labuan sebagai satu pusat pelancongan, sukacita saya maklumkan iaitu Labuan kini telah dijalankan beberapa projek bagi merangsangkan pertumbuhan dan tarikan ke Pulau Labuan. Kerajaan telah membuat keputusan untuk menjadikan Pulau Labuan ini sebagai satu pulau pelancongan dengan seni taman yang terindah dan kerajaan juga telah menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi keperluan tersebut dan Lembaga Pembangunan Labuan telah juga memohon peruntukan siling Rancangan Malaysia Ketujuh kepada EPU bagi sejumlah tidak kurang daripada RM133 juta bagi melaksanakan projek-projek berikut:

- (i) kerja-kerja landskap di sepanjang dua jalan utama 32.4 kilometer;
- (ii) kerja-kerja meningkatkan prasarana dan kemudahan di Botany Garden;
- (iii) kerja-kerja mengindahkan pantai;
- (iv) pembelian jentera pembersih pantai dan kampung air;
- (v) kerja-kerja landskap kawasan bandar; dan
- (vi) kerja-kerja mencantikkan bulatan jalan.

Kajian sedang dibuat sama ada perlu atau tidak penglibatan kerajaan supaya Sekolah Antarabangsa Labuan terus beroperasi memandangkan kurangnya pelajar dan sekolah beroperasi dalam keadaan ini.

Saya juga ingin menyentuh tentang Bangunan Gunasama Persekutuan iaitu melalui Belanjawan 1999 kerajaan telah memutuskan supaya projek Bangunan Gunasama Persekutuan diserahkan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk dijadikan cawangan UMS. UMS akan memulakan pengambilan pelajar baru bagi sesi 1999/2000 yang akan datang bagi sejumlah 500 orang pelajar bagi tiga sekolah dan 11 program.

Dalam tempoh lima tahun dijangka pengambilan pelajar akan menjangkau melebihi 5,000 orang. Keputusan kerajaan untuk menjadikan pusat pengajian tinggi adalah bertujuan untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi di Labuan dengan meningkatkan populasi dan menambahkan peluang kemasukan pelajar ke pusat pengajian tinggi. Jadi dalam masa yang sama kerajaan telah mengambil tindakan memindahkan dan menempatkan pejabat-pejabat Persekutuan secara terpusat di dana kewangan.

Begitu juga bagi projek perumahan, kakitangan kerajaan yang telah siap dan juga akan diserahkan kepada kerajaan pada akhir tahun ini sebelum ianya diserahkan kepada UMS. Projek tersebut dibina oleh Lembaga Pembangunan Labuan dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan projek perumahan tersebut ini akan dijadikan perumahan pelajar bagi UMS. Keputusan juga telah dibuat untuk menyerahkan kedua-dua bangunan guna sama Persekutuan dan kompleks perumahan kakitangan kepada UMS pada 1 Januari 1999. MoU penyerahan dijangka ditandatangani pada 15 Disember 1998. Projek perumahan tersebut dibina bagi menempatkan sebanyak 432 rumah keluarga yang terdiri daripada dua unit banglo Kelas B, 18 unit rumah berkembar Kelas C dan 28 unit rumah berkembar Kelas D dan 24 unit flat Kelas E, 10 unit flat Kelas F dan 256 unit flat Kelas G.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Labuan juga kerana memberi pandangan yang baik tentang kawalan penyeludupan yang berlaku di pusat pelancongan Labuan ini. Mengikut angka-angka yang saya perolehi itu selepas pengumuman kenaikan cukai bagi rokok dan minuman keras nampaknya penyeludupan dalam kedua-dua barangan ini masih tidak menunjukkan kenaikan yang besar dan ini berubah-ubah mengikut angka-angka yang saya perolehi dan memang kita setuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu ini telah terjadi oleh kerana mudah hendak mencari

keuntungan dan ini akan menyebabkan kegiatan penyeludupan dalam dua barangan ini akan meningkat. Walau bagaimanapun, langkah-langkah telah pun disiapkan dan telah diambil bagi mengatasi masalah penyeludupan minuman keras dan rokok yang dijangka meningkat akibat kenaikan duti import ke atas kedua-dua barangan ini:

- (i) pemeriksaan terpilih secara rapi ke atas dagangan kontena yang diimport masuk ke negara ini khasnya Pulau Labuan yang mana dianggap berisiko tinggi untuk berlakunya penyeludupan serta penyelewengan;
- (ii) membuat profiling dan targeting terhadap pengimport-pengimport yang berisiko tinggi untuk melakukan penyeludupan;
- (iii) meningkatkan rondaan dan operasi kawasan-kawasan yang kerap berlaku penyeludupan seperti yang berlaku di Labuan;
- (iv) mengadakan kempen-kempen bagi meningkatkan kesedaran orang ramai supaya membenci penyeludupan dan seterusnya bekerjasama dengan Jabatan Kastam dengan menyalurkan maklumat-maklumat penyeludupan;
- (v) membuat serbuan dan pemeriksaan ke tempat-tempat yang disyaki; dan
- (vi) menambahkan kegiatan risikan.

**Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Labuan bangun, ya. Yang Berhormat Labuan bangun.

**Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan enam langkah yang telah pun dianjurkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais untuk membanteras aktiviti penyeludupan sama ada di Labuan, Sabah ataupun di tempat-tempat lain.

Satu pandangan lagi pada minggu yang lepas, saya balik ke kawasan dan difahamkan kalau di Kota Kinabalu penyelewengan berleluasa dan begitu ketara sekali, di mana orang ramai dan peniaga sudah tahu tidak perlu lagi membawa barangan import ini ke Labuan ataupun tidak perlu membayar cukai, terus ke Kota Kinabalu pun tidak perlu membayar cukai telah pun dimaklum di kalangan peniaga. Katanya satu kontena electrical goods tanpa cukai hanya memerlukan RM10,000 sahaja dibayar entah kepada siapa, tetapi boleh dimasukkan tanpa membayar cukai. Itu satu maklumat yang saya terima tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang rancangan Jabatan Kastam dan Eksais Negeri Selangor iaitu yang mana telah melancarkan Program Kesedaran Bersepadu di kawasan perkampungan di sepanjang pesisir pantai dari Sepang hinggalah ke Kuala Selangor. Ianya merupakan satu program yang baik bagi memberikan kesedaran kepada penduduk-penduduk supaya program seperti ini juga dipanjangkan ke Labuan, negeri Sabah, Sarawak di mana kerap berlaku atau kemungkinan adanya berlaku penyeludupan ini, di mana rakyat diberi maklum dan program ganjaran dengan memberikan maklumat sehingga tertangkapnya penyeludup ini atau barang-barang yang diseludup ini dapat dirampas dan hasil daripada itu diberikan kepada pemberi maklumat ini.

Jadi ini satu program yang cukup baik saya rasa, di mana saya dapati kalau di tempat saya di Labuan masyarakat kampung di sekeliling pantai ini boleh dibeli dan diberi, khususnya kalangan muda-mudi ataupun belia-belia ini ada yang turut terlibat dan bekerjasama dengan mereka ini. Tetapi kalau misalannya diberikan satu ganjaran yang lumayan misalnya satu pertiga ataupun setengah daripada jumlah tangkapan ini diberikan

kepada mereka yang memberi maklumat, saya percaya masalah penyeludupan ini dapat dikurangkan kerana kementerian mengatakan tidak cukup kakitangan, tidak cukup peralatan, tidak cukup bot-bot dan sebagainya untuk mencegah penyeludupan ini. Apa kata kalau misalnya kementerian menetapkan satu pertiga atau separuh daripada hasil tangkapan itu akan diberikan kepada mereka yang memberi maklumat. Saya percaya ramai orang yang akan tampil ke hadapan untuk memberikan maklumat kerana hasilnya agak lumayan. Mungkin ramai yang sekarang ini menganggur boleh menjadikan ini sebagai profesion mereka untuk memberi maklumat. Apakah pandangan ini boleh diterima, Yang Berhormat?

**Dato' Wong See Wah:** Saya ucapkan terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat dari Labuan. Memang ini menjadi satu strategi kita supaya kita menjalankan kempen di kawasan kampung untuk memberi maklumat kepada pihak kastam untuk memudahkan kita mencegah penyeludupan di kawasan-kawasan tertentu. Sebenarnya kebanyakan serbuan yang dilakukan oleh pihak kastam itu adalah berdasarkan perisikan yang dibuat dan adalah berdasarkan juga kepada maklum balas yang diterima oleh pihak-pihak tertentu dan pandangan Ahli Yang Berhormat itu adalah memang sangat berguna kepada pihak kastam.

Sebenarnya saya telah melawat Jabatan Kastam di Labuan baru-baru ini dan saya telah diberikan maklum balas dan taklimat berkenaan dengan penyeludupan yang berlaku di Pulau Labuan itu dan saya amat cukup puas hati terhadap langkah-langkah yang telah dijalankan oleh pihak kastam tempatan itu dan memang segala persiapan ataupun perisikan dan tempat-tempat penyeludupan itu telah ditentukan dan dikenal pasti dan penyeludup-penyeludup itu memang mempunyai kelebihan daripada pihak kerajaan.

Walau bagaimanapun ada juga yang bukan di dalam kawalan kita, penyeludupan yang telah berlaku katalah di dalam perairan antarabangsa di mana barangan penyeludupan itu dipindah daripada kapal-kapal di dalam perairan antarabangsa dan kemudian diseludup ke dalam kawasan-kawasan tertentu dan ini adalah memang susah hendak dikawal oleh kerana ini berlaku di tempat-tempat yang berlainan dan juga pada masa-masa tidak tertentu.

Walau bagaimanapun, kita masih beroperasi dengan pihak-pihak tertentu baik dengan Kerajaan Indonesia, Singapura dan sebagainya supaya kita dapat sama-sama untuk mencegah penyeludupan yang berlaku di perairan pantai negara kita yang begitu jauh yang begitu panjang sekali.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Batang Lumar apabila sistem taksiran sendiri diperkenalkan, apakah usaha untuk meramaikan ejen cukai supaya peniaga kecil mendapat perkhidmatan konsultan yang lagi murah. Kementerian telah meluluskan permohonan menjadi ajen cukai dari masa ke semasa dan apabila sistem taksiran sendiri diperkenalkan secara berperingkat-peringkat adalah dijangka negara akan mempunyai ejen cukai yang mencukupi. Apakah kawalan kerajaan supaya tidak berlaku penyelewengan apabila sistem taksiran sendiri dilaksanakan. Sebenarnya Lembaga Hasil Dalam Negeri akan menjalankan aktiviti audit dari masa ke semasa ataupun secara sport ataupun secara tertentu. Begitu juga untuk Batang Lumar, bagaimanakah pembayar cukai...

**Tuan Pengerusi:** Ya, Batang Lumar, bangun.

**Dato' Wong See Wah:** Biar saya habiskan, boleh.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Wong See Wah:** Cukai membantu bayaran dalam sistem taksiran sendiri. Adakah ia akan disediakan jadual ataupun formula bayaran. Tuan Pengerusi, pembayar cukai membuat bayaran mengikut anggaran yang dibuat sendiri oleh pembayar cukai dan bayaran perlu dibuat dua bulan sekali seperti sekarang. Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak akan menyediakan formula bayaran dan tentang isu keempat yang ditimbulkan, apakah usaha Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk menyegerakan bayaran balik bagi cukai yang terlebih dibayar dalam sistem taksiran sendiri. Sukacita saya maklumkan iaitu apabila sistem taksiran sendiri diperkenalkan bayaran balik akan dipercepatkan, yang biasa menjadi masalah ialah kadangkala oleh kerana peruntukan yang diberikan untuk pembayaran balik dalam anggaran perbelanjaan tahunan itu adalah biasanya kurang daripada perbelanjaan bayaran balik yang berlaku sebenarnya, jadi ini kadangkala mulai daripada penghujung tahun itu biasanya sering berlaku pembayaran itu perlu ditangguhkan sampai masa di mana jabatan ini memperolehi bayaran ataupun wang yang cukup untuk membuat bayaran ini.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Soalan profesion konsultan cukai tadi, oleh kerana penilaian sendiri ini maknanya banyak masyarakat peniaga yang perlukan khidmat nasihat daripada mereka ini, jadi tertubuhlah satu profesion yang baru mungkin di seluruh negara. Jadi, kalau satu profesion di seluruh negara itu akan wujud, dengan sendiri satu kawalan mesti dibuat bagaimana profesion-profesion lain, jadi sebelum kita menghadapi satu masalah, sepatutnya pihak kementerian mesti memikirkan dulu umpamanya etika kerja.

Kedua remuneration atau pembayaran kepada konsultan ini, kerana ini amat perlu, kita takut orang yang kerja kecil-kecilan sold proprietor dan sebagainya, dia mendapat pendapatan yang kecil, tetapi bila pendapatan sudah kecil dalam keadaan ekonomi sekarang dan kita adakan lagi consultant tax ini, hantar bil besar-besaran jika tidak ada kawalan memang tegugat. Ini soalan saya. Terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Sebenarnya, semua ini adalah memang sedang dilaksanakan dan ejen cukai ini memang telah dikawal oleh kementerian. Mereka kena lulus peperiksaan tertentu yang dijalankan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan begitu juga untuk profesion badan-badan profesional perakaunan juga mempunyai etika-etika tertentu yang dikawal oleh Malayan Accountant Association (MAA), Instituti Akauntan Malaya dan mereka mempunyai piawaian-piawaian tertentu untuk mengawal etika profesion ini.

Tuan Pengerusi, mengenai senarai Cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang menyewa ruang pejabat swasta di seluruh negara adalah seperti ....

**Tuan Pengerusi:** Ya, dia bangun lagi itu.

**Dato' Wong See Wah:** Yang Berhormat, saya habiskan ini boleh tak?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Dua, tiga perkara soalan saya masih banyak Dato', soalan saya tadi International Trading Company (ITC) yang mempunyai siling RM25 milion, jadi kenapa pula RM25 milion, kenapa pula SMI-SMI lain yang mungkin perlu juga leeway ataupun exemption 70% ini. Dan soalan yang kedua tadi, kenapa pula ini refinancing untuk exemption stamp duty dibahagi kepada refinancing - kenapa pula audit macam mana pula housing loan dan sebagainya, benda-benda yang kecil-kecil itu kenapa pula tidak dibagi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri petang nanti jawab.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

*Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan Jawatankuasa*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

**2.30 ptg.**

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Pengerusi, Labuan juga telah membangkitkan keputusan kerajaan untuk menggabungkan ketiga-tiga agensi kerajaan, iaitu Lembaga Pembangunan Labuan, Majlis Perbendaharaan Labuan dan Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan. Ditimbulkan juga bilakah agensi ini akan ditubuhkan dan bilakah rang undang-undang berkaitan akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Kementerian Kewangan sedang dalam tindakan untuk menyiapkan rang undang-undang untuk dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Entiti baru yang ditubuhkan ini akan diberi nama Perbadanan Kemajuan Labuan (PKL). Kementerian Kewangan bercadang untuk membentangkan rang undang-undang ini pada sesi Parlimen yang akan datang. Adalah dijangkakan PKL akan beroperasi mulai Jun 1999. Tujuan penubuhan PKL ataupun penggabungan ketiga-tiga agensi ialah untuk mengoptimumkan tenaga kerja, mengelakkan pertindihan kerja dan untuk memudahkan dan menyelaraskan pembangunan seluruh Labuan.

Yang Berhormat dari Labuan juga telah menimbulkan masalah sama ada ada pegawai kerajaan, kastam turut menjadi shareholder para penyeludup. Setakat ini Jabatan Kastam tidak mempunyai sebarang maklumat mengenai adanya pegawai-pegawai kerajaan ataupun Jabatan Kastam yang menjadi shareholder dengan perniagaan haram yang dijalankan oleh para penyeludup.

**Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Labuan bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mungkin apa yang saya maksudkan disalahanggapkan oleh pegawai yang mencatat perbincangan saya pada pagi tadi. Saya bukan bermaksud penyeludup haram ini menubuhkan sebuah syarikat di mana pegawai kastam ataupun pegawai-pegawai kerajaan lain menjadi pemegang saham. Saya cuma mengatakan tadi berkemungkinan ada pegawai kastam yang terlibat sama, sama ada bersubahat dalam aktiviti-aktiviti penyeludup yang berleluasa atau yang dibuat oleh para penyeludup. Saya sebutkan ini tadi kenapa tidak ada tangkapan dibuat di Labuan pada mereka yang secara terang-terang terlibat dalam aktiviti ini. Kalau ada pegawai kastam yang mahu minta nama, saya boleh beri nama sekarang juga siapa yang terlibat ini. Jadi, saya hairan kenapa aktiviti penyeludupan seperti ini tidak dapat dikesan oleh pegawai-pegawai. Dari sanalah saya mengatakan mungkin ada pegawai-pegawai kastam, pegawai polis, pegawai marin polis yang mungkin menjadi pemegang saham dalam aktiviti penyeludup, itu maksud saya. Tetapi bukan saya maksud ianya secara official. Terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Terima kasihlah. Kalau terdapat nama-nama yang terlibat dalam kegiatan seperti ini haraplah dapat kemukakan kepada Jabatan Kastam supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

Tentang status perundangan kastam di Labuan, Jabatan Kastam di Labuan.....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tuan pula bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Selain dari dominan, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tentang tindakan akan diambil oleh kastam tentang penyeludupan. Jelas sekali di mana di Sabah dan juga di Labuan tindakan hanya diambil mungkin – ini pun andaian mungkin seperti yang dikatakan oleh Labuan sendiri, iaitu diambil tindakan di perairan. Maksud saya sewaktu masuk. Tetapi yang sudah masuk, misal kata cigarette dan juga arak boleh dijual di sana-sini, tetapi tidak ada tindakan juga diambil. Walaupun misal kata penjual-penjual cigarette, budak-budak pendatang asing boleh datang menjual di kaki lima. Ini berlaku hari-hari tetapi tidak ada tindakan diambil. Jadi, bolehkah ini diambil kira di dalam perancangan penguatkuasaan undang-undang nanti?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Pengerusi, tindakan kastam terhadap penyeludup ini biasanya tertumpu perhatiannya kepada sindiket yang menjalankan kegiatan penyeludupan. Jadi, perkara-perkara seperti yang disebutkan itu perlu diberi perhatian juga, tetapi tidak akan menyelesaikan masalah puncanya. Jadi, memang pandangan Yang Berhormat itu diambil perhatian oleh Jabatan Kastam.

Mengenai status perundangan kastam di Labuan, Jabatan Kastam di Labuan adalah sebuah cawangan kastam yang ditempatkan di Labuan. Ia ditubuhkan di bawah Akta Kastam melalui Parlimen Persekutuan, dan cawangan ini berfungsi sebagaimana cawangan-cawangan kastam di negeri-negeri lain seperti untuk kutipan duti kastam, duti eksais dan sebagainya yang mana hasil kutipan itu dimasukkan ke dalam akaun Kumpulan Wang Yang Disatukan. Gaji dan elaun pegawai dan kakitangan yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan dan cawangan kastam di Labuan adalah di bawah kawal selia Kementerian Kewangan Kuala Lumpur. Peraturan-peraturan Kastam 27 menyebut tentang Custom Duty, dengan izin, "On import and export, as the case may be, shall be paid in Labuan on goods liable to such duty in the principle custom area."

Pungutan hasil adalah lebih baik kerana bila duti dipungut pada waktu barang dilepaskan di Labuan yang tidak memberi peluang untuk barangan diseludup ke kawasan utama kastam. Juga bagi penerbangan di sesetengah destinasi di kawasan utama kastam, iaitu merupakan lapangan terbang yang tidak mempunyai Pejabat Kastam. Ini telah menjadi tidak praktikal untuk mengenakan duti apabila tiba destinasi dari Labuan.

Memang Kastam pada masa ini mempunyai sistem reward. Ia memberi reward dalam bentuk wang kepada mereka yang berkerjasama dengan jabatan kerana memberi maklumat sehingga berjaya menumpaskan sesuatu kegiatan penyeludupan. Ada pemberi maklumat yang pernah menerima reward sehingga hampir RM1 juta bagi sesuatu kes sahaja. Reward oleh Jabatan Kastam boleh dianggap sebagai sangat lumayan.

Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Labuan bangun ini.

**Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Sebelum Yang Berhormat menjawab the next one, saya ingin bertanya kepada kementerian, sama ada kementerian mempunyai cadangan atau tidak bagi memperluaskan kempen kesedaran atau program kesedaran ini ke merata tempat yang mana dianggap kawasan prone kepada penyeludupan ini, khususnya bukan sahaja di peringkat at source di mana berlakunya penyeludupan ini tetapi target tempat-tempat yang menjadi sasaran, misalnya, di perairan

Kota Kinabalu, Papar, Sipitang dan juga tidak kurang di Sarawak, misalnya Sindumin, Lawas dan juga Miri. Inilah merupakan kawasan destinasi penyeludupan yang menggunakan bot-bot laju ini diadakan. Jadi kalau misalnya, ada kesedaran seperti apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi kerana ada pemberi laporan atau pemberi maklumat ini menerima ganjaran atau reward sehingga hampir RM1 juta. Saya rasa kalau ini disebar dan kalau program penerangan seperti ini dilakukan oleh pihak Jabatan Kastam dan Eksais, saya rasa ianya akan dapat mempertingkatkan dan ianya sudah pasti usaha untuk membanteras penyeludupan ini akan lebih berkesan pada masa akan datang. Terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat dari Labuan. Jabatan Kastam sentiasa mempertingkatkan kesedaran orang ramai supaya membenci penyeludupan dan bekerjasama dengan jabatan dalam menyalurkan maklumat penyeludupan yang diketahui. Walau bagaimanapun sasaran-sasaran tempat untuk pelaksanaan kempen ini terpaksa dibatalkan oleh kerana faktor-faktor yang penting sekali ialah peruntukan kewangan, maka permintaan Yang Berhormat supaya diadakan kempen mencegah penyeludupan di Labuan itu, kementerian ini atau pihak kastam akan mengkaji.

Tuan Pengerusi, mengenai masalah kelewatan pengeluaran wang KWSP yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang, kelewatan pengeluaran wang KSWP adalah tidak berbangkit sama sekali kerana pembayaran akan terus dibuat kepada penama-penama yang dicatatkan oleh pencarum. Jika tidak ada penama, KWSP akan merujuk kepada Amanah Raya atau Pejabat Pusaka Kecil bagi orang-orang Islam untuk mendapatkan warisnya. Kelewatan pengeluaran akan berlaku apabila pencarum tidak membuat penamaan dengan sempurna sebagaimana yang dihebahkan oleh KWSP pada setiap tahun pengeluaran penyata KWSP.

Suka saya mencadangkan supaya pencarum menamakan penama masing-masing dengan sempurna bagi mengelakkan kelewatan pengeluaran akan datang oleh ahli warisnya. Walau bagaimanapun kerajaan akan mengkaji kemungkinan mewujudkan mekanisma yang lebih mudah untuk mengatasi masalah untuk menambah, mengemaskinikan penama masing-masing.

Begitu juga cadangan untuk memberi bayaran simpanan ahli secara 'faraid' Islam. KSWP sedang mengkaji perkara ini. Setakat ini Akta KWSP membenarkan penama menerima tuntutan, jika tidak ada penama, simpanan tersebut hendaklah dirujuk kepada pentadbir pusaka.

Mengenai apakah rasional kerajaan memajakkan kereta dari syarikat swasta iaitu Spanco Sdn. Bhd. untuk digunakan oleh anggota-anggota pentadbir, pegawai-pegawai tinggi kerajaan, hakim-hakim, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan. Pemajakan kereta-kereta saloon oleh kerajaan untuk digunakan oleh anggota-anggota pentadbir, pegawai-pegawai JUSA, hakim-hakim dan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan adalah merupakan satu daripada program penswastan kerajaan yang diuruskan oleh Kementerian Kewangan. Rasional program penswastan ini adalah;

- (i) pengurusan flit kerajaan dibuat dengan lebih sistematik di mana pengkalan data kereta saloon kerajaan dapat diwujudkan dan dikawal oleh satu syarikat;

- (ii) penggantian flit kenderaan dibuat dengan lebih sistematik dan dapat memastikan usia kereta dalam flit tidak terlalu tua iaitu melebihi lima tahun; dan
- (iii) untuk menukarkan sejumlah 4,000 buah kereta sekali gus, kerajaan memerlukan modal awal yang besar. Dengan program penswastaaan ini, kerajaan hanya perlu bayar pajakan bulanan untuk menggunakan kereta-kereta itu.

Tuan Yang di-Pertua, juga ditimbulkan apakah rasional kereta Mercedes Benz untuk hakim-hakim di Ipoh digantikan dengan Proton Perdana walaupun kereta Mercedes itu masih baru. Kereta-kereta Mercedes Benz yang dimaksudkan telah tamat tempoh pajakan iaitu lebih daripada empat tahun usianya. Bagi kereta yang diganti, kerajaan telah memutuskan supaya semua anggota pentadbir, pegawai JUSA dan hakim-hakim menggunakan Proton Perdana sebagai langkah menjimatkan kos dan juga sebagai satu teladan menggunakan produk-produk tempatan dan barangan-barangan buatan Malaysia.

Mengenai mengapakan projek penswastaaan ini diberikan kepada Spanco Sdn. Bhd. dan siapakah ahli lembaga pengarahnya? Pemberian projek penswastaaan ini diberi kepada Spanco dibuat berdasarkan submission siapa dahulu kepada kerajaan dan diteliti oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Ahli-ahli Lembaga Pengarah Spanco Sdn. Bhd ialah lapan orang, Datuk Osman bin Mohd. Daim – Pengerusi, Tan Hua Choon – Pengarah Urusan, Tan Hua Chuan, Hamzah Mohamad Salleh, Tian Tong Hai, Shahrizwan Abdullah, Abdul Rashid Harun dan Haji Hussin bin Selamat.

Adakah apa-apa analisa dibuat mengenai program penswastaaan ini. Kerajaan telah melantik sebuah syarikat perunding pengurusan bebas Tetuan Coopers & Lybrand untuk membuat kajian ke atas program penswastaaan ini. Tujuan utama kajian dijalankan ialah untuk membantu kerajaan membuat kajian semula perjanjian-perjanjian konsesi yang sedia ada dan telah sampai tempoh lima tahun. Rundingan semula antara Spanco dan kerajaan telah dijalankan oleh EPU dan sedang menunggu kelulusan Jemaah Menteri tentang terma-terma yang telah dirundingkan.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Balik Pulau bangun.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Penjelasan, Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa kerajaan telah melantik Tetuan Coopers & Lybrand untuk membuat kajian ke atas projek penswastaaan ini, maknanya kajian dibuat selepas keputusan penswastaaan dibuat untuk menimbang semula projek ini. Adakah ini satu amalan yang biasa kerana bukannya sepatutnya kajian dibuat sebelum keputusan penswastaaan ini dibuat. Adalah amat janggal pada saya untuk membuat satu penilaian atas satu keputusan untuk mendapat maklum balas sama ada kita harus melanjutkan lagi tempoh penswastaaan itu, adakah ini amalan biasa, kerana sepatutnya kita membuat kajian terperinci sebelum kita membuat keputusan untuk menswastakan, dan kita mengetahui dengan secara terperinci apa yang akan berlaku selepas setahun, dua tahun, tiga tahun, dan empat tahun dan lima tahun selepas kita membuat keputusan penswastaaan. Dan kita mempunyai asas-asas yang kukuh untuk membuat keputusan yang kita buat. Jadi saya mohon penjelasan sedikit kerana kalau saya tidak salah dengar Yang Berhormat mengatakan bahawa keputusan memilih Tetuan Coopers & Lybrand itu selepas membuat keputusan untuk penswastaaan. Terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Pengerusi, perlantikan perunding pengurusan bebas ini adalah dibuat selepas teguran diterima daripada pihak-pihak yang berkenaan mengenai perkhidmatan yang telah diberi dan kutipan harga yang di charge itu mungkin tinggi dan dengan adanya masalah-masalah yang di luar jangkaan daripada kajian ataupun keputusan yang telah dibuat pada masa dahulu, jadi itulah mengapa Jemaah Menteri membuat keputusan supaya disemak semula semua terma-terma yang dipersetujui pada masa dahulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelebu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya dimaklumkan bahawa kontrak yang diperolehi oleh pihak Spanco ini berjalan dengan begitu baik, dan nampaknya jabatan-jabatan kerajaan agak berpuas hati dengan performance yang ditunjukkan oleh Spanco, tetapi saya ingin bertanya setakat hari ini semenjak Spanco mengambil alih pengendalian kenderaan-kenderaan ini daripada jabatan-jabatan terdapat ataupun tidak kes-kes yang melibatkan aduan-aduan yang tidak wajar kepada sesuatu pembayaran yang dibuat di atas pembaikan kenderaan oleh pihak jabatan. Kalau ada apakah tindakan yang telah diambil dan apakah Spanco sekarang ini mengalami kerugian ataupun keuntungan sebenarnya. Terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di Pertua, memang pihak kerajaan telah menerima aduan tentang charge yang dikenakan itu adalah tinggi dan juga perkhidmatan yang diberikan itu adalah tidak begitu memuaskan, tetapi secara keseluruhannya kajian tidak dijalankan untuk menjalankan survey seperti ini, tetapi memang kita terima aduan daripada pihak menteri-menteri, dan timbalan-timbalan menteri, pihak jabatan dan kementerian dan oleh kerana itulah kerajaan telah memutuskan supaya kita melantik satu perunding untuk mengkaji semula terma-terma yang telah diputuskan pada masa dahulu dan tujuan ini ialah hanya untuk mengemas kini terma-terma yang dicadangkan dan juga berdasarkan kepada terma-terma dahulu supaya dapat diterima oleh kedua-dua pihak. Saya tidak mengetahui apakah terdapat keuntungan-keuntungan oleh pihak swasta ataupun tidak tetapi saya percaya memanglah ada, secara terperinci saya tidak dapat memberi maklumat. Tuan Yang di Pertua, mengenai.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tuan bangun pula Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, penjelasan. Adakah pihak kementerian atau Kerajaan Persekutuan sedar bahawa banyak kerajaan negeri telah mengambil tindakan yang sama seperti yang diambil oleh Kementerian Kewangan ataupun Kerajaan Persekutuan untuk menswastakan kereta-kereta awam untuk kegunaan pegawai-pegawai. Adakah kajian ataupun terms of references, dengan izin yang diberi kepada jawatankuasa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi itu meliputi penyiasatan penswastakan yang sama oleh kerajaan negeri sebagai langkah kerajaan untuk mengawal ataupun memastikan pembaziran kewangan rakyat di masa-masa ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi ini tidak berlaku bukan sahaja di peringkat Kerajaan Pusat tetapi juga di peringkat kerajaan negeri. Terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Pengerusi, perkara ini adalah di dalam bidang kuasa pihak kerajaan negeri dan terserah kepada pihak kerajaan negeri untuk membuat keputusan masing-masing untuk mengendalikan kereta kerajaan. Memang Kementerian Kewangan bersedia untuk menjadi sebagai satu pusat rujukan tentang hal ini dan mana-mana satu negeri yang ingin mengetahui dan mendapat lebih maklum balas ataupun maklumat yang lebih lanjut berkaitan dengan pengendalian kereta pajakan ini memang kita rela dan boleh memberikan perkhidmatan secara percuma.

Tanjong Karang telah mencadangkan supaya dibenarkan pengeluaran wang KWSP untuk tujuan pendidikan dan juga diadakan skim simpanan pelajar di KWSP untuk membiayai pelajaran di masa depan.

Tuan Pengerusi, peranan untuk menyediakan pinjaman pelajaran untuk IPTA dan IPTS telah dilaksanakan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional mulai 1 November 1997. Skim simpanan pelajar juga sedang disediakan dan akan dilancarkan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pada tahun 1999. Oleh kerana peranan tersebut telah dilaksanakan oleh PTPTN, maka KWSP tidak perlu melaksanakan peranan seperti ini, dan juga KWSP tidak bercadang untuk membenarkan pengeluaran simpanan KWSP kerana ianya tidak selaras dengan Akta KWSP. Simpanan KWSP adalah untuk tujuan persaraan ahli. Sebarang skim pengeluaran baru yang bukan untuk tujuan persaraan akan menjejaskan serta mengurangkan jumlah simpanan ahli bagi persaraan kelak.

Tuan Pengerusi, kelewatan bayaran bagi kontrak yang telah disiapkan, suka saya jelaskan peraturan kewangan kerajaan menetapkan bayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari atau tarikh lain yang dipersetujui oleh kontraktor dan kerajaan. Bayaran hanya akan dibuat apabila kontraktor membuat tuntutan dengan sempurna setelah semua obligasinya dipatuhi. Bayaran tersebut akan disempurnakan oleh agensi jabatan masing-masing dengan kata lain kontrak disiapkan tidak bermaksud bayaran perlu disempurnakan.

Tuan Pengerusi, tentang projek wafer di Sumerjaya Kuching, Sarawak, sukacita saya memaklumkan iaitu Kementerian Kewangan telah mengambil maklum tentang keperluan kewangan projek iaitu US\$450 juta dalam ekuiti dan US\$500 juta melalui perolehan pinjaman. Sebagai sebuah projek berteknologi tinggi, Kementerian Kewangan menyokong pelaksanaan projek wafer tersebut bagi mengukuhkan lagi asas industri semikonduktor di Malaysia.

Kerajaan telah pun mengambil inisiatif untuk membimbing industri teknologi tinggi untuk merealisasikan potensi industri tersebut terhadap pembangunan negara. Bagi tujuan ini Khazanah Nasional telah ditubuhkan sebagai agensi pelaburan Kerajaan Persekutuan terutamanya di dalam industri berteknologi tinggi seperti projek wafer ini dan KNS telah pun menyertai dalam projek wafer lain.

Begitu juga cadangan dan pandangan mengenai penggabungan syarikat-syarikat insurans. Bagi menggalakkan penggabungan di antara penanggung-penanggung insurans, Bank Negara Malaysia dengan kerjasama industri insurans sedang merangka garis panduan bagi melicinkan proses penggabungan. Garis panduan tersebut akan merangkumi perkara-perkara seperti penilaian, penanggung insurans dan insentif-insentif yang boleh diberikan bagi menggalakkan penggabungan.

Senarai syarikat-syarikat insurans yang sendiri melaksanakan proses pembangunan penggabungan adalah seperti berikut:

- (i) Royal Insurance (M)Sdn. Berhad dan Sun Alliance Insurance (M) Sdn.;
- (ii) Mayban Assurance Berhad dan UMBC Insurans Berhad;
- (iii) Jemak Insurans Berhad dan Paramount Assurance Sdn. Berhad; dan
- (iv) Commercial Union Assurance (M) Sdn. Berhad dan GA Insurance Berhad.

Mengenai perberhentian pekerja akibat penggabungan institusi kewangan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Mengenai soalan penggabungan insurans saya ingin tanya sedikit, oleh kerana insentif stamp duty dan sebagainya berhubung dengan penggabungan perbankan dibahagikan kepada pihak kerajaan tetapi insentif itu tidak termasuk penggabungan syarikat insurans, kenapa ada diskriminasi bahkan kita perlukan memperbesarkan industri kita untuk insurans ini boleh bersaing dengan syarikat-syarikat insurans luar negara supaya pengaliran wang tidak kepada syarikat antarabangsa yang besar masuk ke negara kita ini. Jadi bagaimana pandangan adakah di masa akan datang insentif ini akan diberi kepada penggabungan insurans kompeni?. Terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Pengerusi, cadangan untuk memberikan insentif ini kadangkala daripada dialog di antara Kementerian Kewangan dengan persatuan-persatuan industri, jadi cadangan ini belum kita terima dari pihak insuran, jadi saya percaya perkara ini akan ditimbulkan pada masa akan datang dan memang akan mendapat perhatian daripada pihak Kementerian Kewangan.

Mengenai pemberhentian pekerja akibat penggabungan institusi kewangan bagi membolehkan institusi kewangan yang bergabung memaksimumkan manfaat ekonomi dan mempertingkatkan lagi efficiency adalah perlu supaya aktiviti-aktiviti institusi kewangan berkenaan direalisasikan. Proses ini mungkin akan mengakibatkan pemberhentian kerja sebahagian kakitangan institut yang bergabung, walau bagaimanapun adalah dijangka semua kakitangan dapat ditempatkan semula di tempat-tempat yang sesuai.

Kakitangan yang berpengalaman serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik tidak sepatutnya khuatir kerana mereka akan terus diambil bekerja dan sebarang program rasionalisasi perlu dilaksanakan menurut peruntukan undang-undang kerajaan, kerajaan tidak mempunyai maklumat mengenai bilangan pekerja yang telah diberhentikan perkhidmatan memandangkan program penggabungan institusi kewangan masih dalam peringkat pelaksanaan.

Tuan Pengerusi, mengenai kelewatan proses kelulusan pinjaman perumahan kerajaan. Berkaitan dengan masalah kelambatan proses kelulusan pinjaman dan pembayaran yang telah berlaku, Kementerian Kewangan akan mengkaji kemungkinan yang timbul dan akan mengatasi masalah ini dengan sebaiknya. Memang benar kelambatan berlaku bagi permohonan yang dibuat dengan tidak sempurna, masalah seumpama ini sering berlaku. Kementerian Kewangan dalam tindakan untuk meningkatkan automasi melalui program komputer dan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar akan diambil perhatian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun pula.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana pihak kementerian boleh menyelamatkan syarikat-syarikat yang terlibat dan pengeluaran pinjaman kepada pegawai-pegawai kerajaan yang mereka merasai tertekan dan pemaju perumahan juga terasa tertekan bahkan ada bankrap. Dari pengetahuan saya, semasa lima, lapan tahun yang lepas banyak syarikat terkilang dalam soalan ini. Jadi Persatuan Pemaju Sarawak pernah menjemput pegawai bahkan Ketua Setiausaha sendiri datang ke Sarawak untuk berdialog dengan pemaju-pemaju ini berlandaskan feedback yang diberi oleh pemaju yang menyatakan, walaupun dokumentasi-dokumentasi cukup baik dan sempurna tetapi masih juga lambat dan memakan masa enam, tujuh bulan itu pun sudah cepat kalau enam, tujuh bulan tetapi masalahnya dalam sale and

purchase agreement yang ditandatangani oleh pembeli dengan pemaju kadang-kadang dia sebut empat bulan mesti bayar, kalau tidak dibayar boleh dipotong agreement dan wang pendahuluan boleh hilang itu yang kedua kalau kena faedah lagi jadi macam mana. Jadi saya meminta pada kementerian supaya pegawai yang berkhidmat di Bahagian Pinjaman Perumahan ini bekerja keras sedikit beri tumpuan supaya masyarakat pemaju dan masyarakat pegawai-pegawai kerajaan yang meminjam itu tidak tertekan dan tidak teraniaya.

**Dato' Wong See Wah:** Terima kasih. Memang Kementerian Kewangan telah mengambil ikhtiar supaya dapat kita mempertingkatkan perkhidmatan daripada Bahagian Perumahan seperti usaha kita, cuba hendak swastakan ini kepada pihak bank tertentu dan mungkin oleh kerana kegawatan ekonomi dan masalah-masalah yang tertentu, cadangan seperti ini tidak dapat diwujudkan. Walau bagaimanapun, usaha lain supaya dapat dipertingkatkan perkhidmatan Bahagian Perumahan itu masih diteruskan lagi.

Mengenai kes Sarawak itu kalau dapat, Yang Berhormat kemukakan kepada saya maklumat yang terperinci supaya dapat saya ambil tindakan dengan seberapa segera yang boleh khasnya oleh pemohon-pemohon yang mungkin menghadapi wang atau depositnya akan dirampas dan sebagainya.

Syarat kelayakan bagi Syarikat ITC yang mempunyai nilai jualan tahunan lalu RM25 juta menyebabkan hanya sedikit sahaja syarikat SMI yang layak insentif tersebut. Sukacita saya maklumkan insentif tersebut memang ditujukan untuk syarikat-syarikat milik Malaysia yang bertaraf antarabangsa. Syarikat-syarikat ini akan memasarkan produk-produk tempatan terutamanya di peringkat IKS di pasaran antarabangsa maka ini merupakan satu insentif, hanya bila sesuatu syarikat itu telah mempunyai prestasinya yang baik iaitu sampai peringkat RM25 juta itu barulah boleh diambil kira untuk menerima tawaran insentif ini.

Yang Berhormat dari Batang Lupar pula, juga menyatakan mengapakah pengecualian duti setem atas loan refinancing instrument diberikan hanya kepada peminjam pinjaman term loan dan tidak kepada kemudahan pinjaman yang lain. Pengecualian ini bertujuan mengurangkan perbelanjaan bagi syarikat dan perniagaan yang ingin mendapatkan pinjaman baru atas kadar faedah yang lebih rendah bagi tujuan khususnya seperti pembelian loji dan mesin dan bukan untuk tujuan working capital. Kerajaan tidak bercadang memanjangkan pengecualian ini untuk pinjaman bagi over draft dan working capital.

Taksiran tahun semasa telah dilaksanakan di Sabah dan Sarawak apabila taksiran tahun semasa dilaksanakan, berapakah kerugian kepada hasil negara. Taksiran di Sabah dan Sarawak adalah atas tahun sebelum, sama seperti Semenanjung tetapi pekerja itu, dengan izin, employees di Sabah dan Sarawak telah membayar cukai melalui potongan bulanan untuk tahun taksiran berikutnya. Hanya pekerja di Sabah dan Sarawak akan berhenti potongan bulanan dalam tahun 1999. Pembayaran cukai termasuk korporat akan terus membayar cukai di Semenanjung. Tidak ada kerugian hasil, hanya asas percukaian sahaja yang bertukar.

Berapakah jumlah sewa yang dibayar oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi pejabat-pejabat yang disewa di seluruh negeri. Jumlah sewa yang dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>		<u>Jumlah (RM)</u>
1997	-	38.5 juta
1998 (sehingga 31 Oktober)1998	-	35.4 juta

Bilangan cawangan yang disewa ialah 26. Kenapakah sewa pejabat cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri di Taiping lebih tinggi dari harga pasaran dan apakah kemungkinan berlaku penyelewengan dalam menetapkan kadar sewa. Sewa pejabat cawangan Taiping adalah termasuk perabot. Jadi ini mungkin di luar jangkauan Yang Berhormat dari Teluk Intan seperti juga agensi-agensi yang lain, kadar sewa ruang pejabat LHDN adalah ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Yang Berhormat dari Bagan juga telah meminta Lembaga Hasil Dalam Negeri mengeluarkan statement of account setiap tahun. Sebenarnya Lembaga Hasil Dalam Negeri sedang mempertingkatkan sistem komputernya daripada masa ini. Penyata akaun akan dikeluarkan apabila sistem komputer telah diperkembangkan sepenuhnya.

Soalan yang lain seperti dengan sewaan pejabat kerajaan yang lain, jumlah kosnya, berapa bilangannya, Kementerian Kewangan tidak mempunyai angka yang terperinci oleh kerana ini adalah di bawah urusan Bahagian Pengurusan Hartanah di Jabatan Perdana Menteri. Saya harap dapat dikemukakan kepada jabatan yang berkenaan.

Mengenai isu-isu yang lain telah ditimbulkan, saya percaya pegawai saya telah mencatatkan.....

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bagan bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, dalam ucapan saya, saya ada menyentuh berkenaan dengan kerugian Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan perlu satu suntikan RM1.1 bilion manakala bekas Gabenor Bank Negara berkata "hanya perlu RM750 million untuk disuntik, satu jumlah berbeza RM350 juta. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu latar belakang berkenaan dengan hal ini dan sama ada ada pegawai Bank Bumiputra ini bertanggungjawab untuk kerugian yang besar.

**Dato' Wong See Wah:** Kalau Yang Berhormat dari Bagan itu ada mengikuti jawapan saya dalam soal jawab lisan, sebenarnya soalan ini telah dijawab. Masalah ini timbul oleh kerana angka yang diumumkan oleh gabenor itu adalah sebagai satu angka anggaran dan selepas pelaksanaan polisi iaitu memendekkan jangka masa NPL daripada enam bulan kepada tiga bulan itu telah bertambah juga dengan lebih ramai debtor tidak dapat menunaikan janji mereka untuk membayar balik. Jadi, bertambah dengan masalah yang lain pada akhir accounting period telah dapat dikemaskinikan amount yang sebenarnya.

Soal sama ada sesiapa yang bertanggungjawab atas perkara ini yang boleh kita katakan ialah ini adalah disebabkan oleh kegawatan ekonomi dan ini merupakan satu masalah industri, bukanlah masalah Bank Bumiputra sahaja pada masa ini dan segala kelulusan pinjaman yang telah dilakukan itu adalah mengikut garis panduan jadual-jadual yang telah ditetapkan, yang diperhatikan semuanya mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan buat masa kini tidak dapat kita tentukan siapakah yang boleh dipersalahkan. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM412,518,200 untuk Maksud B.28; RM746,053,720 untuk Maksud B.29; RM3,038,709,450 untuk Maksud B.30; RM263,462,400 untuk Maksud B.31; RM10 untuk Maksud B.32 dan RM36,303,320 untuk Maksud B.33 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui

Wang sebanyak RM412,518,200 untuk Maksud B.28; RM746,053,720 untuk Maksud B.29; RM3,038,709,450 untuk Maksud B.30; RM263,462,400 untuk Maksud B.31; RM10 untuk Maksud B.32 dan RM36,303,320 untuk Maksud B.33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM201,898,550 untuk Maksud P.28; RM140,445,800 untuk Maksud P.31 dan RM500,000,000 untuk Maksud P.53 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM201,898,550 untuk Maksud P.28; RM140,445,800 untuk Maksud P.31 dan RM500,000,000 untuk Maksud P.53 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1999.

**Maksud B.34 [Jadual] -**

**Maksud P.34 [Anggaran Pembangunan, 1999] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Bekalan B.34 dan Kepala Pembangunan P.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

**3.20 ptg.**

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B.34 - 020200 Pembangunan Kesihatan Keluarga dan sekali gus dengan P.34 - 00201 Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, perkara yang akan saya bangkitkan adalah local iaitu mengenai pembangunan kesihatan dan pembekalan infrastruktur kesihatan di dalam Parlimen Parit Sulong khususnya di kawasan Dewan Undangan Negeri Sri Medan. Tiga tahun yang lalu masyarakat setempat di Sri Medan iaitu di kawasan perkampungan Gugusan Perkampungan Sejangung dan Parit Jayus telah pun memohon satu Pusat Kesihatan Kecil diadakan di kawasan berkenaan. Perkara ini telah pun saya bawa menerusi diri saya sendiri dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sri Medan ke dalam mesyuarat pembangunan daerah Batu Pahat dan kami belum mendapat sebarang kepastian daripada mana-mana pihak sekalipun mengenai cadangan menubuhkan Pusat Kesihatan Kecil di Perkampungan Sejangung dan Parit Jayus yang mempunyai penduduk yang memenuhi syarat untuk mewujudkan sebuah Pusat Kesihatan Kecil di kawasan berkenaan.

Tuan Pengerusi, perkara ini amat mendesak oleh kerana Gugusan Sejangung dan Parit Jayus adalah satu gugusan perkampungan pedalaman di dalam Daerah Sri Medan dalam kawasan Parlimen Parit Sulong dan Sejangung sendiri adalah sebuah kampung yang melihat perkembangan yang amat pesat apabila kampung itu dibahagikan dengan adanya Lebuhraya Utara-Selatan yang menuju ke Yong Peng dan Johor Bahru. Jadi saya harap perkara ini mendapat perhatian yang amat berat oleh pihak kerajaan supaya Pusat Kesihatan Kecil Gugusan Kampung Sejangung dan Parit Jayus dipercepatkan pelaksanaannya dan mudah-mudahan kita dapat melaksanakan projek ini dengan seberapa segera. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bukit Mas.

**3.22 ptg.**

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan untuk membahas dan merujuk kepada B.34 - 00201 iaitu Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar dan di sini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan lagi iaitu mengenai cara kementerian menjalankan tugas khusus untuk kawasan luar bandar di Sarawak. Saya ingin bertanya bagaimanakah pencapaian setakat ini khususnya untuk kementerian menjalankan tugas memberi perkhidmatan untuk kawasan luar bandar dengan memakai pesawat helikopter. Tujuan saya bertanya oleh kerana kebanyakan kawasan saya di luar bandar hanya dihubungi melalui pesawat helikopter dan saya ingin bertanya setakat ini sejak 30 tahun kita mulakan perkhidmatan ini, bagaimana prestasinya, memandangkan perbelanjaannya begitu banyak dan adakah peningkatan dari segi meningkatkan taraf sosio-ekonomi kawasan-kawasan di luar bandar.

Sehubungan dengan ini saya ingin bertanya, ini yang kedua kali di dalam Dewan ini dan mungkin tahun hadapan saya akan bertanya sekiranya pilihan raya belum ada. Klinik desa di Long Napir, Long Napir ini terkenal di seluruh dunia oleh kerana Bruno Manser, sebelum saya menjadi Ahli Parlimen telah berkhidmat di kawasan ini dan telah mempengaruhi beberapa orang-orang hulu di kawasan itu termasuk orang Penan di kawasan Long Napir dan oleh kerana pada satu masa dahulu di dalam pilihan raya semua kaum Penan dan kaum Kelabit di kawasan ini hanya memberi 18% jumlah undi kepada kerajaan dan kerajaan menutup klinik desa dan selepas saya mengambil alih mereka memberi sokongan 90%. Adakah kerajaan menghidupkan semula klinik desa ini di Long Napir menandakan keprihatinan kita khusus membantu kaum Penan di kawasan saya di Bukit Mas, Limbang, Sarawak.

Ini kali kedua saya menyuarakan perkara ini saya berharap kementerian - tidak ada orang mendengar Tuan Pengerusi. Saya berharap betul-betul Tuan Pengerusi, kerana ini kaum Penan terkenal seluruh dunia mengenai 'sahabat alam' Malaysia mereka bertugas bersama-sama kaum Penan di Sarawak. Kita sudah berjaya mempengaruhi kaum Penan ini supaya menyokong kerajaan Barisan Nasional. Tolong hidupkan semula klinik desa Long Napir bahagian Limbang dan kawasan Bukit Mas di Sarawak.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Tuan Pengerusi, siapa hendak jawab, Menteri tidak ada, Timbalan Menteri tidak ada, Setiausaha Parlimen tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Nanti ada yang datang, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Nanti ada yang datang tetapi dia tidak dengar apa-apa, dia hendak jawab apa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada catatan pegawai-pegawai dari kementerian nanti dia akan jawab.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Tuan Pengerusi, saya ulang sekali lagi, saya tidak ingin mengambil banyak masa. Hidupkan semula klinik desa di Long Napir kawasan Limbang di Sarawak, kawasan Bukit Mas. Saya ingin bertanya mengenai pesawat helikopter yang membuat perkhidmatan Rural Air Services khusus untuk kaum Penan, Orang Hulu di Baram, Limbang dan Belaga. Kita membelanjakan banyak wang, pernah dibangkitkan dalam satu mesyuarat Public Accounts Committee dalam Penggal Pertama, bagaimana pencapaian sekarang untuk membantu kaum-kaum kita yang tinggal di kawasan pedalaman. Saya minta kalau boleh saranan ini terus disampaikan kepada Menteri yang berkenaan.

Merujuk kepada Butiran 00400 - Hospital-hospital. Pada tahun hadapan RM286,500,000 akan dibelanjakan. Saya ingin bertanya di sini mengenai hospital daerah di bandar Lawas dalam kawasan Bukit Mas, bilakah hospital ini akan dibina, sejak Penggal pertama saya menyuarakan ..... [*Tepuk - Timbalan Menteri Kesihatan masuk ke Dewan*]. Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya sebagai Barisan Nasional Backbenchers hendak tahu supaya Menteri mendengar kita berucap.

Mengenai Hospital Daerah Lawas dan juga beberapa hospital di negeri Sarawak iaitu perkembangannya, misalnya hospital di Marudi di kawasan Parlimen Baram, hospital di Sri Aman di kawasan Timbalan Ketua Menteri Sarawak dan lain-lain hospital yang dirancang dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, saya ingin dengan terperinci mengetahui mengenai perkembangan terkini. Oleh kerana kita mungkin ada satu tahun untuk membereskan di kawasan-kawasan tertentu supaya Barisan Nasional tetap menang dan mentadbir di negara kita - kawasan saya kalau boleh menang tanpa bertanding. Yang ketiga-tiga ini kalau boleh, kerana saya diminta oleh Timbalan Ketua Menteri Sarawak supaya dapat bertanya mengenai Hospital Sri Aman, Marudi dan Hospital Lawas di kawasan Bukit Mas di Sarawak di hujung sebelah utara berdekatan dengan Sipitang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Lumut.

3.30 ptg.

**Dr. Yap Yit Thong [Lumut]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa perkara berkenaan Kementerian Kesihatan. Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Program 032200 - Farmasi & Perbekalan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, penagihan dadah di negara kita begitu serius. Bilangan penagih dadah dianggarkan 200,000 orang di rantau ini dan gejala sosial ini boleh dikatakan sebagai musuh nombor satu masyarakat kita. Saya difahamkan, satu kajian telah dibuat berkenaan ubat baru, naltrexone yang boleh digunakan untuk rawatan penagihan dadah. Saya ingin tahu:

- (i) keberkesanan naltrexone untuk rawatan penagih dadah dan heroin;
- (ii) kalau berkesan, adakah pihak kementerian berminat menggunakan naltrexone sebagai standard treatment, dengan izin, kepada semua penagih dadah dan heroin; dan
- (iii) bilakah skim ini akan dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, Butiran 030000 - Rawatan Perubatan, isu berkenaan warga tua. Ketuaan ialah satu fenomena di negara kita pada abad 21. Fenomena ketuaan adalah purata hidup yang tidak dapat dielakkan. Dengan adanya perkhidmatan perubatan yang lebih baik, masyarakat Malaysia telah bertambah sihat, dengan itu jangka hayat dan juga bilangan golongan warga tua telah bertambah. Dengan ini adalah dijangka bilangan warga tua yang berumur 60 tahun ke atas akan meningkat kepada 1,500,000 orang atau 6.8% daripada jumlah penduduk menjelang tahun 2000. Dengan adanya perkembangan dan pembangunan adalah wajar bagi kita merancang dari sekarang untuk mengadakan perkhidmatan yang lebih baik lagi bagi warga tua iaitu perkhidmatan sosial, kesihatan, ekonomi dan kebajikan. Saya ingin tahu dari pihak kementerian, apakah persediaan akan dibuat menjelang tahun 2000 untuk menjaga kesihatan dan kebajikan warga tua? Saya mencadangkan satu kepakaran bernama perubatan geriatric (geriatric medicine), dengan

izin, diwujudkan di kolej perubatan dan hospital kerajaan untuk menjaga kesihatan warga tua.

Tuan Pengerusi, berkenaan kekurangan doktor pakar di negara kita, saya difahamkan Kementerian Kesihatan mempunyai satu skim untuk menarik balik ke tanah air kumpulan doktor pakar yang sedang bekerja di luar negeri. Saya ingin tahu, sama ada skim ini berjaya atau tidak. Jika tidak, alasan kenapa skim tersebut telah gagal dan apa tindakan ekoran yang akan diambil untuk mengatasi masalah kegagalan.

Tuan Pengerusi, berkenaan isu derma organ seperti buah pinggang, hati, mata dan lain-lain. Saya ingin tahu dari pihak kementerian, adakah satu data base untuk orang yang menderma dan penerima organ iaitu pesakit yang memerlukan organ transplant. Saya rasa satu jadual mengikut keperluan sangat penting. Oleh sebab di negara-negara seperti Amerika Syarikat, banyak masalah yang timbul berkenaan derma organ, kerana banyaknya pesakit dan ia berkaitan dengan golongan politik yang menggunakan wang, dia boleh lompat queue bagi mendapat organ. Saya harap masalah seperti ini tidak berlaku di negara kita, walaupun negara kita baru mempunyai perkhidmatan seperti organ transplant, saya harap kita merancang satu sistem yang baik, bijak dan adil.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya hendak sentuh ialah berkenaan Skim Kesihatan Nasional. Saya dengar kerajaan berminat melaksanakan Skim Kesihatan Nasional. Saya harap pihak kementerian memang memberi pertimbangan dan prihatin kepada isu ini. Saya rasa perkhidmatan ini amat penting kepada orang awam dan tidak harus diwastakan. Oleh sebab skim seperti kesihatan bagi orang awam tidak boleh digagalkan kalau diwastakan, dan banyak negara di dunia ini yang mempunyai skim kesihatan nasional diwastakan sudah gagal dan juga membebankan kerajaan. Saya harap, kerajaan mesti memberi pertimbangan berkenaan isu ini dan kalau kerajaan hendak menswastakan Skim Kesihatan Nasional, saya harap janganlah memberikan kepada satu orang atau satu syarikat persendirian. Kalau kita hendak swastakan, sepatutnya diberikan kepada satu tabung, di mana kalau ada keuntungan, keuntungan boleh digunakan untuk R&D dan membaiki sistem kesihatan kita dan menaikkan taraf kesihatan di negara kita. Jangan diberikan kepada seseorang atau satu syarikat persendirian. Kalau hendak menswastakan, saya menekankan sekali lagi, mestilah beri kepada satu tabung bukan kepada individu. Saya rasa itu isu yang sangat penting kepada semua rakyat di negara kita.

Tuan Pengerusi, dengan kata-kata ini, sekian terima kasih, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bukit Mertajam.

**3.40 ptg.**

**Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Doktor-doktor belaka ya.

**Dr. Tan Chong Keng:** Saya ingin menyentuh Butiran 030000 - Rawatan Perubatan. Rawatan perubatan yang diberikan kepada pesakit-pesakit luar di hospital-hospital daerah adalah percuma kecuali bayaran token, tetapi saya hendak tanya apakah bayaran yang dikenakan kepada pendatang-pendatang asing ataupun pekerja-pekerja warganegara asing yang datang ke sini satu jenis ada permit, ada satu jenis lagi tanpa permit. Adakah mereka dikenakan bayaran yang lain supaya warganegara yang membayar cukai pendapatan boleh menikmati perkhidmatan perubatan yang lebih murah berbanding dengan warga asing.

Yang kedua, Program 030600 - Pembedahan Am. Di Hospital Bukit Mertajam ada sebuah operation theatre yang canggih tetapi jarang digunakan kerana doktor-doktor

perunding sudah dipindah ataupun dihantar ke Hospital Seberang Jaya yang dikatakan menjadi Hospital Nukleus. Saya pun tidak berapa faham apakah kesan yang sebenarnya, ataupun fungsi sebenarnya sebagai sebuah Hospital Nukleus. Orang ramai pun tidak nampak kesan itu setakat inilah kerana kadang-kadang pesakit yang masuk ke Hospital Daerah Bukit Mertajam, mereka perlu pembedahan. Mereka dihantar pula ke Hospital Seberang Jaya dan dalam perjalanan itu mungkin ini akan mendatangkan bahaya kepada pesakit. Hari itu sahaja isteri kawan saya pergi ke hospital untuk bersalin kembar, nasib baik anak-anak berkembar itu boleh tunggu, tunggu tiga jam di Hospital Daerah Bukit Mertajam kemudian tunggu enam jam lagi di Seberang Jaya baru dilahirkan secara selamat. Bagaimana sekiranya anak kembar itu tidak boleh tunggu dan terpaksa dilahirkan di tengah jalan?

Program 032400 - Kardiothorasic. Ramai pesakit hari ini mengalami penyakit jantung dan ramai minta bantuan daripada wakil-wakil rakyat supaya memperkenalkan mereka kepada Institut Jantung Negara atau Hospital Besar Pulau Pinang dan hospital-hospital yang lain yang ada doktor-doktor perunding dalam bidang kardiothorasic tetapi selalu diberitahu bilangan pesakit yang ada dalam senarai menunggu itu sangat ramai, lebih baik pergi berjumpa dengan doktor private. Kalau begitu, orang yang miskin itu tidak akan dapat rawatan yang murah daripada hospital kerajaan, tidak payah jumpa lagi kerana mereka memang tidak dapat peluang, mereka selalu diberitahu terlalu ramai dalam senarai itu. Saya harap kerajaan boleh melatih lebih ramai lagi doktor-doktor perunding dalam bidang kardiothorasic yang boleh mengambil alih tugas merawat ataupun membuat pembedahan ke atas pesakit-pesakit jantung supaya mereka boleh pendekkan tempoh menunggu itu daripada satu tahun kepada tiga bulan misalnya, kadang-kadang tiga bulan itu pun mereka tidak boleh tunggu.

Tuan Pengerusi, satu masalah yang besar untuk Hospital Daerah Bukit Mertajam ialah beberapa tahun dahulu Hospital Daerah Bukit Mertajam diiktirafkan diturun taraf oleh kerana sebuah Hospital Nukleus dipanggil Hospital Nukleus Seberang Jaya sedang dibangunkan. Jadi apa maksudnya kalau Seberang Perai Tengah itu sebagai satu pusat pertumbuhan ekonomi yang pesat sekali di Seberang Perai dan hospital daerahnya diturun taraf. Manakala satu tempat yang dikatakan Seberang Jaya itu muncul sebagai sebuah pusat Hospital Nukleus Seberang Jaya yang akan cuba mengambil tempat Hospital Daerah Bukit Mertajam. Jadi saya harap Hospital Daerah Bukit Mertajam boleh diberi ataupun dikembalikan ke tempat yang penting seperti dahulu iaitu hospital yang penting sekali di pusat Seberang Perai Tengah. Sebenarnya pesakit bersalin datang daripada Bukit Mertajam, Kulim, Nibong Tebal, Bagan semua pun rasa Hospital Daerah Bukit Mertajam adalah satu tempat yang senang access, dengan izin, dengan pengangkutan awam dan sebagainya tidak payah pandu kereta pun boleh sampai tetapi Hospital Seberang Jaya mesti pandu kereta baru boleh sampai dengan cepat. Kalau kita tanya Yang Berhormat yang lain dalam kawasan sana, kita mesti bersetuju kerana kita perlu tukar dua bas baru boleh sampai ke Hospital Daerah Seberang Jaya dan seperti saya katakan tadi kalau ....

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bagan bangun Yang Berhormat.

**Dr. Tan Chong Keng:** Ya, Bagan ada kawan hendak beranak? *[Ketawa]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan.

**Dr. Tan Chong Keng:** Ha, silakan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, pada pendapat saya Hospital Nukleus di Seberang Jaya terletak dalam jajahan Seberang Perai Tengah seperti juga Bukit Mertajam

di Seberang Perai Tengah. Kawasan saya Bagan, Seberang Perai Utara dan juga Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan dan kesemua wilayah ini dicantum kepada Seberang Perai Tengah iaitu Hospital Seberang Jaya. Yang Berhormat dari Bukit Mertajam mewakili Seberang Perai Tengah patut bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan [*Ketawa*] kerana hospital itu bukan di Seberang Utara kawasan saya. Walau bagaimanapun, ....

**Dr. Tan Chong Keng:** [*Menyampuk*]

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, bukannya Yang Berhormat akan merasa bersyukur kerana letaknya hospital....

**Dr. Tan Chong Keng:** [*Bangun*]

**Tuan Lim Hock Seng:** Nanti, nanti, lagi satu, one more. Masalah yang lebih penting bukannya Yang Berhormat akan mencadangkan kepada menteri bahawa Hospital Seberang Jaya ini juga menerima lawatan-lawatan pesakit luar. Pada masa sekarang hanya menerima emergency case dan accident case sahaja. Jikalau pesakit-pesakit luar pergi ke Seberang Jaya mereka akan rujuk balik ke Bukit Mertajam, ke Bagan, ke Nibong Tebal bukannya lebih baik Yang Berhormat menyuruh supaya kerajaan boleh membuat Seberang Jaya ini sebagai satu hospital boleh menerima pesakit luar.

**Dr. Tan Chong Keng:** Cukuplah, soalan itu, panjang soalan.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Pengerusi, saya jawab, kerana Yang Berhormat dari Bagan dia katakan saya mewakili Seberang Perai Tengah sebenarnya saya mewakili Bukit Mertajam, ha ini Bukit Mertajam [*menunjukkan tandanama kawasan*]. Bukit Mertajam ada sebuah hospital yang canggih pada masa dahulu tetapi hospital itu dipindahkan sebahagian demi sebahagian ke Seberang Jaya, ini adalah tindakan yang tidak dipersetujui oleh saya. Kakitangannya dipindah dua orang demi dua orang ke Seberang Jaya dan ke hospital yang lain sampai tidak ada staff di Hospital Daerah Bukit Mertajam. Kalau kerajaan membina sebuah Hospital Nukleus Seberang Jaya baru dan pindahkan staff daripada tempat-tempat lain tetapi jangan pinjamkan staff dari kawasan saya, jangan pinjamkan semua kalau begini saya setuju tetapi sekarang ini nampaknya Hospital Nukleus Seberang Jaya itu dibinakan at the expense of Hospital Daerah Bukit Mertajam, ini point yang saya tidak bersetuju. Saya minta kerajaan letak Hospital Daerah Bukit Mertajam balik pada tempat yang penting seperti dahulu. Saya katakan tadi Hospital Nukleus Seberang Jaya itu hanya menerima kes-kes emergency seperti saya katakan tadi, oleh kerana kakitangan yang pakar-pakar itu semua sudah diletak di Hospital Nukleus Seberang Jaya.

Kalau pesakit di Nibong Tebal, di Bagan contohnya atau di Bukit Mertajam contohnya mengalami kesulitan di hospital daerah masing-masing, mereka perlu dipindah ke sana tetapi sebelum itu kalau hospital-hospital daerah itu mempunyai staf yang pakar di sana mereka tidak perlu dipindah langsung. Saya rasa Yang Berhormat dari Bagan mesti bersetuju dengan saya atas point ini. Tidak perlu pindah pesakit-pesakit itu dalam masa kecemasan dan pemindahan pesakit-pesakit itu boleh membawa bahaya kepada nyawa mereka dan kadang-kadang ada keluarga pesakit-pesakit yang buat kompelin kepada saya bahawa memang ini sudah berlaku.

Jadi, saya harap Kementerian Kesihatan boleh mengambil tindakan untuk membawa balik alat-alat dalam operation theatre, kakitangan-kakitangan yang diperlukan dan juga up-grading semula hospital daerah supaya ia dapat berfungsi sebagai sebuah hospital daerah yang berkaliiber dan standard untuk memenuhi keperluan pesakit-pesakit di kawasan Seberang Prai Tengah.

Saya juga ingin menyentuh Bahagian Perawatan Perubatan khasnya berkaitan dengan pusat haemodialysis. Walaupun hospital-hospital awam ada pusat haemodialysis, saya difahamkan lebih banyak mesin haemodialysis itu dikhaskan untuk dipakai oleh pegawai-pegawai kerajaan ataupun pesara-pesara pada keutamaannya (priority). Selepas itu baru orang ramai yang bekerja dengan sektor swasta dapat mengambil giliran untuk memakai mesin-mesin tersebut. Saya berharap Kementerian Kesihatan dapat menambahkan mesin-mesin dialysis supaya orang awam yang bekerja di sektor swasta pun boleh menikmati perkhidmatan ini, bukan hanya tunggu sampai semua pegawai kerajaan yang ada sakit buah pinggang menerima treatment baru ada peluang memakai mesin. Kalau begitu, orang yang bekerja dengan sektor swasta itu tidak boleh ataupun they do not have the privilege of having sakit buah pinggang. They don't have that privilege, dengan izin. They don't enjoy the privilege of having sakit buah pinggang. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak pernah dengar ayat macam itu, ya.

**Dr. Tan Chong Keng:** Saya haraplah dengan menambahkan kemudahan, kerajaan boleh memperluaskan perkhidmatan pusat haemodialysis ini kepada semua orang, tidak kira dia itu pegawai kerajaan ataupun orang awam yang bekerja dengan sektor swasta ataupun orang yang tidak ada kerja. *[Disampuk]* Ha, tidak kira dia itu datang daripada Barisan Nasional ataupun dari DAP, kita mesti beri layanan yang sama kalau dia perlukan rawatan.

Dengan itu saya menyokong, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Bagan.

3.54 ptg.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Pengerusi, Butiran 010000. Dalam buku 'Perjawatan' ini ada seorang menteri menerima gaji sebulan sebanyak RM11,200, seorang timbalan menteri menerima RM8,150, seorang setiausaha parlimen menerima gaji bulanan RM5,400 dalam buku ini tetapi sebentar tadi apabila kita membahaskan Kementerian Kesihatan, tidak ada Menteri, tidak ada Timbalan Menteri, tidak ada Setiausaha Parlimen. *[Disorak]* *[Timbalan Menteri Kesihatan mengangkat tangan]* Dia baru sampai - pukul 3.30 petang baru Timbalan Menteri sampai dan Dewan Rakyat....*[Disampuk]* Orang ramai ada hak, tahu! Ke mana mereka ini pergi?

**Seorang Ahli:** Kantin.

**Tuan Lim Hock Seng:** Kantin mustahak atau Dewan yang mulia ini mustahak? Ini perlu diberi satu penjelasan berkenaan dengan tidak menghadirkan diri di Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, Program 020300 - Kawalan Penyakit. Baru-baru ini ada satu penyakit berlaku di Ipoh dan ada surat khabar yang mengatakan 20 orang telah meninggal dunia, ada yang kata 7 orang sudah meninggal dunia. Ini ialah satu jenis penyakit - saya bukannya doktor pakar - tidak tahulah ejaan ini betul atau tidak, Japanese Encephalitis. Penyakit ini telah dibawa sejak dari awal tahun ini tetapi baru satu, dua minggu ini diheboh-hebohkan oleh surat khabar dan baru sahaja Menteri Kesihatan mengumumkan bahawa orang ramai tidak perlu merasa panik berkenaan dengan penyakit ini kerana ia telah dikawal. Mengapakah kementerian begitu slow response berkenaan dengan penyakit ini kerana awal tahun ini sudah berlaku dan bukannya kementerian perlu menasihati orang ramai supaya berjaga-jaga atau pergi membuat suntikan untuk mencegah penyakit ini dan selepas beberapa orang telah meninggal dunia akibat penyakit ini, baru buat satu pengumuman memberitahu orang jangan panik, ini satu kelalaian Kementerian Kesihatan dalam mengawal penyakit seperti ini.

Bolehkah Yang Berhormat memberitahu sebenarnya berapa orang telah meninggal dunia akibat penyakit ini dan masih ada berapa orang lagi yang dirawat oleh kerana penyakit ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah wabak penyakit ini merebak ke negeri-negeri lain dan sama ada terdapat penyakit ini di negeri-negeri lain di Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, Program 030300 dan 040200 - Farmasi.....

**Tuan Chia Kwang Chya:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bukit Bendera bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Habiskan ini dahulu. Tuan Pengerusi, saya hendak mengadu berkenaan dengan kaunter mengambil ubat di Hospital Besar Pulau Pinang. Misalnya seorang pesakit apabila berjumpa seorang doktor, dia perlu mendaftar dan mengambil nombor giliran, menunggu untuk berjumpa dengan doktor sudah lebih satu jam, mungkin satu setengah jam, mungkin dua jam kalau pergi lambat dan apabila habis, pergi ambil prescription dan serahkan ke kaunter ubat, duduk di kerusi untuk menunggu nombor giliran sehingga 40 atau 45 minit. Saya pernah tunggu di sana 45 minit dan ubt yang diberi hanya ubat yang sudah sedia di'pack', baik dalam botol atau dalam beg plastik, sudah sedia di'pack'. Pergi ambil prescription, tunggu di sana sampai 40 minit diberi ubat yang sedia di'pack'!

Bolehkah Yang Berhormat mengatur supaya kakitangan-kakitangan di kaunter menerima ubat ini ditambahkan kerana saya kira ada 6 kaunter, 6 pintu tetapi tiga orang sahaja duduk di sana, tiga lagi ditutup. Peti televisyen yang diletakkan di sana - dibekal untuk pesakit-pesakit atau orang yang menunggu di sana supaya tengok TV tetapi TV itu pun rosak! *[Ketawa]* Kena tunggu sahaja tidak tahu hendak buat apa selama 40 atau 45 minit. Jadi, seorang pesakit jikalau pergi tengok doktor sambil ambil ubat semua sekali dia perlu setengah hari - dari pukul 8.00 pagi dia pergi ke sana sampai pukul 12.00 tengah hari baru balik rumah! Bolehkah Yang Berhormat atur lebih cepat sedikit supaya orang umum boleh gunakan masa itu untuk kerja-kerja lain. Ya, Bukit Bendera.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bukit Bendera.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Saya cuma hendak tanya penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bagan. Kalau tidak silap saya gaji Ketua Pembangkang pun beribu-ribu tetapi dalam beberapa hari ini saya tidak nampak kehadiran Ketua Pembangkang. Jadi, kenapa tidak berani tanya kehadiran Ketua Pembangkang?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, Ketua Pembangkang sekarang berada di Kanada untuk menghadiri satu persidangan hak asasi manusia dan beliau tidak menerima gaji. MP mendapat elaun, you know! Ini sebagai seorang pegawai kerajaan yang bertanggungjawab untuk kementeriannya, misalnya Menteri Pengangkutan sekarang pun belum sampai gilirannya, dia tidak datang tidak ada sesiapa yang soal tetapi bila sampai kementeriannya, kalau dia tidak ada di sini, bermakna dia lalai!

**Dr. Tan Chong Keng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Bukit Mertajam.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya akan pergi ke Hospital Seberang Jaya sekarang, isteri kamu yang beranak di sana. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Chong Keng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Nanti, nanti hendak beri jalan atau tidak.

**Dr. Tan Chong Keng:** Bukan isteri saya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya takut tidak cukup masa, biar saya habiskan ini dan kalau ada masa, saya akan beri.

**Dr. Tan Chong Keng:** Penjelasan, penjelasan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Nanti, nanti....

**Dr. Tan Chong Keng:** Penjelasan satu sahaja, pendek sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat. Ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya sememangnya tidak mahu menyentuh berkenaan dengan Hospital Seberang Jaya. Saya patut marah sebab Hospital Seberang Jaya ini terletak di Seberang Jaya di Seberang Perai Tengah. Saya mewakili kawasan Bagan di Seberang Perai Utara, dari kawasan saya hendak pergi ke Seberang Jaya sekurang-kurangnya dua puluh minit, kalau ada kesesakan lalu lintas mungkin tiga puluh minit. Tetapi jikalau dari Bandar Bukit Mertajam sampai ke Seberang Jaya hanya sepuluh minit sahaja. Sepuluh minit sahaja sebab ia ada Jalan Perai Baru sangat luas dan tidak ada kesesakan lalu lintas, sebab itulah dia dapat .....

**Dr. Tan Chong Keng:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Dia bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** ...apa yang saya, saya pun .....

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap, hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Tan Chong Keng:** Okay, okay beri jalanlah...

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, kasihan.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan ya. Sepuluh minit itu biasanya on the advertisement, dia kata ten minutes away, in a car ataupun in a bus. Kalau naik bas mungkin satu jam, kalau mesti tukar dua bas, jalan kaki lebih teruk lagi. Biasanya kalau Yang Berhormat dari Bagan cakap, dia bercakap berkaitan dengan pemandu kereta iaitu yang ada kereta, pesakit biasanya tidak ada kereta, pesakit yang miskin – pesakit PPRT yang tidak ada kereta. Itu yang saya ambil berat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, Hospital Bukit Mertajam masih dibuka kepada pesakit luar. Hospital Butterworth juga terbuka kepada pesakit luar, Hospital Seberang Jaya sebuah hospital nukleus yang baru dengan penuh kelengkapan dan pakar-pakar perubatan, menerima pesakit-pesakit kecemasan sahaja. Apa yang mustahak pada saya Hospital Butterworth, Hospital Bukit Mertajam dan Hospital Nibong Tebal, ketiganya ini dalam daerah Seberang Prai yang telah lama dan telah uzur.

Saya ucapkan terima kasih kerana Kementerian Kesihatan membina sebuah hospital nukleus di Seberang Jaya dengan kelengkapan yang baru di sana. Saranan saya .....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, ....

**Tuan Lim Hock Seng:** .... adalah supaya Hospital Seberang Jaya ini dibuka kepada semua pesakit dan bukan hanya menerima kes kecemasan sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, sedikit sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tidak, tidak ada masa.....

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, pada saya yang mustahak ialah Hospital Seberang Jaya patut dibuka kepada orang awam. Jangan membazirkan kelengkapan itu, jangan membazirkan bangunan yang begitu cantik dan begitu besar di sana. Hanya menerima kes-kes kecemasan sahaja. Bukalah kepada semua orang supaya, kalau Yang Berhormat dari Bukit Mertajam suka pergi ke Seberang Jaya, dia datang. Kalau dia suka pergi ke Hospital di Bukit Mertajam, dia pergi sana, saya suka di Bagan, saya pergi ke Bagan, kalau saya suka pergi ke Seberang Jaya, saya akan pergi ke Seberang Jaya.....

**Dr. Tan Chong Keng:** Minta penjelasan. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, dia beri?

**Tuan Lim Hock Seng:** Nanti, nanti saya ada lagi sedikit, sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Dr. Tan Chong Keng:** Sedikit sahaja, sedikit. Itu berkaitan dengan nukleus. Kalau you mahu Hospital Seberang Jaya menerima semua jenis pesakit, macam mana hospital itu dikatakan hospital nukleus? Minta Yang Berhormat dari Bagan jelaskan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Sebenarnya saya tidak faham apa maknanya 'nukleus'. *[Ketawa]* Saya tidak faham apa itu 'nukleus'. Yang penting sekali bagi orang awam, mana-mana yang ada kemudahan yang kami dapat, kami ucapkan terima kasih. Jikalau ia hendak ditingkatkan kepada satu pusat di mana hanya pembedahan, hanya penyakit-penyakit yang teruk atau tenat dijalankan, itu tertaklukkan kepada kementerian, tetapi bagi orang awam kemudahan itu adalah mustahak.

Dengan kata-kata ini, sekian sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, baiklah. Batang Lupar.

4.06 ptg.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan membahaskan Butiran 020000 – Kesihatan Awam. Jadi saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat dari Bagan, pulang ke kawasan dan nasihatkanlah orang kawasan supaya berterima kasih kepada kerajaan. Dua puluh minit sudah sampai hospital.

Di kawasan saya, Tuan Pengerusi, dua hari baru sampai hospital. *[Ketawa]* Kawasan Bukit Mas dua minggu jalan kaki, baru sampai hospital. *[Ketawa]* Hospital selain daripada flying doctor service, satu bulan, tiga puluh hari baru jumpa doktor. Tolonglah pihak-pihak pembangkang, tidak perlu gaduh, balik ke kawasan katakan dan ucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan dan kementerian. Yang dapat dua puluh minit, setengah jam ataupun satu jam itu sampai hospital, doktor ini pun sibuk.

Saya mewakili kawasan, orang turun daripada rumah panjang dia, baru sampai ke hospital, setengah jalan, setengah hari. Bersalin di tepi jalan oleh kerana air surut, di

sungai air tidak ada. Jadi ini kawasan yang saya sebut perlukan bantuan. Walaupun demikian, seluruh penduduk saya 100% sokong kerajaan, tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Sokong, tidak ada lawan. Kawasan Yang Berhormat Menteri pun macam itu, kawasan saya pilihan raya lepas tidak ada lawan, 'menang di tebing', kata orang sana. Sebab orang kata terima kasih walaupun sebulan sekali. Ya, dengar? [Ketawa]

Jadi saya ingin mencadangkan Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar – Butiran 00201, garis panduan yang diberi oleh pihak kementerian sekarang ialah kalau orang ada rumah 800 penduduknya, barulah boleh memohon klinik. Tetapi rumah panjang sekarang oleh kerana mereka takut kebakaran, ramai sangat atau panjang sangat, tidak boleh. Jadi satu-satu settlement itu kadang-kadang kita dapat 200, ada 100, ada 300; perantaraan daripada satu rumah panjang kepada satu rumah panjang yang lain, jauhnya setengah jam, ada empat puluh minit dan ada satu jam. Jadi saya ingin mencadangkan supaya kementerian membuat satu pelan induk seluruh negeri Sabah dan Sarawak, umpamanya. Pelan induk untuk satu group atau kawasan, mungkin ada 2,000 orang, rumah panjang berdekatan ataupun settlement berdekatan ada lebih 1,000 atau 2,000 orang. Camkan satu tempat dan buat satu klinik, tanah free, insya-Allah. Saya boleh jamin semua Ahli Parlimen dan saya sendiri boleh keluarkan duit kalau RM300 satu ekar, siapa yang tidak boleh beri? Saya berani jamin dapat tanah free daripada orang luar bandar dari Sarawak, kalau Sabah saya tidak tahulah kerana pembangkang ramai.

Jadi saya harap pihak kementerian buat satu pelan induk supaya kita hendak tahu di mana klinik-klinik luar bandar hendak dibuat, supaya kita tidak perlu tunggu tiga puluh hari satu bulan flying doctor service sampai. Kita tidak tunggu dua minggu baru pikul anak yang – kalau kita dapat tahu isteri kita hendak bersalin dua minggu akan datang, baru minggu ini kita sudah mulakan perjalanan supaya dengan harapan dua minggu yang akan datang sampai ke klinik berdekatan baru bersalin sebagaimana yang doktor jangkakan. Macam mana perkara ini berlaku, kita sudah tiga puluh tahun merdeka. Jadi saya berharap kementerian melihat keadaan di Sabah dan Sarawak yang amat menyedihkan ini. Dua puluh minit – kawan, balik kampung terima kasih dan sokong kerajaan lain kali.

Saya pindah ke tempat lain, Tuan Pengerusi, iaitu tajuk Kemudahan Kesihatan – Pelan Induk dan Membangun Semula Hospital, Butiran 00302. Dua tahun lepas dan saya selalu bertanya kepada kementerian iaitu sebelas buah hospital akan dibina di Sarawak dan saya juga diberitahu dan saya tidak pernah sebut nama ini - saya juga pernah diberitahu yang United Engineers telah diberi kontrak untuk membina sebelas hospital di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya hendak tahu di mana hospital ini hendak dibina, adakah sudah dibina ataupun belum dan kenapa tidak dibina jika sudah diluluskan? Ini soalan pertama.

Soalan kedua, dalam masa yang sama, negeri Sarawak ingin merancangkan iaitu Mayo klinik dibina di Sarawak iaitu satu pusat kesihatan yang canggih yang bertaraf antarabangsa yang memberi kemudahan-kemudahan yang baik. Saya juga difahamkan iaitu pihak Kerajaan Negeri Sarawak telah approach, dengan izin, pihak kementerian untuk merundingkan supaya sebahagian daripada sumber kewangan untuk membina hospital yang sebelas buah tadi, diberi kepada sumber kewangan untuk membina Mayo klinik ini, supaya kerjasama di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Sarawak itu mewujudkan satu pusat kesihatan yang canggih di rantau ini dan boleh dipanggil konsultan daripada bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh rantau ASEAN. Dengan keadaan yang sedemikian, adakah benar sudah dibuat, kalau telah dibuat apakah keputusan dan bilakah perancangan Mayo klinik ini kerjasama dari pihak kementerian, Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri Sarawak.

Jadi, Tuan Pengerusi, soalan yang orang Sarawak jalan 30 hari, jalan dua minggu, jalan satu hari di kawasan saya, di coastal area ini tetapi dengan harapan nanti, kita gunakan telemedicine ini mungkin di kawasan saya di Kampung Sebuyau klinik dipertingkatkan, boleh adalah komputer dan doktor boleh pergi ke sana buat operasi, tidak payah buat di bandar Kuching di Mayo klinik.

Jadi baru realisasi kita soalan multimedia menggunakan telemedicine ini boleh diwujudkan, kalau ada kilinik macam Mayo klinik diwujudkan di Sarawak yang tapak dan tempatnya sudah dikenal pasti dan peruntukan negeri Sarawak akan mengadakan kerjasama daripada Kerajaan Pusat telah dicadangkan sama ada cadangan ini telah diterima dan dibincang dan telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat.

Jadi, berbalik saya semula kepada soalan-soalan pokok, kesihatan orang luar bandar. Alih saya mula cerita lama, cerita di luar bandarlah tempat orang kita, orang bumiputera, orang Melayu di luar bandar, tempat orang Melayu dan orang Bumiputera duduk. Jadi orang bumiputera ini berkehendakkan kerajaan membantu selepas mereka menyokong kerajaan. Jadi, di Bagan walaupun dia tak sokong kita bagi juga mereka, saya percaya soalan Yang Berhormat dari Bukit Mas cakap tadi orang Penan ini, saya percaya, saya berharap ini bukan tindakan kerajaan untuk menutup klinik itu, oleh kerana orang Penan tidak sokong kerajaan. Kerana bagi kita kesihatan ini untuk semua rakyat Malaysia walaupun mereka tidak berterima kasih dengan kerajaan kerana kesihatan ini untuk semua. Jadi saya dengan harapan, kalau hari ini Bagan sudah belajar bagaimana hendak jadi Menteri suatu hari nanti ia akan masuk Barisan Nasional dan sokong Barisan Nasional kerana dia sudah belajar macam mana hendak menjawab Yang Berhormat dari Bukit Mertajam jadi menteri. Jadi dengan kata-kata yang demikian, Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Tambun.

**4.12 ptg.**

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dua perkara sahaja. Pertama, penyakit Japanese Encephalitis yang disentuh oleh Bagan tadi yang berlaku di kawasan Parlimen saya iaitu yang telah meragut lima nyawa di Tambun, Ampang dan Ulu Piah dan saya difahamkan ada lima orang yang masih lagi di dalam rawatan dan keseluruhannya dua puluh pesakit telah dijangkit penyakit tersebut.

Saya juga difahamkan bahawa penyakit ini di bawa oleh nyamuk culex yang boleh terbang sejauh 4.8 kilometer. Jadi apa yang berlaku, Tuan Pengerusi, penyakit ini membawa kebimbangan kepada penduduk di kawasan tersebut. Apa yang saya mohon daripada kementerian supaya kita tackle penyakit ini dengan serius. Saya telah mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin masyarakat beberapa hari lalu, ada dua tindakan yang telah diambil oleh kementerian. Pertama, fogging - kerja fogging ini tidak dijalankan secara menyeluruh. Kedua, vaccination - yang ini juga tidak dijalankan secara menyeluruh dan saya berharap perkara ini diberi perhatian. Seterusnya, oleh kerana penyakit ini baru diketahui oleh penduduk tempatan dan ini membimbangkan, apabila ada individu yang sakit kepala ataupun batuk mereka sudah bimbang sama ada ini dikaitkan dengan penyakit Encephalitis. Jadi saya berharap, kementerian dapat menolong dengan memberi maklumat sepenuhnya sekurang-kurangnya kepada penduduk tempatan, kementerian patut mengadakan majlis-majlis penerangan dan juga mengeluarkan pamphlet. Saya harap perkara ini disegerakan supaya penduduk tidak merasa bimbang.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, punca penyakit ini adalah daripada ternakan khinzir, di kawasan saya ada beberapa tempat ternakan khinzir. Saya difahamkan pihak

Kementerian Pertanian di bawah bahagian ternakan telah menyediakan laporan, apakah tindakan-tindakan yang harus dilakukan. Adakah sesuai atau tidak kawasan tersebut menjadi tempat untuk memelihara khinzir ataupun apakah langkah-langkah yang seterusnya harus diambil kerana pihak-pihak yang terlibat dalam pemeliharaan khinzir ini juga begitu bimbang akan penyakit ini.

Perkara kedua, Tuan Pengerusi, ini juga berlaku di kawasan saya, ini di bawah butiran hospital-hospital. Saya ingin menyentuh tentang Hospital Bahagia, Tanjong Rambutan iaitu hospital yang merawat pesakit mental. Lebih kurang tiga minggu lalu salah seorang pesakit telah terlepas, dan beliau bila tiba di Bandar Tanjong Rambutan telah masuk ke sebuah restoran, selepas minta makanan tidak dilayan, beliau telah mengambil parang daripada penjual roti canai dan parang ini telah digunakan bagi mencederakan beberapa orang. Saya difahamkan, salah seorang daripada orang yang tercedera tersebut telah pun meninggal dunia. Jadi apa yang timbul, Tuan Pengerusi, ada tiga perkara yang dicakap oleh pegawai-pegawai di Hospital Bahagia.

Satu, persoalan makanan. Saya difahamkan oleh kerana kegawatan ekonomi, peruntukan untuk menyediakan makanan di hospital tersebut juga telah dipotong dan makanan-makanan tidak begitu berzat jika dibandingkan dengan masa lalu. Saya juga difahamkan bekalan makanan juga dikurangkan untuk pesakit dan daripada kajian mereka mengapa pesakit ini melarikan diri ialah kerana kekurangan makanan dan tempat pertama yang beliau pergi adalah sebuah restoran. Restoran pertama memberi beliau makanan dan yang kedua tidak memberi, selepas itu pesakit ini mengamuk.

Kedua, saya difahamkan masalah ubat di hospital, dos-dos ubat dipotong dan oleh kerana ini penyakit mental, saya percaya bila dos dipotong ia akan menjejaskan pesakit-pesakit.

Dan ketiga, masalah keselamatan. Selepas kejadian ini baru saya dapati terdapatnya kawalan, baik di kawasan hospital mahupun di luar hospital. Saya dapati memang menjadi satu budaya masyarakat kita bila tidak ada masalah kita complacent, kita relax, walaupun ada peraturan-peraturan kerja tetapi ini tidak dijalankan. Apabila berlaku masalah barulah kita bekerja dengan bersungguh-sungguh.

Jadi saya berharap pihak kementerian ambil perkara ini serius, kita berharaplah peraturan-peraturan kerja mestilah dipatuhi dengan sepenuhnya kerana saya maklum sangat, Tuan Pengerusi, selepas ini dalam masa sebulan bila tidak ada masalah orang akan jadi sebegitu juga, tidak ambil tindakan, tidak kisah dan membiarkan, kemudian bila jadi lagi satu masalah baru ambil tindakan. Itu yang saya harap kepada kementerian ambil tindakan serta perhatian yang serius kepada perkara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Jelebu.

**4.20 ptg.**

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya suka mengambil bahagian dalam perbincangan ini dan ingin menyentuh, pertamanya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan yang di dalam rangka usaha untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan di hospital di dalam daerah Jelebu. Begitu juga dengan pusat-pusat perbidanan, rumah bidan dan sebagainya yang telah dirangka untuk disediakan.

Namun, apa yang saya suka menyarankan, Tuan Pengerusi, ialah kerjasama dengan pihak JKR yang memanggil tender bagi kerja-kerja ini haruslah dilihat semula. Kerana banyak program ataupun projek yang telah dirangka untuk dilaksanakan tidak dapat dibuat mengikut jadual disebabkan oleh kelambatan pihak JKR memanggil tender

dan sebagainya. Begitu juga dengan mengenal pasti tapak untuk sesuatu projek itu dibuat, urusan dengan pejabat tanah selalunya terlewat dan sebagainya. Jadi, saya ingin mengambil peluang ini untuk menyarankan supaya pihak pengurusan berkenaan mengambil tindakan yang bersesuaian untuk menyegerakan urusan-urusan persiapan dan juga persediaan tapak tanah dan sebagainya supaya projek ini dapat dilakukan dan dilaksanakan mengikut jadual demi kepentingan masyarakat.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyarankan agar langkah yang telah dibuat dan telah diambil oleh Kementerian bagi membentuk dan juga menubuhkan kelab PROSTAR di seluruh negara adalah merupakan satu langkah yang begitu positif ke arah memberikan pendidikan kepada remaja ianya wajar diberi perhatian. Singkatan nama PROSTAR ialah Program Sihat Tanpa AIDS untuk remaja yang telah pun dilakukan dan dilaksanakan di seluruh negara. Cuma saya ingin bertanya setakat hari ini setelah ianya diputuskan untuk ditubuhkan oleh pihak Kementerian, berapakah jumlah kelab PROSTAR ini telah pun diwujudkan dan ditubuhkan dan berapa ramaikah setakat hari ini fasilitator yang dijanjikan untuk dilatih bagi membantu kumpulan remaja yang tersesat jalan ataupun yang hampir sesat untuk disedarkan. Adakah satu program jangka panjang yang dirangkakan oleh pihak Kementerian, bahagian AIDS ataupun bahagian-bahagian yang tertentu untuk melatih jumlah fasilitator bagi kumpulan remaja ini supaya kelab ini benar-benar mencapai tujuan penubuhan dan juga mencapai objektif kepada penubuhan kelab tersebut?

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian membantu dalam usaha untuk melicinkan perjalanan kelab-kelab PROSTAR ini di daerah-daerah, memberi bantuan kewangan kepada perjalanan kelab-kelab tersebut. Adakah kumpulan kepegawaian ataupun pemimpin-pemimpin politik di sesuatu kawasan itu diajak sama untuk membantu bagi melicinkan perjalanan kelab-kelab berkenaan?

Tuan Pengerusi, sememangnya bantuan-bantuan perlu diberikan kepada pendukung kelab-kelab ini supaya sasaran yang ditentukan oleh kelab PROSTAR ini, iaitu untuk mendidik sebahagian daripada kumpulan remaja supaya mempunyai pengetahuan mengenai bahaya AIDS dan sebagainya. Di samping itu, perlu juga diselitkan pendidikan mengenai cara penyelenggaraan mayat ataupun jenazah pesakit AIDS. Ini terpaksa saya sarankan kerana banyak hospital menghadapi permasalahan untuk mengendalikan jenazah ataupun mayat pesakit AIDS ini kerana cara urusan dilakukan amat berlainan dan begitu merbahaya. Saya menyarankan supaya pihak hospital akan dapat memberikan kerjasama dengan pihak-pihak pemimpin kampung, terutamanya tuan-tuan imam ataupun pihak-pihak pegawai agama yang lain supaya urusan untuk menguruskan mayat ataupun jenazah pesakit AIDS ini akan dapat dijalankan dengan licin dan teratur. Kita tidak mahu sehingga hari ini kadang-kadang terdapat kes-kes untuk menyelesaikan dan menguruskan mayat ataupun jenazah pesakit AIDS ini tidak ada siapa yang sanggup untuk menguruskan. Jadi, saya minta supaya urusan ini dapat dilihat secara serius agar kerjasama di kalangan pihak hospital dan juga penduduk tempatan ataupun pemimpin-pemimpin masyarakat dapat lebih dipertingkatkan supaya urusan ke arah kebaikan ini dapat dilaksanakan.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan di atas usaha untuk mempertingkatkan taraf kesihatan kepada golongan masyarakat Orang Asli. Sebagaimana yang kita tahu bahawa masyarakat Orang Asli di merata-rata tempat di seluruh negara kita mempunyai tahap pencapaian kesihatan yang begitu tidak memuaskan. Tetapi oleh kerana kesungguhan pihak hospital dan juga pejabat-pejabat kesihatan di daerah-daerah, maka taraf kesihatan masyarakat Orang Asli ini dari segi pemakanan seimbang dan juga bekalan air bersih yang disalurkan kepada mereka telah meningkat. Namun, perlu juga ditekankan

mengenai dengan sikap masyarakat Orang Asli ini sepatutnya lebih terdidik mengenai pentingnya kesihatan. Umpamanya masih terdapat lagi masyarakat Orang Asli yang mempunyai penyakit kulit seperti panau, sopak dan sebagainya, oleh kerana mungkin pendidikan kesihatan mereka tidak begitu baik. Mungkin mereka tidak diberikan ceramah-ceramah ataupun penerangan-penerangan yang berkaitan dengan pentingnya kesihatan.

Sebab itu saya menyarankan supaya kawasan-kawasan perkampungan Orang Asli di kawasan-kawasan pedalaman dapat dikunjungi mengikut jadual. Kita berharap sikap masyarakat Orang Asli yang tidak suka mandi akan dapat diubah, termasuk pemakanan mereka dan cara berpakaian. Sebab masih terdapat lagi Orang Asli yang tidak suka berpakaian. Mungkin Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat lebih mengetahui perkara ini iaitu ada lagi masyarakat Orang Asli di kawasan pedalaman tidak suka berbaju. Tetapi di bahagian bawah dia tutuplah. Di atas sahaja kadang-kadang itu dibuka seolah-olah untuk tontonan masyarakat mereka. Sebab itu kita perlu menyarankan supaya Jabatan Kesihatan ataupun Kementerian Kesihatan dapat memberikan sedikit-sebanyak pendidikan akan pentingnya mandi, bersih, bersabun, berpakaian dan sebagainya.

Terdapat juga masyarakat Orang Asli yang kadang-kadang dua-tiga hari tidak mandi walaupun duduk di tepi sungai, sebab mereka tidak tahu akan kebersihan sebenarnya. Mungkin kepada mereka mandi tiga hari sekali okay. Ini masih terdapat. Sikap itu masih belum boleh dirubah, sebab itulah kadang-kadang Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menghadapi masalah di dalam hal ini. Kita tidak nafikan Kementerian Kesihatan memang mempunyai jadual yang tersusun, tertentu untuk masyarakat Orang Asli ini dikunjungi.

Begitu juga dengan cara penjagaan gigi dan sebagainya. Pengetahuan ini haruslah disalurkan kepada mereka agar tahap pencapaian kesihatan Orang Asli ini akan terjamin.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya ingin menyentuh mengenai dengan kereta jenazah. Kebanyakan kereta jenazah di hospital-hospital ini begitu daif. Apakah pihak pejabat kesihatan negeri atau hospital negeri membuat kajian akan keperluan sebenarnya kereta jenazah ini kerana kalau kemungkinan kereta-kereta jenazah ini tidak diperlihatkan bahawa pentingnya kereta jenazah ini, mungkin orang tidak akan memikirkan bahawa kereta jenazah ini perlu.

Walaupun tahap kesihatan ataupun rawatan di hospital-hospital sekarang begitu baik, maka kemungkinan bila umur sudah sampai, mereka akan meninggal juga, Tuan Pengerusi. Bila mereka meninggal di hospital, kadang-kadang kenderaan untuk membawa jenazah balik tidak ada, kalau ada lima unit pun misal kata di Hospital Besar Seremban, mungkin empat unit itu rosak, ini akan menjadi masalah kepada keluarga yang malang untuk membawa jenazah tersebut balik untuk dikebumikan. Sebab itu saya suka menyarankan supaya jabatan atau kementerian mengambil tahu akan keperluan kereta-kereta jenazah ini. Kalau boleh di setiap daerah dibekalkan dua ataupun tiga kenderaan supaya ianya dapat digunakan dengan sepenuhnya dan sebaiknya untuk faedah penduduk.

Di samping itu .....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Satu minit lagi, Tuan Pengerusi. Satu perkara lagi iaitu mengenai dengan keperluan pengisian jawatan. Sebagaimana yang saya sebutkan dahulu, kementerian sewajarnya melihat dan kaji bahawa jawatan-jawatan untuk pegawai perubatan ini begitu penting, begitu juga dengan kakitangan yang lain. Pengisian amat perlu dibuat, walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi negara kita, tetapi jawatan

doktor ataupun pegawai perubatan ini amat perlu diisi supaya masyarakat tidak akan menyalahkan kerajaan di dalam usaha untuk mempertingkatkan taraf kesihatan dan rawatan masyarakat di negara kita terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Dengan kata-kata itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong, terima kasih.

[Tuan Pengerusi (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Labuan.

4.33 ptg.

**Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 - Program Rawatan Perubatan, Butiran 050100 - Program Meningkatkan Perkhidmatan Kesihatan dan 00400 - Hospital-hospital yang akan saya bincangkan sekali gus.

Pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah memperuntukkan sejumlah RM4.5 bilion untuk Kementerian Kesihatan ini dan kalau kita bahagikan dengan penduduk negara kita ini, sebanyak 22 juta orang bererti setiap penduduk telah diperuntukkan sebanyak RM205 secara kasarnya dan ini adalah merupakan satu standard kalau dibandingkan dengan negara membangun satu angka yang membanggakan dan cukup baik. Namun demikian usaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan di negara kita ini perlu terus dipergiatkan dan kita telah mendengar banyak komen dari rakan-rakan khususnya daripada luar bandar yang masih mempertikaikan soal perlunya ataupun masih banyak masalah dari segi pemberian perkhidmatan kesihatan di peringkat daerah masing-masing.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk terus kepada masalah yang dialami di Hospital Labuan khususnya dalam pemberian perkhidmatan kepakaran. Tuan Pengerusi, Hospital Labuan mempunyai 109 buah katil dan mempunyai kemudahan untuk perkhidmatan pakar. Perkhidmatan pakar ini diberikan oleh pakar tetap yang ditempatkan di hospital ini dan juga pakar-pakar yang melawat daripada Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu. Pakar tetap atau residential specialist yang ada di sini ialah dalam bidang perubatan am, pakar bedah am, pakar bius, pakar perbidanan dan pakar sakit puan. Ini semuanya diambil secara kontrak tetapi mulai daripada 28 Ogos tahun ini, perkhidmatan pakar bedah am dan juga pakar perubatan am telah ditamatkan perkhidmatan mereka ini dan sehingga hari ini masih lagi menunggu keputusan daripada Kementerian Kesihatan sama ada boleh menyambung ataupun boleh memperbaharui kontrak mereka ini. Jadi, bererti Labuan kini tidak mempunyai pakar dalam bidang bedah am dan juga perubatan am ini yang amat-amat diperlukan.

Selain daripada itu, perkhidmatan kepakaran ini juga kita terima melalui perkhidmatan yang diberikan oleh pakar-pakar daripada Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu yang berjadual. Bidang kepakaran tersebut adalah seperti pakar tulang atau ortopedik setiap bulan sekali, pakar ENT setiap bulan sekali, pakar mata dua bulan sekali, pakar kulit tiga bulan sekali, pakar psikiatri tiga bulan sekali dan tidak ada pakar kanak-kanak yang melawat.

Jadi, pakar-pakar ini juga mengendalikan klinik pakar dan memberikan konsultasi di wad dan juga melakukan pembedahan-pembedahan kecil dan bilangan pesakit yang dirawat di klinik pakar ini di antara 20 orang hingga 30 orang pesakit setiap kali lawatan.

Tuan Pengerusi, keperluan perkhidmatan kepakaran ini amat penting, ianya sangat diperlukan di Hospital Labuan, sebagai sebuah pulau dan statusnya sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa dan perkhidmatan kepakaran yang up to date, dengan izin, diperlukan supaya dapat memberikan medical back up yang moden kepada pelabur-

pelabur asing ini. Ini amat penting kerana kita tidak mahu mendengar kes-kes di mana ada yang disengat penyengat, lepas itu terus mati. Ini memang berlaku di Labuan, kepada seorang Pengurus Bank Luar Pesisir. Jadi, ini jelas menunjukkan kepada kita kelemahan yang terdapat di hospital ini, apabila seorang disengat penyengat pun dia tidak boleh diselamatkan, kebetulan pula kawan saya yang meninggal dunia kerana itu sahaja, disengat tetapi mungkinlah ada complication lain itu menyebabkan ia mati.

Di samping itu alat perubatan misalnya eco-kardiogram untuk pesakit jantung diperlukan di hospital ini, di samping seorang pakar perubatan. Pesakit yang tenat dan memerlukan rawatan seorang pakar perubatan dan rawatan insentif dapat di rawat di Hospital Labuan dengan adanya pakar ini dan ini dapat mengurangkan juga kos pesakit untuk dirujuk ke Hospital di Kota Kinabalu dan rawatan dapat diberikan dengan lebih cepat tanpa menimbulkan masalah pada pesakit dan juga keluarga mereka.

Kesesakan di Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu juga mungkin dapat dikurangkan kerana konsep hospital nukleus kepada rakan dari Bagan tadi yang juga bermaksud ialah perkhidmatan dapat diperkembangkan dan dapat berdiri dengan sendirinya akan dapat dilaksanakan dan menjadi satu kenyataan, itu konsep hospital nukleus ini.

Hospital Labuan, Tuan Pengerusi, memerlukan pakar perubatan, physician, seorang pakar bedah - general surgeon, pakar bius - anaesthesiologist, pakar perbidanan sakit puan - O&G, pakar kanak-kanak - paediatrician dan ini bagi saya keperluan pakar perubatan ini mempunyai banyak justifikasi yang saya rasa tidak perlu saya sebutkan secara terperinci, tetapi ianya saya rasa perlu diwujudkan dan perlu ditempatkan segera pakar perubatan sedemikian, yang mana tempoh kontraknya telah ditamatkan ini.

Saya ingin bertanya apakah masalah sebenarnya yang dihadapi oleh kementerian kerana tamat kontrak itu pada 28 Ogos 1998 dan sehingga hari ini belum dapat disambung perkhidmatan tersebut dan pakar ini terpaksa mencari kerja di luar dan mungkin terpaksa juga pulang ke negara asal mereka kerana kebanyakan pakar kontrak ini datang daripada negara seperti India dan kalau tidak disambung, terpaksa dihantar balik dengan segera. Pakar perubatan ini saya rasa antara justifikasinya ialah kewujudan mereka ini supaya dapat membuat diagnosis khusus seperti endoscopy, stress test dan ultra-sound, dan di mana prosedur ini sudah tentu tidak dapat dilakukan oleh pegawai perubatan biasa. Dan klinik pakar juga yang ada di Labuan ini tidak dapat dikendalikan sekarang kerana ketiadaan pakar. Jadi, perkhidmatan konsultansi dan pakar dapat diberikan sekiranya ada pegawai yang bertugas di sana.

Kita mempunyai mesin haemodialysis di Labuan tetapi dengan ketiadaan pakar, maka pesakit yang memerlukan acute dialysis ini terpaksa dirujuk ke Kota Kinabalu dan kalau ada di Labuan sudah tentu tidak perlu lagi dihantar ke Kota Kinabalu dan sekiranya ada kehadiran pakar ini juga akan dapat memberikan continuous medical education kepada pegawai-pegawai perubatan yang ada di Labuan ini. Dari segi pakar bedah pun alasannya hampir sama kerana kebanyakan kes yang perlu dirujuk ke hospital ini 13% daripada pesakit yang dimasukkan ke wad adalah merupakan pesakit yang memerlukan rawatan pakar atau pakar bedah sama ada rawatan bedah biasa atau bedah elective. Jadi semuanya ini memerlukan kepakaran dan bilangan mereka yang memerlukan ini, saya sebutkan tadi 13% dan banyak lagilah rawatan-rawatan yang memerlukan kepakaran misalnya rawatan palliative untuk pesakit-pesakit barah yang terminal, yang perlu diurus oleh pakar bedah dan dibantu oleh pegawai perubatan dan di samping itu adanya pakar bedah ini juga akan dapat memberikan continuous education.

Seterusnya, yang saya ingin ajukan ialah supaya kementerian akan dapat mengadakan pakar kanak-kanak ini di Hospital Labuan. Ini bagi saya amat diperlukan kerana kebanyakan kanak-kanak, penyakit kanak-kanak ini berbeza-beza, amat berbeza sekali dibandingkan dengan penyakit orang dewasa dan rawatan yang diperlukan juga berlainan dan memerlukan perkiraan yang tepat dari segi dosage dan sebagainya. Jadi, kebanyakan pesakit kalau sekiranya ada pakar ini dapat dan boleh diuruskan di Labuan sendiri tanpa merujuk ke Hospital Kota Kinabalu.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya setakat ini kementerian awal tahun ini kalau saya tidak silap, kalau bukan penghujung tahun lalu telah pun mengumumkan bahawa telemedicine akan dimulakan sebagai projek perintisnya di Langkawi dan Labuan, tetapi saya difahamkan oleh pihak Hospital Labuan sehingga hari ini telemedicine masih belum boleh digunakan di Hospital Labuan. Jadi saya ingin tahulah apa masalah yang dihadapi oleh pihak kementerian dan walaupun misalnya lain kali ingin mengumumkan kalau tidak dapat dilaksanakan jangan umum dulu, jadi rakyat sudah berharap sangat. Memanglah masyarakat international di Labuan yang terlibat dalam offshore business activity ini mengharapkan pemberian atau penyediaan perkhidmatan kesihatan pakar ini dan telemedicine ini penting untuk memberikan confidence kepada mereka.

Hari ini terdapat pegawai-pegawai yang berurusan atau mempunyai perniagaan di Labuan, sama ada di bidang offshore finance, offshore banking, offshore insurance, offshore business, ini kebanyakan keluarga mereka tidak duduk di Labuan. Mereka sanggup berulang setiap minggu dari Labuan ke Kuala Lumpur, atau dari Labuan ke Singapura, atau ada yang duduk di Hong Kong, antara sebab bila saya tanya kerana mereka mengatakan sekiranya anak saya sakit, sekiranya saya sakit, tidak ada perkhidmatan kepakaran disediakan di Hospital Labuan.

Jadi bagi saya ini melemahkan confidence pelabur-pelabur asing untuk menggunakan Labuan sebagai pusat perniagaan mereka sedangkan kerajaan dari segi Kementerian Kewangan, dari segi perundangan dan sebagainya telah memudahkan untuk mereka. Tetapi dari segi kesihatan kita gagal untuk menyediakan keperluan asas masyarakat antarabangsa ini, maklum sahaja kita berhadapan dengan masyarakat Barat, dari Amerika, dari U.K. dan sebagainya. Sudah tentu mereka memerhati dan mengambil kira wujudnya hospital yang mempunyai keupayaan. Bila ada seorang pengurus bank luar pesisir mati kerana disengat oleh penyengat, jadi bagaimana pula kalau ada seorang pegawai yang memegang jawatan tinggi dalam syarikat offshore ini sakit jantung, sudah tentu tidak ada upaya untuk menyelamatkan mereka. Jadi oleh kerana ini tidak ada, mereka tidak mahu menggunakan Labuan dan terus menggunakan tempat-tempat lain untuk mereka beroperasi dalam bidang offshore business activities ini.

Jadi, inilah antara perkara yang saya rasa perlu ditimbang oleh pihak Kementerian Kesihatan dan memberikan keutamaan dan tidak mengambil kira norma-norma biasa untuk menentukan kepakaran yang ada seperti di hospital-hospital lain. Bagi Labuan jangan kira itu, tidak perlu ada misalnya pesakit yang bilangannya kecil, penggunaan katil yang minimum, itu tidak perlu diambil kira. Kerana saya rasa kalau ada pakar di Labuan ini, pakar di Labuan juga boleh menyumbang untuk memberikan perkhidmatan kesihatan lawatan ke kawasan yang berdekatan misalnya, Sipitang, kawasan negeri Sabah, kawasan Sarawak di pedalaman. Pakar yang ada di Labuan ini boleh diterbangkan ke kawasan-kawasan tersebut untuk memberikan perkhidmatan kepakaran dan sekali gus dapat mengurangkan load yang ada di Hospital Kota Kinabalu ini.

Dengan kata-kata demikian saya berharap pihak kementerian dapat mengambil perhatian dan dapat menimbang soal mewujudkan semula dan menambahkan lagi bilangan doktor-doktor pakar di hospital nukleus di Labuan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Hulu Terengganu.

4.49 ptg.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengambil bahagian dalam peruntukan Kementerian Kesihatan dalam Butiran 00201 - Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, dalam daerah Hulu Terengganu lebih kurang 60,000 orang penduduk dan mempunyai sebuah hospital dan beberapa klinik desa di kampung-kampung. Tetapi buat masa ini tahap kematian bayi ataupun kelahiran yang tidak selamat ini masih lagi meningkat dan boleh dikatakan di antara yang tertinggi kalau dibandingkan dengan daerah-daerah lain dalam negeri Terengganu khususnya. Ada kampung yang penduduk 2,000 orang tetapi kelahiran tidak selamat ini meningkat sampai 7.03% tiap-tiap tahun. Jadi oleh sebab itu saya mengambil kesempatan di sini, perkara yang timbul ialah kerana rawatan kesihatan ibu-ibu mengandung ini tidak dapat ditumpukan sepenuhnya oleh Jabatan Kesihatan khususnya hospital kerana jauh lebih kurang 40 kilometer daripada kampung yang berkenaan.

Jadi oleh sebab itu pihak hospital daerah dan jabatan kesihatan daerah yang kerap kali dibangkitkan oleh saya sendiri dalam majlis pembangunan daerah supaya diadakan lebih banyak khidmat nasihat kepada penduduk-penduduk di pedalaman khususnya ibu-ibu mengandung. Jadi oleh kerana kekurangan pegawai dan kemudahan klinik desa tidak banyak maka sebab itulah sebahagian besar ibu mengandung tidak dapat khidmat nasihat dan mereka terus pergi ke bidan-bidan kampung yang tidak bertauliah. Misalnya ada tiga buah kampung, yang mana kampung ini telah dicadangkan untuk diadakan klinik desa lebih kurang 10 tahun yang lalu dan tapak ketiga-tiga tempat ini telah dipunyai oleh Kementerian Kesihatan, iaitu Klinik Desa Basung yang sebahagian besarnya diduduki juga oleh Orang-orang Asli, yang kedua Klinik Desa Kampung Puah dan yang ketiga Klinik Desa Kampung Getang. Kampung Getang ini dahulu letaknya di tepi pesisiran Sungai Terengganu, bila sahaja jalan sudah dibuat di antara Kuala Trengganu ke Kuala Berang, satu laluan baru, jadi penduduk di kampung yang di tepi pesisiran sungai ini telah berpindah ke tepi jalan, jadi asalnya klinik ini ada, tetapi oleh kerana klinik telah bersendirian di tepi sungai, tiada bidan yang hendak duduk di situ, ketakutan kerana jauh lebih kurang 100 kilometer jarak dari kampung yang baru berpindah di tepi jalan.

Jadi ini juga merupakan masalah kepada penduduk di sini, oleh sebab itu saya mengharapkan Kementerian Kesihatan, kalau melihat kepada peruntukan tahun 1999 banyak klinik desa akan diperuntukan maka saya pohon supaya diutamakan di ketiga-tiga kampung yang saya sebutkan tadi mudah-mudahan dengan cara ini kita dapat memberi satu perkhidmatan jagaan kesihatan ibu mengandung, misalnya jagaan kesihatan kanak-kanak, perkhidmatan perancang keluarga dan pendidikan kesihatan seterusnya perkhidmatan kesihatan untuk anak-anak sekolah.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan perkhidmatan doktor-doktor di hospital, kita dapati banyak doktor pelatih yang tamat latihan dihantar ke daerah-daerah jadi kadangkala menimbulkan masalah kepada penduduk dan pengetahuan mereka dalam bidang perubatan. Jadi banyak berlaku silap faham di kalangan rakyat tentang perkhidmatan doktor-doktor yang kurang berpengalaman dan masih dalam latihan.

Jadi sebab itu mereka lebih menumpukan kepada perubatan-perubatan tradisional umpamanya ataupun kepada klinik-klinik yang mampu. Dengan ini juga saya mengharapkan bagi daerah Hulu Terengganu saya minta supaya doktor-doktor berpengalaman dikekalkan sekurang-kurangnya dua, tiga orang, kalau tidak akan

menimbulkan masalah kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Dengan kata-kata ini saya mengucapkan terima kasih, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Bintulu.

**4.52 ptg.**

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 00400 - Hospital-hospital dan 00201- Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana telah membina sebuah hospital baru di Bintulu, hospital yang dijangka siap pada Mei tahun depan yang telah pun delay begitu lama. Nampaknya masih banyak kerja yang perlu dilakukan ke atas struktur fizikal bangunan lebih-lebih lagi kerja-kerja pemasangan peralatan makmal dan lain-lain. Saya berharap kerja-kerja tersebut dapat disiapkan menurut jadual dengan mutu yang baik kerana ini merupakan satu projek yang sudah lama ditunggu oleh penduduk Bintulu.

Saya juga berharap pihak kementerian tidak akan lupa taraf dan mutu perkhidmatan di hospital yang ada sekarang sepanjang tempoh pembinaan berperingkat hospital baru Bintulu ini. Semasa lawatan saya ke Hospital Bintulu terdapat beberapa perkara yang dibawa ke pengetahuan saya yang mana pihak kementerian akan mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah ini.

Pertamanya saya mendapati memang terdapat kekurangan doktor di Jabatan Pesakit Luar. Di situ saya mendapati dua doktor dan tiga pembantu hospital sahaja yang bertugas. Setiap hari terdapat lebih kurang 200 pesakit yang datang berjumpa doktor di klinik tersebut. Mula-mula sekali pesakit hendaklah berjumpa pembantu hospital terlebih dahulu tetapi masih banyak kes yang dirujuk kepada doktor. Kenapa tidak ditugaskan terus doktor di situ. Ini bukannya bermakna pembantu hospital tidak dapat memberi khidmat ataupun layanan yang lebih baik, tetapi supaya pesakit boleh terus berjumpa doktor daripada diarahkan berjumpa pembantu hospital kerana ini akan membuang masa yang lama kerana menunggu terlalu lama.

Klinik pesakit luar itu berukuran hanya 20 kaki lebar dan 80 kaki panjang, lebih kurang saiz area, dengan izin, Klinik Parlimen dan 8 kaki tinggi sahaja dengan 200 pesakit, kesesakan dalam klinik sehingga bernafas pun susah, kerana bilangan pesakit sangat ramai sedangkan doktor sangat berkurangan di Klinik Pesakit Luar maka para pesakit terpaksa menunggu berjam-jam lamanya hanya untuk berjumpa doktor untuk memastikan mereka mendapat nombor awal, ramai yang terpaksa menunggu di kaunter lebih awal pada jam 6.30 pagi.

Tuan Pengerusi, mereka ini terdiri daripada orang sakit, mereka bukan orang biasa yang sihat seperti menunggu giliran di Pejabat MAS berhawa dingin untuk membeli tiket. Mengapa mereka perlu menunggu lebih kurang empat jam dalam wad klinik yang padat dan tidak ada peredaran udara. Penantian yang lama tidak siapa pun yang tahan, memanglah ini satu penantian yang lama terutama apabila sakit dan tidak ada sistem nombor giliran yang anda boleh tahu bilakah giliran akan sampai. Walaupun ada sistem nombor giliran yang mana jururawat akan memanggil tetapi masih juga seorang itu tidak tahu bila gilirannya akan sampai. Ini menimbulkan kebimbangan yang tidak perlu seperti binggung, dan keliru. Mengapakah tidak boleh diperkenalkan sistem nombor digital supaya pesakit akan mengetahui bilakah gilirannya dan bebanan lama menunggu boleh dikurangkan.

Kebanyakan pesakit begitu kecewa kerana menunggu lama sehingga mereka putus asa terutama mereka yang terpaksa kerap menemui doktor. Anggapan bahawa mereka terpaksa menunggu terlalu lama menimbulkan kurang minat mereka dan tidak mahu berjumpa doktor lagi. Akibat kekurangan doktor di Klinik Pesakit Luar, para pesakit mengambil masa yang lama untuk dirawat, ada sesetengahnya yang menunggu dan sesetengahnya tidak sanggup menunggu kerana wang belanja sudah habis dan terpaksa balik ke rumah.

Penduduk luar bandar terpaksa datang awal dulu biasanya sehari sebelumnya kerana tinggal jauh. Jika giliran mereka tidak sampai pada pagi esoknya mereka perlu menunggu satu hari lagi. Wang belanja untuk makanan dan penginapan sangat mahal bagi rakyat yang miskin dari luar bandar ini, sedangkan mereka tidak berduit kecuali balik ke rumah. Barangkali hari berikutnya mereka boleh menemui doktor, menurut mereka.

Keadaan ini sungguh serius dan menyedihkan. Di sebelah kanan klinik pesakit luar ialah pejabat Juruteknologi Makmal Perubatan di Hospital Bintulu, malangnya sangat kecil hanya lebih kurang 15 kaki lebar dan 20 kaki panjang. Bayangkan bagaimanakah keadaannya apabila ribuan sample dibawa masuk untuk pemeriksaan cholera, bagaimana boleh bilik tersebut mampu dimuatkan apa sahaja bagi menguruskan kerja-kerja lebih besar. Peralatan sahaja sudah memenuhi ruang dalam makmal, bagaimana pula ruang untuk pesakit?

Satu lagi masalah ialah ialah kakitangan makmal. Hospital Bintulu memberi perkhidmatan kepada lebih kurang 100,000 penduduk tetapi hanya lapan orang sahaja kakitangan yang bertugas di makmal Hospital Bintulu membuat berbagai pekerjaan. Sudah pasti kakitangan ini terpaksa melakukan kerja lebih masa dalam ruang makmal yang sempit dan sesak. Sepatutnya bilangan kakitangan hendaklah ditambah seganda lagi. Mereka bekerja di shift lain bagi meringankan bebanan tugas kakitangan makmal yang ada sekarang. Terlalu banyak kerja lebih masa dan bebanan tugas memang tidak sihat untuk kakitangan yang ada sekarang di makmal Hospital Bintulu.

Makmal Hospital Bintulu juga mengambil tanggungjawab Bank Darah. Terdapat seorang kakitangan bertugas mengambil darah penderma. Sering terjadi beliau terpaksa membuat kerja di luar waktu pejabat. Saya difahamkan di Sibul terdapat lebih kurang sepuluh kakitangan bertugas di Bank Darah manakala di Bintulu terdapat hanya seorang sahaja dan ia diletakkan di bawah tugas dan tanggungjawab makmal.

Saya difahamkan peruntukan doktor dan kakitangan perubatan lain dibuat menurut bilangan katil pesakit di hospital. Saya fikir dalam kes Hospital Bintulu ini aturan kiraan jari tidak boleh dipakai lagi tetapi situasi sebenar hendaklah dinilai bagi menampung keperluan penduduk Bintulu. Cara memperuntukkan kakitangan perubatan hendaklah serupa dengan pengagihan jururawat dan doktor gigi. Pesakit gigi merasa begitu kecewa apabila tidak boleh menemui doktor gigi terutama gigi dan gusi mereka bertambah sakit dan bengkak. Hanya seorang doktor gigi sahaja macam mana dapat atasi semua tugasnya.

Di Sarawak memang terdapat kekurangan doktor yang boleh melakukan kerja autopsy dan di Bintulu juga seseorang doktor terpaksa terbang dari Kuching dan kerap terjadi beliau terpaksa menunggu beberapa hari. Ini akan menyulitkan keluarga yang ditimpa malang kerana terpaksa menunggu beberapa hari sebelum mayat dikebumikan. Keperluan supaya disediakan lebih ramai doktor yang boleh melakukan autopsy begitu mencemaskan tidak sahaja di Sarawak tetapi juga di seluruh negara dan saya ingin menggesa supaya masalah ini ditangani seberapa segera. Apatah lagi di kawasan luar bandar, banyak klinik yang tidak mempunyai doktor bertugas. Saya difahamkan hal ini

terjadi kerana status sesebuah klinik dan dengan itu seorang doktor tidak boleh diperuntukkan. Doktor perlu diagih-agihkan ke kawasan pedalaman dan strategik di luar bandar supaya kita boleh memberi perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Beberapa tahun lalu terdapat sebuah Lembaga Pelawat Hospital di Hospital Bintulu yang tujuannya sebagai jambatan yang menghubungkan orang ramai dan pihak berkuasa hospital. Bagaimanakah kedudukan Lembaga Pelawat ini sekarang? Lembaga ini sebaiknya hendaklah dikaji semula supaya pihak hospital boleh mendapat maklum balas dari orang ramai dan dalam masa yang lama membawa mesej memberi sebaik-baik perkhidmatan kepada orang ramai. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Gelang Patah, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

**5.08 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan. Saya ingin sentuh Butiran 020000 - Kesihatan Awam.

Tuan Pengerusi, bersama-sama saya ingin sentuh tentang 020300 - Kawalan Penyakit. Tentang hal ini, baru-baru ini saya dapat maklumat daripada Kementerian Kesihatan bahawa kes-kes demam denggi meningkat jika dibandingkan daripada kes-kes demam denggi pada tahun lalu iaitu 1997. Hingga sekarang daripada Januari ke Oktober 1998 sudah meningkat 30% jika dibanding dengan tahun yang lalu iaitu sehingga sekarang sudah ada kes demam denggi 20,673 kes dan sudah ada 34 orang meninggal kerana kes demam denggi. Ini adalah satu tanda bahawa walaupun ada kempen-kempen kebersihan dan kempen-kempen yang lain untuk kita menjauhkan penduduk berbilang kaum di negara kita ini terkena demam denggi tetapi malangnya tidak dapat mencapai matlamat yang diinginkan.

Saya ingin tahu apa langkah yang lebih berkesan yang akan diambil oleh Kementerian Kesihatan supaya dapat membanteras masalah penyakit berjangkit demam denggi ini. Pada masa sekarang seperti berlaku di Perak, sudah ada kes Japanese Encephalitis - ini satu masalah kerana nyamuk dan di sini saya pun ingin tahu dalam usaha Kementerian Kesihatan untuk membasmi malaria, apakah kemajuan pada masa sekarang yang dicapai oleh Kementerian Kesihatan dalam usaha membasmi malaria di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kawalan penyakit yang bukan berjangkit seperti diabetes, cardio-vascular hypertensy. Saya harap pihak Kementerian Kesihatan dapat mempertingkatkan kempen-kempen kesihatan seperti kempen "Gaya Hidup Sihat" dan lain-lain supaya kita dapat mengurangkan kes-kes penyakit yang bukan berjangkit ini dan harap dapat mempertingkatkan pendidikan kesihatan yang terdapat dalam Butiran 020400. Dalam Pendidikan Kesihatan, saya harap Kementerian Kesihatan dalam usaha mengadakan kempen-kempen seperti kempen memberikan maklumat kepada orang ramai tentang bahaya merokok dan lain-lain melalui poster, dialog dan lain-lain supaya kita dapat mencapai matlamat yang diinginkan.

Di sini saya ingin petik satu paragraph daripada *Royal Society of Health Journal* - Ogos dan Jun 1998, ada sebut tentang "*Smoking harms the lung, the heart, neurological systems including erectile dysfunction iaitu ED, prostate cancer, urinary bladder cancer, renal and ureter cancer, renal cancer*" dan ada sebut "*cigarette smoke exerts adverse effects on sperm motility and count. It is advisable for men to quit smoking should they*

*have marginal semen quality and wish to start a family. It affects local blood flow and normal penile smooth muscle responses”.*

*“Smoking is a risk factor for erectile dysfunction atau impotence. This adverse effect is probably mediated by several mechanism. It’s important to be aware of this link because this information may motivate some men smokers to quit. Quitting may restore or improve erectile function. Smoking is one of the risk factors.”*

Oleh yang demikian, kalau pihak Kementerian Kesihatan dapat memberikan maklumat yang lebih tepat daripada penyelidikan yang dibuat oleh pakar-pakar tentang bahaya-bahaya dalam merokok, kita dapat mempertingkatkan kempen ini supaya orang tidak akan merokok lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Bukit Bendera bangun.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Saya tidak merokok tetapi saya hendak bertanya, nampaknya Yang Berhormat dari Gelang Patah pakar dalam tajuk ini. Apa yang hendak saya tanya apakah akibatnya merokok ke atas kaum wanita?

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, memang dalam jurnal ini, pada kali ini tidak menyebut apa-apa effect kepada kaum wanita, semua lebih menyebut tentang masalah yang dihadapi oleh kaum lelaki tentang erectile dysfunction on (ED) atau impotence kerana dari segi orang yang merokok adalah lebih ramai lelaki kalau dibandingkan dengan perempuan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ini ada seorang wanita yang bangun, Kapar bangun.

**Dr. G. Leelavathi:** Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat ada memberitahu kaum wanita kalau merokok tidak ada apa-apa kesan tetapi kalau kaum wanita yang mengandung, dia merokok memang ada kesan untuk bayi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Jadi Yang Berhormat hendak tanyakah atau hendak bantu dia?

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih kerana menjawab untuk saya, dalam buku ini memang tidak ada sebut, saya hanya jawab kepada Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Gelang Patah pakar dalam bidang ini, saya hendak bertanya, dia kata jumlah wanita yang merokok kurang dari lelaki. Adakah itu berdasarkan kepada kajian atau hanya kenyataan beliau sendiri? Jadi saya hendak tahu fakta sebenarnya.

**Tuan Chang See Ten:** Itu adalah kenyataan saya sendiri daripada apa yang saya nampak, biasanya yang merokok lebih lelaki kalau kita bandingkan dengan wanita. Wanita kurang sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

**Tuan Chang See Ten:** Sedikit lagi. Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya ingin menyentuh tentang Butiran 020500 - Kawalan .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Masa tidak mengizinkan, Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** Sedikit sahaja. Kawalan mutu makanan, saya harap pihak Kementerian Kesihatan dapat mempertingkatkan usaha dalam kawalan mutu makanan. Dengan kata-kata demikian saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

5.15 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas pandangan dan teguran semasa mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan peringkat Jawatankuasa Kementerian Kesihatan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong menanya tentang status pembinaan Pusat Kesihatan Kecil Sejangung, Sri Medan, Johor. Perolehan tanah telah pun dimulakan dalam tahun 1998 dan projek ini dijangka akan dimulakan pada tahun 1999.

Yang Berhormat dari Bukit Mas bertanyakan tentang pembinaan klinik desa Long Napir di bahagian Limbang di kawasan Bukit Mas, pada masa kini projek ini tidak disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Ke-7. Walau bagaimanapun keperluan perkhidmatan disediakan oleh klinik-klinik berdekatan, permohonan Yang Berhormat akan diambil perhatian dan akan dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-8.

Berkenaan dengan klinik desa di Long Napir, Bukit Mas untuk kaum Penan dan juga mengenai perkhidmatan pesawat helikopter, klinik desa di Long Napir tiada dalam Rancangan Malaysia Ke-7 dan pembinaan klinik ini akan dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-8 dan mengenai perkhidmatan pesawat helikopter untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat pedalaman, perkhidmatan ini telah pun disediakan dan sedang beroperasi. Mengenai Hospital Daerah Lawas, ianya akan dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-8.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut bertanyakan tentang rawatan ubat naltrexone sama ada ia telah dijadikan sebagai satu rawatan yang standard bagi penagih dadah. Rawatan ubat naltrexone telah dimulakan secara pilot pada dua tahun yang lepas namun semenjak akhir tahun 1997 Bahagian Petugas Dadah di Kementerian Dalam Negeri telah pun melaksanakan program ini dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia dan Kementerian Kesihatan merupakan penyelarasan dan pakar rujukan, namun program ini belum lagi dilaksanakan secara menyeluruh.

Berkenaan dengan geriatrics medicine yang diperkenalkan di kolej-kolej latihan dalam negara, buat masa ini latihan geriatrics medicine atau perubatan yang berkenaan dengan warga tua masih dijalankan di luar negara. Perubatan geriatrics ini akan diberi pertimbangan yang sewajarnya mulai tahun 1999 di bawah Anggaran Belanja Mengurus dan dasar baru. Untuk makluman, kabinet telah pun meluluskan sebanyak RM52 juta untuk dibelanjakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-7. Peruntukan tersebut akan dibahagikan berdasarkan kemampuan Perbendaharaan meluluskan perbelanjaan tersebut dalam tempoh tersebut. Kementerian Kesihatan telah pun merancang untuk menyediakan perkhidmatan warga tua ini yang komprehensif untuk institusi kesihatan bagi setiap daerah.

Mengenai pertanyaan tentang sama ada kita mempunyai database bagi penderma organ, sebagai makluman, perkhidmatan penderma organ ini adalah masih di peringkat awal di Malaysia. Kementerian Kesihatan adalah di dalam proses mengadakan database yang sistematik bagi penderma organ.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam bertanyakan sama ada pendaatang asing dan pekerja asing dikenakan bayaran berlainan daripada pesakit warga tempatan. Semua pesakit warga asing termasuk pendaatang asing dan pekerja asing dikenakan caj yang lebih tinggi daripada pesakit warga tempatan. Mulai bulan Januari 1994, pesakit warga asing dikenakan caj dua kali ganda rawatan pesakit luar dan bagi pesakit dalam caj adalah dua kali ganda bagi wad dan caj atas kelas satu bagi semua rawatan dan perkhidmatan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam bertanyakan sama ada Hospital Bukit Mertajam telah diturun tarafkan dengan pembukaan Hospital Seberang Jaya dan meminta supaya Hospital Bukit Mertajam dinaikkan taraf semula. Kerajaan sedar akan perkara ini dan sebagai permulaan dewan bedah yang dibangkitkan dalam pertanyaan tadi akan dilengkapi dengan peralatan yang secukupnya supaya pembedahan dapat dimulakan semula di Hospital Bukit Mertajam ini. Lain-lain kepakaran akan hanya dapat disediakan jika kakitangan kepakarannya mencukupi.

Berkenaan dengan sama ada orang yang di paras sosio-ekonomi yang rendah itu kurang ataupun tidak berpeluang mendapat rawatan kardiothorax kerana terlalu lama menunggu ataupun senarai penungguannya agak panjang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memberi bantuan kepada pesakit yang kurang status sosio-ekonominya untuk mendapatkan rawatan kardiothorax. Sebagai contoh di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. seramai 35,547 pesakit miskin telah mendapat rawatan percuma melalui cara subsidi bagi tempoh 1992 dan 1997 yang melibatkan bayaran subsidi sejumlah RM102.6 juta oleh kerajaan. Mulai tahun ini pesakit miskin di negeri Sarawak juga berpeluang mendapat rawatan percuma atau subsidi di Pusat Rawatan Norma, Kuching yang dibiayai oleh kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam juga minta supaya mesin-mesin haemodialysis dapat ditambah supaya lebih ramai orang dapat menikmati rawatan tersebut dan tidak tersekat hanya kepada kakitangan kerajaan sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan untuk perkhidmatan haemodialysis ini telah ditambah sejak kebelakangan ini. Bagi tahun 1999 sejumlah RM23.6 juta disediakan untuk perkhidmatan dan bekalan dan sejumlah wang akan diperuntukkan di bawah Dasar Baru 1999 untuk pembelian atau gantian mesin-mesin haemodialysis di hospital-hospital yang memerlukannya. Adalah diharapkan jika perkembangan ini mengizinkan, lebih ramai pesakit bukan dari kakitangan kerajaan akan diberi peluang untuk mendapat rawatan haemodialysis.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan .....

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Mersing bangun.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Satu soalan. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Baru-baru ini saya berkesempatan menghadiri satu mesyuarat untuk menubuhkan satu pusat dialysis di Mersing dan pusat ini akan dikendalikan oleh Lions Club Cawangan Mersing. Mereka tidak mempunyai masalah sangat dari segi mendapatkan atau membeli peralatan kerana mereka telah pun mendapat derma daripada orang ramai, masalahnya ialah untuk mendapatkan tempat. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak kerajaan boleh menyediakan satu tempat, satu ruang katakan di Hospital Mersing, bagi membolehkan mereka memulakan operasi kerana sekarang ini orang Mersing kalau hendak mendapatkan rawatan haemodialysis terpaksa pergi ke Johor Bahru yang jaraknya 130 km. Jadi saya hendak tanya, adakah boleh ditempatkan di Hospital Mersing.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Ini tidak merupakan satu masalah, hanya yang perlu dilakukan oleh kumpulan yang ingin mengadakan perkhidmatan ini, perlu membuat rundingan dengan pihak hospital di Mersing dengan mendapat kelulusan daripada Pegawai Kesihatan Daerah dan dimaklumkan kepada Pengarah Kesihatan Negeri. Itu sudah biasa kita dapat kemudahan ini yang dijalankan di tempat-tempat lain, tetapi dengan syarat membuat rundingan dahululah.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan ada membangkitkan tentang penyakit yang dikatakan Japanese Encephalitis yang berlaku di Ipoh dan bertanyakan mengapa berlaku kelewatan dalam pemberitahuan dan apakah langkah-langkah yang diambil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bagan dan juga Tambun, Kementerian Kesihatan memang mengambil perhatian serius mengenai perkara ini dan tidak adillah kalau mengatakan bahawa kementerian agak kelewatan kerana setiap penyakit yang kalau diandaikan atau dikeluarkan maklumat yang sebenarnya merupakan berita yang sumbernya pun belum jelas dikesan. Seperti contoh dalam berita yang keluar pada akhbar 21 November 1998, puncanya pun agak kabur. Jadi, kementerian terpaksa berhati-hati di dalam sebarang kenyataan dan tidak boleh sebarang kenyataan keluar tanpa mendapat satu semakan dan siasatan yang rapi dan terperinci terutamanya apabila ia berkaitan dengan jabatan-jabatan yang lain.

Jadi Kementerian Kesihatan telah pun dimaklumkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Perak mengenai penyakit viral yang dikatakan Viral Encephalitis ini di mana kes pertama dilaporkan pada bulan Oktober 1998 dan pada ketika itu penyakit Japanese V-Encephalitis ini adalah salah satu dari penyakit yang disyaki. Makmal Virologi di Insititut Penyelidikan Perubatan sedang berusaha untuk memastikan diagnosis yang tepat bagi kejadian penyakit ini. Sejak bulan Oktober sehinggalah ke hari ini terdapat 14 kes termasuk tiga kematian yang berkaitan.

Pada ketika ini, penyakit ini dianggap sebagai Viral Encephalitis dan langkah-langkah yang diambil:

- (i) pendidikan kesihatan yang intensif mengenai kawalan vektor atau nyamuk;
- (ii) pemberian vaksin Japanese V-Encephalitis untuk golongan berisiko tinggi, misalnya bagi pekerja ladang ternakan khinzir dan keluarga serta contact mereka;
- (iii) aktiviti semburan bagi mengurangkan kepadatan vektor atau nyamuk; dan
- (iv) mencari kes symptomatic awal untuk tindakan-tindakan seterusnya secara berterusan dan komprehensif.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan ada membangkitkan tentang Hospital Seberang Jaya yang patut menerima pesakit luar dan bukan pesakit-pesakit biasa semata-mata. Kementerian .....

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tambun bangun.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, satu tentang penyelidikan yang Dato' katakan ke atas penyakit ini, lagi satu, tindakan di kawasan tersebut kerana saya sendiri, ini kawasan saya, dari segi nyamuk quelec, ia terbang sampai 4.8 kilometer bermakna dari

segi radiusnya, 9.6 kilometer kawasan dia itu, makna termasuk sampai ke rumah saya. Sekarang yang menjadi isunya, kerja-kerja forging ini tidak dijalankan secara menyeluruh, meliputi kawasan seluas itu dan nyamuk memang banyak sekarang ini.

Kedua, vaccination ini juga tidak dijalankan dengan meluas. Saya berbincang dengan pekerja-pekerja, sebab di situ ia melibatkan kawasan khinzir dan kawasan penanaman limau, jadi ia tidak menyeluruh. Yang Dato' nyatakan tadi, ada vaccination itu kepada kumpulan mana, kerana penduduk di sana menyatakan tidak melibatkan mereka.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Yang Berhormat, saya rasa saya perlu ambil kompelin atau aduan Yang Berhormat yang saya harap dapat diberikan secara agak terperinci kerana perkara ini harus disampaikan kepada pegawai kesihatan di sana. Yang setahu kitalah, Bahagian Pengawalan Penyakit sedang melakukan, dikerahkan secara menyeluruh dan dikawal oleh Bahagian Kawalan Penyakit di kementerian. Tetapi, kalau Yang Berhormat membuat aduan, bahawa tidak dikatakan menyeluruh, sebab rumah Yang Berhormat pun agak dekat juga dengan itu, memanglah saya faham, Yang Berhormat pun memang panik juga ya. Tetapi saya ingin menjelaskan bahawa ini tanggungjawab kita bersama juga, bila ada sesuatu penyakit yang seperti ini janganlah mengharapkan seratus peratus kepada kementerian walaupun kita ada satu kementerian seperti Kementerian Kesihatan, yang sentiasa bertanggungjawab tetapi saya ingat biarlah semua anggota masyarakat itu bertanggungjawab secara bersama dan saya mohon supaya dapat dimaklumkan kepada saya supaya dapat saya sampaikan kepada pegawai kita bahawa Yang Berhormat dari Tambun kompelin, dia punya action strategy itu tidak meliputi seluas seperti apa Yang Berhormat beritahu.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Satu perkara lagi Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, saya bersetuju rakyat mesti ambil tindakan untuk menjaga kepentingan masing-masing tetapi dia mesti datang daripada kementerian sendiri sepertimana saya nyatakan, beri penerangan atau beri pamphlet, bagaimana tindakan-tindakan yang mesti diambil oleh rakyat sendiri, yang ini tidak ada berlaku.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Kita sebenarnya ada dua prong strategy. Dari satu segi, kita tidak hendak mengembar-gemburkan keadaan sehingga kita dapat laporan secara detail. Setakat dua hari lepas kalau tidak silap sayalah sebab hari ini saya belum dapat yang terkini tetapi yang saya tahu ialah siasatan dan kajian itu memanglah harus dilakukan secara terperinci. Seperti yang saya katakan disyaki, saya beritahu sebab-sebab tadi, disyaki, jadi kita harus juga berhati-hati sebab setiap kenyataan yang dikeluarkan oleh kementerian itu mestilah berasaskan kepada satu kajian yang memang harus dilakukan secara terperinci. Tetapi saya beri jaminanlah kepada Yang Berhormat bahawa teguran Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh kementerian.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan membangkitkan tentang Hospital Seberang Jaya tadi sama ada patut menerima pesakit luar dan bukan pesakit biasa semata-mata, kementerian memanglah telah perkenalkan polisi baru di mana perkhidmatan pesakit luar dasingkan dari perkhidmatan curative atau di peringkat yang agak kritikal. Jadi sebahagian daripada rawatan kesihatan keluarga yang lebih munasabah ditawarkan oleh klinik kesihatan, langkah ini juga akan mengatasi kesesakan di hospital-hospital. Walaupun demikian, perkhidmatan pesakit luar diberi secukupnya facility yang ada di bawah program Kesihatan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Sekejap Yang Berhormat, jawapan Yang Berhormat panjang atau tidak?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Saya pergi cepat-cepat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Sebab, biasanya kalau dalam lingkungan 15 minit, kita boleh teruskan tanpa membuat sebarang usul.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Boleh, kalau Tuan Pengerusi suruh saya pendekkan, saya pendekkan.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Mesti jawab, mesti jawab, jangan pendekkan.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Saya tiada problem.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, boleh sambung esok.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Sambung besok?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Boleh juga.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Bolehlah, okay besok.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, baik.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***